



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH KETENTERAAN ENCIK
ABDUL MALIK BIN HASHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
ANGGOTA TENTERA**

MOHAMAD AMIRUL SYAH BIN MOHD KASIM

(2013918341)

MUHAMMAD KHALID BIN NOR HISHAM

(2013328939)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – ORAL DOCUMENTATION
SEMESTER MAC 2015-JUN 2015**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK ABDUL MALIK BIN HASHIM MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
DALAM BIDANG KETENTERAAN

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD KHALID BIN NOR HISHAM
MOHAMAD AMIRUL SYAH BIN MOHD KASIM

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 5

1.0

PENGHARGAAN

1.0 PENGHARGAAN

Kami, Mohamad Amirul Syah bin Mohd Kasim dan Muhammad Khalid bin Nor Hisham ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang membantu kami dalam menyempurnakan tugas ini. Walaupun kami mungkin mengganggu keadaan mereka yang sedang menyiapkan tugas mereka ataupun waktu mereka berehat, walaupun begitu, mereka tetap membantu kami.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami yang mengajar subjek IMR 604: Oral Documentation, ataupun Dokumentasi Sejarah Lisan, Encik Zul-Azmi bin Ishak kerana memberi tunjuk ajar kepada kami untuk menjalankan tugas sesi menemu bual penduduk tempatan di Kampung Tebing Tinggi, Segamat, Johor Darul Takzim. Bukan itu sahaja, beliau juga telah membetulkan soalan-soalan kami yang kami gunakan untuk sesi menemu bual supaya tiada kesalahan serta mengurangkan sebarang isu-isu sensitif yang mungkin kami kemukan dalam soalan-soalan kami.

Kemudian, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan sekelas kerana sudi membantu kami dalam menjayakan serta melengkapkan tugas ini dengan memberi maklumat tambahan serta memberi tunjuk ajar apabila terdapat kesilapan dalam pembuatan transkrip tentang sesi menemu bual tersebut.

Terakhir serta tidak mungkin akan dilupakan, kami teramat ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa kami kerana memberi sokongan dari jauh kepada kami supaya kami dapat lakukan tugas ini dengan baik serta memberi bantuan dari segi kewangan jika kami mendapat sebarang masalah dalam perbelanjaan kami dalam menyiapkan tugas ini. Bahkan, mereka sanggup meluangkan masa kepada kami untuk kami menceritakan sebarang masalah yang kami hadapi dalam menyempurnakan tugas ini.

Akhir kata, kami amat berterima kasih kepada mereka-mereka yang sudi membantu kami serta meluangkan masa bersama kami dalam menyempurnakan tugas ini dengan baik. Tanpa insan-insan tersebut, kami tidak mungkin dapat menaikkan kadar keyakinan kami dalam menjalankan tugas ini dengan baik serta tidak menghilangkan kerisauan kami jika terdapat sebarang masalah dalam sesi menemu bual tersebut. Sekian, terima kasih sekali lagi.

ISI KANDUNGAN

No	Perkara	Muka Surat
1.0	PENGHARGAAN	1
2.0	ABSTRAK	4
3.0	BIODATA PENEMUBUAL	6
4.0	BIODATA TOKOH	9
5.0	Pengenalan Sejarah Lisan	11
6.0	KAJIAN LITERATUR – ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	13
7.0	KAJIAN LITERATUR – TENTERA DARAT MALAYSIA (TDM)	16
8.0	TRANSKRIP TEMUBUAL	19
9.0	RALAT	94
10.0	SENARAI SOALAN TEMUBUAL	97
	• SOALAN ORIENTASI	98
	• SOALAN UMUM KETENTERAAN	99
	• SOALAN KHUSUS KETENTERAAN	100
11.0	LOG TEMUBUAL	101
12.0	DIARI PENYELIDIKAN	115
13.0	RUMUSAN	119
14.0	RUJUKAN	121
15.0	LAMPIRAN	123
16.0	INDEKS	125

2.0

ABSTRAK

2.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Abdul Malik bin Hashim mengenai pengalaman beliau sebagai anggota tentera. Beliau merupakan tokoh ketenteraan di Kampung Tebing Tinggi. Saya, Mohamad Amirul Syah bin Mohd Kasim serta Muhammad Khalid bin Nor Hisham telah menemubual beliau di Pejabat Perladangan AMH Enterprise di Kampung Tebing Tinggi, Johor pada hari Sabtu bersamaan 13 Jun 2015 pada jam dua petang dan berakhir pada jam empat sepuluh petang. Encik Abdul Malik Hashim merupakan bekas tentera yang mempunyai pengalaman melebihi dua puluh tahun dalam bidang ketenteraan, serta pernah berkhidmat dalam bidang logistik selama 6 tahun.

Kata kunci: *ketenteraan, logistik*

3.0

BIODATA

PENEMUBUAL

3.0 BIODATA PENEMUBUAL



MOHAMAD AMIRUL SYAH BIN MOHD KASIM	
NO MATRIK	2013918341
TARIKH LAHIR	08/03/1993
ALAMAT	A2-T11-U11, PANGSAPURI PUTRA HARMONI, JALAN P9B/1, PRESINT 9, 62250, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.
KELULUSAN	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT – PENGURUSAN REKOD
INSTITUSI	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SEGAMAT
EMEL	crusnix_02@yahoo.com.my
NO TELEFON	019-2465152

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN



MUHAMMAD KHALID BIN NOR HISHAM	
NO MATRIK	2013328939
TARIKH LAHIR	09/09/1993
ALAMAT	NO.14, JALAN PULAI 13, TAMAN PULAI UTAMA, 81300 SKUDAI, JOHOR DARUL TAKZIM.
KELULUSAN	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT – PENGURUSAN REKOD
INSTITUSI	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SEGAMAT
EMEL	abg_khalid@yahoo.com.my
NO TELEFON	017-7439301

4.0

BIODATA TOKOH

4.0 BIODATA TOKOH



ABDUL MALIK BIN HASHIM	
TARIKH LAHIR	28/04/1950
UMUR	65 TAHUN
TEMPAT LAHIR	KAMPUNG TEBING TINGGI, SEGAMAT
NO TELEFON	013-7333078
BIDANG	KETENTERAAN
PEKERJAAN KINI	AHLI PERNIAGAAN

5.0

PENGENALAN

SEJARAH

LISAN

5.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN

Rahilah Omar & Siti Fathilah AL (2012) menyatakan bahawa sejarah lisan merupakan satu proses penghasilan sumber-sumber sejarah melalui teknik temubual/wawancara atau soal jawab, yang dibuat menggunakan pita rakaman serta proses transkripsi. Pengumpulan, penyalinan semula, penyusunan, penerbitan dan penyimpanan rakaman keterangan-keterangan yang dibuat oleh individu yang mempunyai kaitan dengan peristiwa yang menarik perhatian penyelidik, dilakukan berpandukan sistem tertentu merupakan sebahagian daripada sejarah lisan.

Sejak dari zaman dahulu lagi, sejarah-sejarah lisan telah diperakui kegunaannya sebagai tambahan dan penyokong kepada sejarah-sejarah bertulis. Antara tokoh yang telah menggunakan sejarah lisan adalah Thuchydides, seorang sejarawan Yunani di mana sejarah lisan diaplikasikan bagi melengkapkan kajiannya ke atas kekalahan orang Yunani dalam peperangan dengan Sparta (Nadzan Haron, 1979).

Sejarah lisan membantu memahami peristiwa sejarah dengan lebih berkesan. Antara membaca sejarah dan mendengar sejarah secara terus melalui tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah, ternyata sejarah lisan kedengaran lebih menyeronokkan untuk dipelajari, serta lebih meyakinkan.

Bagi masyarakat yang menjadikan tradisi sejarah lisan sebagai satu kaedah untuk menceritakan sejarah bangsanya, maka kaedah sejarah lisan sememangnya sangat penting. Masyarakat di Afrika misalnya, yang masih kekal dengan kaedah ini, bahkan terdapat individu yang bertanggungjawab sebagai penyimpan khazanah bangsanya melalui penceritaan. Justeru, kaedah sejarah lisan merupakan kaedah terbaik dalam usaha mengkaji serta memahami sejarah serta masyarakatnya. Sejarah lisan sebagai satu kaedah dalam penyelidikan akan pasti membantu kepada penemuan serta pemahaman terhadap peristiwa sejarah dengan lebih baik (Rahilah Omar & Siti Fathihah AL, 2012).

6.0

KAJIAN

LITERATUR –

ANGKATAN

TENTERA

MALAYSIA

(ATM)

6.0 KAJIAN LITERATUR ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ialah pihak yang bertanggungjawab terhadap pertahanan nasional serta menjaga keamanan negara dari ancaman-ancaman luar yang boleh menggugat keamanan negara Malaysia. Juga dipanggil sebagai pasukan tentera profesional negara Malaysia.

Pasukan profesional ini terdiri daripada tiga cabang ketenteraan seperti yang terdapat di negara-negara lain iaitu **Tentera Darat Malaysia (TDM)**, **Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)** dan **Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**. **Angkatan Tentera Malaysia (ATM)** bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan untuk **Rejimen Askar Melayu** pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion yang lengkap serta penuh yang dikenali sebagai **Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu** pada 1 Januari 1938.

Batalion kedua ditubuhkan pada 1 Disember 1941 iaitu enam hari sebelum bermulanya Perang Dunia Kedua bermula di Malaya. Ketika berlakunya peperangan besar ini, kedua-dua batalion ini menunjukkan kebolehan dan keupayaan mereka dalam menjaga keselamatan Malaya dari serangan luar. Selepas tamatnya peperangan tersebut, Malaya pada ketika itu menghadapi ancaman dari dalam negara seperti serangan Komunis yang menyebabkan Malaya terpaksa mengeluarkan arahan pekeliling kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan rakyat ketika itu.

Pada keadaan inilah menyebabkan kekuatan angkatan tentera Melayu telah ditambah bilangan askarnya menjadi 7 batalion bagi menangani masalah serangan Komunis dengan lebih berksean. Berlakunya juga penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu **Rejimen Persekutuan** dan **Skuadron Kereta Perisai Persekutuan** pada tahun 1952. Ketika ini, **TDM** lebih berkembang serta mempunyai operasi yang lebih berkesan melawan insurgensi.

TLDM bermula dari **Pasukan Simpana Sukarela Tentera Laut Negeri-negeri Selat (SSNVR)** pada 27 April 1934 di Singapura. Pasukan ini dibesarkan pada tahun 1938 dengan penubuhan cawangan Pulau Pinang dan ditukarkan nama kepada **Pasukan Sukarela Tentera Laut Malaya**. Ketika Perang Dunia Kedua, seksyen Melayu dalam Royal Navy telah ditubuhkan dan kekuatan pasukan ini mencapai jumlah 1430 anggota pada tahun 1941.

Disebabkan berlakunya masalah kewangan pada ketika itu, tentera laut Malaya telah dibubarkan pada bulan April 1947. Apabila keadaan darurat terjadi setelah kerajaan mengeluarkan arahan pekeliling kepada rakyat dan penduduk tempatan, tentera laut Malaya dihidupkan semula dan diwartakan pada 4 Mac 1949. Terdapat gelaran Diraja atas penganugerahan dari Permaisuri British pada ketika itu, Queen Elizabeth II pada tahun 1952. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963, tentera laut Malaya telah dikenali sebagai **Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)**.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ialah dengan penubuhan **Pasukan Sukarela Tentera Udara Negeri-negeri Selat (SSVAF)** oleh British pada tahun 1936. Pasukan ini ditukar nama kepada **Pasukan Simpana Tentera Udara Malaysia** pada tahun 1940 tetapi, keadaannya sama seperti tentera laut Malaya, pasukan ini dibubarkan ketika Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950, pasukan ini diserapkan semula sebagai Royal Air Force Malaya (RAF Malaya). Tentera udara Malaya menjadi kenyataan apabila pesawat Twin Pioneer pertama mendarat di pangkalan RAF Kuala Lumpur pada tahun 1958. TUDM ditubuhkan dengan rasminya pada 2 jun 1958.

Begitulah sejarah penubuhan angkatan tentera Malaysia yang menjadi pihak menjaga keselamatan di negara Malaysia serta penjamin keamanan untuk penduduk serta rakyat Malaysia. Mereka terus mengalami perubahan serta mengikuti arus pemodenan zaman sekarang yang penuh berteknologi tinggi serta canggih supaya dapat mencegah dari ancaman luar dari mengganggu keamanan yang dirasai sekarang.

Walaupun begitu, kekurangan anggota yang berlaku disebabkan kesedaran yang kurang terhadap kepentingan angkatan tentera Malaysia dalam menjaga keamanan negara serta mempunyai semangat patriotik yang kurang dalam rakyat masyarakat Malaysia untuk berbakti kepada negara. Bukan itu sahaja, berlakunya pergolakan politik dalam kerajaan juga faktor ketidakstabilan dalam organisasi tentera.

7.0

KAJIAN

LITERATUR –

TENTERA DARAT

MALAYSIA

(TDM)

7.0 KAJIAN LITERATUR TENTERA DARAT MALAYSIA (TDM)

Mengikut portal rasmi Tentera Darat Malaysia (TDM), sejarahnya bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh bangsa-bangsa Melayu sendiri. Perbincangan yang berlaku antara raja-raja Melayu pada ketika itu bersama dengan penasihat-penasihat British yang hadir bagi mewujudkan pasukan ini untuk mempertahankan tanah Melayu dari diserang oleh negara lain.

Pada tahun 1913, Almarhum DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad ibni Yam Tunku Antah, Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah bin Haji Damad telah menyuarakan keinginan mereka untuk menubuhkan pasukan askar Melayu.

Terjadinya **Rang Undang-Undang Askar Melayu** yang telah diluluskan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan dan dikenali sebagai Undang-Undang no. 11 menyebabkan hasrat Raja-Raja tersebut dapat ditunaikan. Walaupun telah mengadakan sesi pemilihan yang disertai seramai 1000 orang pemuda pada waktu itu, akan tetapi, hanya 25 orang sahaja yang terpilih sebagai Skwad Percubaan ataupun pengasas Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu.

Permulaan bagi latihan serta lapor diri bagi mereka yang menyertai kompeni tersebut harus berada di Haig Lines atau lebih dikenali sebagai IPDA pada zaman ini, Port Dickson pada 1 Mac 1933. Skwad Pertama ini telah menjalankan latihan dengan gigih dan penuh tabah, dan pihak pegawai-pegawai British, selaku jurulatih sangat berpuas hati dengan kebolehan, kecekapan serta semangat keperwiraan yang ditunjukkan.

Pada pertengahan tahun 1934, Kompeni Percubaan telah diistiharkan sebagai berjaya dengan cemerlangnya dan layak diperbesarkan ke satu batalion yang lengkap. Seterusnya buat julung kali, pada 4 November 1936, seramai empat pemuda anggota Skwad Pertama telah ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda. Mereka adalah No.8, Ariffin bin Haji Sulaiman, No.12, Ibrahim bin Sidek, No.13, Ismail bin Tahar dan No.25, Raja Lope Nor Rashid bin Raja Abdul Rahman.

Dengan tercetusnya peperangan di Eropah pada 3 September 1939, latihan anggota Askar Melayu telah dipertingkatkan dan kekuatannya diperbesarkan. Pada 1 Disember 1941, Batalion Kedua Askar Melayu telah ditubuhkan bagi menghadapi serangan Tentera Jepun yang sedang mara. Kompeni A, Batalion Kedua adalah unit Askar Melayu pertama menentang Tentera Jepun yang mendarat di Pantai Cinta Berahi atau lebih dikenali sebagai Pantai Cahaya Bulan di zaman ini Kelantan pada 8 Disember 1941.

Kekuatan Tentera Jepun yang berlipat ganda telah memaksa kompeni tersebut berundur ke Kuala Krai dan seterusnya Singapura. Di Singapura, Batalion Pertama dan Kedua Askar Melayu telah berjuang bersama Tentera British menentang kemaraan musuh. Askar Melayu telah berjuang dengan penuh semangat di sekitar kawasan Pasir Panjang, Buona Vista, Labrador dan Alexander.

Satu peristiwa yang sukar dilupai dalam sejarah Tentera Darat ialah peristiwa indakan Tentera Jepun menawan Bukit Chandu yang dipertahankan oleh Platun No.7, Kompeni C, Batalion Pertama Askar Melayu yang diketuai oleh Lt Adnan bin Saidi. Tentera musuh, setelah gagal dalam percubaan yang pertama, mengulangi serangan dengan kekuatan yang berlipat ganda. Di dalam pertempuran yang sengit ini, anggota Platun No.7 telah berjuang dengan semangat yang gigih tanpa mengaku kalah.

Lt Adnan sendiri mengandalkan senjata Lewis Machinegun dan mara mara untuk memberi semangat dan perangsang. Walaupun mengalami kecederaan, namun beliau telah menunjukkan semangat untuk terus berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Akhirnya tentera musuh telah berjaya menawan Bukit Chandu dan Lt Adnan telah ditikam dengan benet dan mayat beliau digantung kepala ke bawah di sebatang pokok.

8.0

TRANSKRIP TEMUBUAL

8.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Encik Abdul Malik bin Hashim yang merupakan bekas tentera ketika dulu dan kini, seorang ahli perniagaan yang berjaya di Kampung Tebing Tinggi. Rakaman ini dijalankan di Pejabat Perladangan AMH Enterprise, pada tiga belas Jun dua ribu lima belas (13/6/2015) jam dua petang (2 p.m.). Wawancara ini dikendalikan oleh Muhammad Khalid bin Nor Hisham dan Mohamad Amirul Syah bin Mohd Kasim. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

Muhammad Khalid: Assalamualaikum encik.

Abdul Malik Hashim: Waalaikumussalam.

Muhammad Khalid: Urm, apakah nama penuh encik?

Abdul Malik Hashim: Nama saya Abdul Malik bin Hashim.

Muhammad Khalid: Jadi, aaa, encik ada nama panggilan ataupun nama timangan yang mungkin orang panggil encik?

Abdul Malik Hashim: Tiada. Diorang [mereka] panggil Malik sahaja.

Muhammad Khalid: Malik sahaja. Jadi, aaa, bolehkah encik cerita serba sedikit mengenai latar belakang encik sendirilah, semasa encik masuk tentera?

Abdul Malik Hashim: Saya dilahirkan pada tahun dua puluh lapan hari bulan empat sembilan belas lima puluh (28/4/1950) iaitu di Kampung Tebing Tinggi, Segamat, Johor. Umur saya sekarang 65 tahun. Tarikh lahir saya dua puluh lapan hari bulan empat Sembilan belas lima puluh (28/4/1950). Bangsa (sambil berfikir) Melayu (sambil ketawa). Jadi bangsa ni [ini] ugama [agama] Islam. Jadi saya ni [ini] campuran, bapak [bapa] saya Cina, mak saya Melayu. Darah campuran ye [ya].

Muhammad Khalid: Kiranya ayah encik tu [itu] daripada China? Memang bumiputratu [di] sinilah?

Abdul Malik Hashim: China lah. Dia orang Muar, berasal daripada orang Bukit Gambir. Merantau di Tebing Tinggi masa tu [itu] umur dia empat belas (14) tahun. Masuk Islam pada umur lapan belas (18) tahun dan berkahwin dengan emak saya lah, --- dapat saya, tak [tidak] ingat tahun berapa dia kahwin tapi yang saya ingat saya lahir, tarikh lahir saya sembilan belas lima puluh (1950). Saya ingat dia kahwin dalam (sambil berfikir) 46 (1946), empat (4) tahun tak [tidak] dapat anak, kan, baru dapat saya. Ok.

Muhammad Khalid: Jadi berapakah bilangan adik beradik encik?

Abdul Malik Hashim: Saya mempunyai bilangan adik beradik sebelas (11).

Mohamad Amirul Syah: 11? Ramainya.

Abdul Malik Hashim: Sebelas (11) adik beradik. (sambil berfikir) Tujuh (7) laki-laki [lelaki] empat (4) perempuan. Tapi yang ada sekarang, semua ada sembilan (9). 2 simpan lah, meninggal masa [semasa] kecil [kecil].

Muhammad Khalid: Kiranya, minta maaf lah kalau sensitif sikit [sedikit]. Kiranya macam mak [ibu] encik mengalami keguguran ke semasa mengandung ke, macam mana?

Abdul Malik Hashim: Keguguran, meninggal.

Muhammad Khalid: Kiranya, ke semasa kecil [kecil] dia ada macam penyakit ke macam mana?

Abdul Malik Hashim: Siapa tu [itu]?

Muhammad Khalid: Yang dua (2) orang adik beradik encik tadi.

Abdul Malik Hashim: Yang meninggal tu [itu], saya pun tak [tidak], yang nombor dua (2) tu [itu] meninggal umur nombor tiga (3), saya tak jumpa. Tapi yang nombor enam (6) saya sebut kecik [kecil] dia leukemia.

Muhammad Khalid: Awalnya leukemia?

Abdul Malik Hashim: Dia, dia macam, bukan leukemia. Dia apa?

Muhammad Khalid: Kanser?

Abdul Malik Hashim: Bukan kanser. Dia macam budak cacat tu [itu]. Dia panggil apa ye [ya] selalu?

Muhammad Khalid: *Down syndrome*?

Abdul Malik Hashim: *Down syndrome*. Haa. Umur 3 tahun dia meninggal. Itu, yang tu [itu].

Muhammad Khalid: Jadi, kiranya dalam adik beradik encik ni, encik paling muda lah?

Abdul Malik Hashim: Saya nombor satu (1).

Muhammad Khalid: Yang paling tua lah?

Abdul Malik Hashim: Ya, yang tua. Orang yang pertama.

Muhammad Khalid: (berdehem) Jadi bilakah tuan berkahwin dengan isteri tuan?

Abdul Malik Hashim: Saya berkahwin pada (berfikir sebentar) bulan dua (2), bulan 2, sembilan belas tujuh puluh dua (1972). Tak [tidak] silap saya lah, yang saya ingatlah.

Muhammad Khalid: Jadi apakah nama?

Abdul Malik Hashim: Nama isteri saya Saadiah binti Mat Yunus.

Muhammad Khalid: Jadi daripada hasil perkahwinan tuan?

Abdul Malik Hashim: Daripada hasil perkahwinan saya, saya berkahwin pada tahun 72 (1972), saya dapat anak yang pertama, Razak tu 76 (1976), empat (4) tahun tak [tidak] dapat anak lah. Mempunyai lima (5) orang anak (sambil berfikir) seorang perempuan lah, nombor dua (2) perempuan, empat (4) laki-laki (lelaki) seorang [seorang] perempuan lah.

Mohamad Amirul Syah: Empat (4) lelaki seorang perempuan.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) nak [mahu] tanya, jadi sebab encik sendiri ada empat (4) lelaki seorang perempuan, jadi adakah antara mereka sudah berkahwin, ataupun?

Abdul Malik Hashim: Yang dah berkahwin tiga (3), tiga (3) orang laki [lelaki], seorang [seorang] perempuan, dua (2) laki-laki [lelaki], yang dua lagi belum.

Muhammad Khalid: (sambil ketawa) Yeke [yakah]. Jadi encik dah [sudah] timang cucu la ni [ini]?

Abdul Malik Hashim: Cucu saya (berfikir sebentar) berapa ye? Sembilan (9) rasanya.

Mohamad Amirul Syah: Ramainya.

Muhammad Khalid: Alhamdulillah, rezeki banyak tu [itu] (sambil ketawa). Jadi bolehkah tuan cerita serba sedikit lah mengenai pendidikan awal?

Abdul Malik Hashim : Saya (berfikir sebentar) sekolah pada sekolah rendah, sekolah Melayu di Tebing Tinggi. Darjah satu (1) sampai darjah enam (6). Lepas tu (berfikir sebentar) saya ada, zaman saya jugak [juga] ada secondary school [sekolah menengah]. Mana daripada tu [itu] peralihan bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris.

Masa dia masuk daripada *standard* 1 [tahun satu], smc 1, smc 2, *standard* 6 [tahun enam], pastu [selepas itu] kita nak [hendak] naik tingkatan, kita tak [tidak] mampu kan, pastu [selepas itu] berhenti. Makna saya 3 tahun lah belajar sekolah Inggeris lah, mana di Sekolah Tinggi Segamat, selama 3 tahun.

Muhammad Khalid: Jadi bolehkah encik, serba sedikitlah berkongsi tentang masa, apa yang encik lakukan ketika masa lapang ataupun yang suka dibuat ketika ada waktu lapang seperti hobi ke, apa ke?

Abdul Malik Hashim: Saya (berfikir sebentar) waktu lapang, saya, memang saya suka bekerja.

Muhammad Khalid: Oh yeke [yakah].

Abdul Malik Hashim: Suka bekerja, kadang [kadang-kadang] cari ikan kan, saya tak [tidak] suka pergi, orang kata, pergi pantai rehat, duduk chalet. Pada waktu lapang tu, bersama keluarga. Dengan tu, masa kerja tu kerja lah. --- lepas bangun tu tidurlah. (sambil ketawa).

Muhammad Khalid: Kiranya memang encik seorang, jenis yang suka menyibukkan diri lah?

Abdul Malik Hashim: Ya, saya. Saya. Kerja.

Muhammad Khalid: Jadi (berfikir sebentar) adakah, boleh tak [tidak] encik Malik cerita mengenai ibu bapa encik Malik? Mengenai pekerjaan mereka ke?

Abdul Malik Hashim: (sambil berfikir) Mak saya memang tak [tidak] bekerja. Bapak [bapa] saya bekerja pertanian lah. Petani lah. Seorang petani. --- tukang rumah --- menoreh getah kan, kerja dia. Seorang petani.

Muhammad Khalid: Jadi, selain daripada pertanian, bapa encik takde [tiada] buat --- lain la?

Abdul Malik Hashim: Dia (sambil berfikir) ada masa tu dipanggil dia *home guard* [polis bantuan] tau, makna sukarela. Dia dibagi [diberi] senjata api untuk jaga kampunglah. Masa zaman komunis dulu lah. Dia duduk ---.

Muhammad Khalid: Jadi seterusnya kami akan bertanyakan soalan-soalan umum tentang tuan dan tentang tugas encik sebagai bekas tentera lah.

Abdul Malik Hashim: Yalah. Ok.

Muhammad Khalid: Jadi bolehkah encik sendiri ceritakan pengalaman atau sejarah masa menceburi bidang ketenteraan?

Abdul Malik Hashim: Saya masuk tentera pada tahun bulan 9 enam puluh sembilan (9/1969). Masuk tentera tu [itu] zaman selepas tiga belas (13) Mei lah. Sembilan belas enam puluh Sembilan (1969).

Muhammad Khalid: Jadi faktor pendorong yang menyebabkan ---?

Abdul Malik Hashim: Faktor pendorong saya tu makna zaman tu [itu] orang kata kelulusan tu [itu] memang layak untuk pergi, jadi saya tak [tidak] layak untuk pergi kerja-kerja lain, jadi zaman tu [itu] layak untuk polis dan tentera lah. Kalau kerja-kera --- tak [tidak] minat kan, jadi saya minat bidang ketenteraan lah, jadi saya --- menceburkan diri dalam bidang ketenteraan, pada tahun enam puluh sembilan (1969).

Muhammad Khalid: Jadi ketika itu semasa encik masuk ketenteraan itu, berapakah gaji permulaan ataupun gaji awal?

Abdul Malik Hashim: Gaji permulaan saya sembilan puluh lima ringgit (RM 95) sebulan.

Muhammad Khalid: RM 95 sebulan?

Abdul Malik Hashim: RM 95 sebulan, zaman tu [itu]. Itulah gaji permulaan saya. Gaji --- la. Masa tu [itu] zaman saya rekrut, sebelum saya dia enam (6) bulan. Oleh sebab 13 Mei tu [itu] dipendekkan daripada 6 bulan pergi [jadi] tiga (3) bulan. 6 bulan tu [itu] dia cuma training [latihan] buat latihan dua belas (12) jam. Tapi bila zaman saya tu [itu], dia jadi dua puluh empat (24) jam, dia gabungkan, mungkin pendekkan masa, masa sepenuhlah ---.

Muhammad Khalid: Jadi semasa encik masuk bidang ketenteraan, siapakah yang encik, jadi idola ataupun jadi yang encik *respect* [hormat] menyebabkan encik lagi --- berminatlah untuk masuk dalam bidang ketenteraan?

Abdul Malik Hashim: (sambil berfikir) Maksudnya mendorong saya?

Muhammad Khalid: Ya, orang yang mungkin yang encik *respect* [hormati], --- hormatilah, encik hormati atau yang encik yang, sanjungi ketika encik dalam bidang ketenteraan lah.

Abdul Malik Hashim: Yang berada dalam bidang ketenteraan? --- saya lah. Bidang tu [itu] --- saya yang kita hormat lah kan. Tentera ni [ini] --- kan, yang kita kena hormat ketua kita lah kan. Ketua.

Mohamad Amirul Syah: Encik Malik, mengenai gaji tadi, dia ada tak [tidak] tahap-tahap di mana gaji itu bertambah?

Abdul Malik Hashim: Masa tu [itu] dia [gaji] naik, dia naik, dia naik (sambil berfikir), 10 *percent* [peratus] daripada setahun ke setahun lah. Dan juga tentera ni [ini] kalau dinaikkan pangkat ---.

Mohamad Amirul Syah: Dia naik pangkat lah?

Abdul Malik Hashim: Dia naik pangkat, dia tambah lah lagi gaji tu [itu].

Muhammad Khalid: (sambil berfikir) Jadi secara umumnya, encik boleh ceritakan mengenai bidang ketenteraan di negara kita ini?

Abdul Malik Hashim: Zaman, zaman saya tu [itu] masih zaman komunis lah. Komunis masih banyak lagi lah masa tu [itu] kan. Di — berkhidmat di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Makna pindah-pindah [berpindah] randah lah. Kita setahun kadang [kadang-kadang] di Sarawak, balik sini, berkhidmat di sini, kadang [kadang-kadang] pindah ke Sabah. Jadi kita bertukar-tukarlah. Untuk apa? (sambil berfikir) Untuk, untuk menjalankan tugas kan. Dipindahkan.

Muhammad Khalid: Jadi semasa encik, semasa encik dah [sudah] masuk ke dalam bidang ketenteraan, jadi apakah tugas encik semasa tu [itu]?

Abdul Malik Hashim: Saya bekerja sebagai (sambil berfikir).

Mohamad Amirul Syah: Secara, secara umumlah?

Abdul Malik Hashim: Tentera, tentera darat, tentera darat ye, iaitu dalam masa dua belas (12) tahun berada di dalam, keluar masuk hutan lah.

Muhammad Khalid: Ok.

Abdul Malik Hashim: Daripada tahun. Ok. (sambil berfikir) (mengira di atas kertas) enam puluh Sembilan, (1969) lapan puluh tiga (1983), 83 saya habis dalam bidang masuk hutan. Pastu [selepas itu] berpindah, bertukar ke bidang logistik. Saya duduk di bidang logistik. Logistik. (suara rendah)

Muhammad Khalid: Jadi semasa, ketika encik dalam ketenteraan, adakah maksud lambang ATM [Angkatan Tentera Malaysia] dulu [dahulu] dengan sekarang ada makna yang agak, tukar makna tak [tidak]? Ke makna dia kekal?

Abdul Malik Hashim: Dulu (sambil berfikir) pada saya kekal, ATM dulu lah, satu Malaysia kan. Cuma cara berkhidmat tu [itu] agak berlainan. Sebab dulu [dahulu] zaman komunis, sekarang, sekarang ni [ini] dah aman.

Mohamad Amirul Syah: Yelah, aman kan .

Abdul Malik Hashim: Jadi sekarang ni [ini] kita kerja, bekerja dalam waktu aman dan waktu perang kan, --- dia kena 2 bidang tu dia mesti ada, dia tetap menceburi. Waktu aman, dia kena --- waktu aman, waktu perang pun dia kena pergi perang lah. Dia kena, dia tak [tidak] boleh lari daripada tu [itu]. Waktu aman dan waktu perang.

Muhammad Khalid: Jadi, di manakah tempat (sambil berfikir) encik ketika semasa ---?

Abdul Malik Hashim: Pada tahun tujuh puluh 70, (sambil berfikir) 69-70 saya dipindahkan daripada *recruiting* [rekrut] pergi ke Mentakab, kepada Satu Melayu Diraja.

Mohamad Amirul Syah: Satu Melayu Diraja?

Abdul Malik Hashim: Pada tahun tujuh puluh (70), (sambil berfikir) tujuh puluh tida (73), saya dinaikkan pangkat Lans Koperal, berpindah ke Tiga Melayu Diraja, di Alor Setar. (berhenti seketika) Lepas tu [itu], tahun tujuh puluh sembilan (79) [1979] saya dipindahkan di Kuala Lumpur, Sungai Besi, sebagai (sambil berfikir) penjaga Istana Negara, dia panggil tentera istiadat. Dia mengawal istanalah. --- daripada tu [itu], waktu tu [itu] saya kerja Melayu Diraja.

Muhammad Khalid: Ni [ini] semasa encik masuk sebagai Satu Melayu Diraja, jadi apakah kepakaran encik?

Abdul Malik Hashim: Masa tu [itu] saya cuma tentera, sebagai tentera biasalah. Makna kita dilatih untuk (sambil berfikir) tentera, tentera, tentera biasalah. Selepas tu [itu] dihantar kursus pergi bahagian logistik baru saya tukar ke logistik.

Mohamad Amirul Syah: Bolehkah encik Malik ceritakan lebih lanjut mengenai bidang logistik tu [itu]?

Abdul Malik Hashim: Logistik makna saya akan *monitor* [mengawas] keseluruhan barang-barang tentera dalam unit saya lah. Ok, menyediakan keperluan peralatan tentera dalam unit saya lah. Makna saya akan *demand* [minta] barang, *order* [pesanan] barang, *issue* [sediakan] barang pada kakitangan bagi bawah-bawah, bawah unit saya lah. Maka kalau Tiga Melayu, Tiga Melayu, --- Melayu, --- Melayu lah, Melayu Diraja ni [ini]. Kita *control* [kawal] semua, ketenteraan, makan, pakaian, dari segi perumahan, logistik dalam pasukan kita lah. --- di bawah satu pegawai lah, berpangkat mejar. Waktu tu [itu] saya duduk sebagai pangkat mejar lah --- di bahagian logistik. Kita memang, apa, kita macam kata makan harian tentera kan, kita *demand* [sediakan] makan tu [itu], *cook* [tukang masak] bawak [bawa] kita, kita masak bagi infantri.

Muhammad Khalid: --- logistik? (sambil ketawa)

Abdul Malik Hashim: Makna, makna kalau logistik lemah, kalah perang lah. Itu aje [sahaja] cerita dia, kan? Logistik tentera mestilah kuat kan. Kalau tentera nak gi [pergi] perang, makan takde [tidak ada], takleh [tidak boleh] perang. Nak gi [pergi] perang peluru takde [tidak ada], takleh [tidak boleh] perang kan? Peralatan lah, makna, -- keseluruhan tu [itu] di bawah, bukan bawah saya, bawah ada satu pegawai, di mana kita sama-sama lah bekerjasama bawah satu kumpulan lah, bawah satu group [kumpulan], mengendalikan peralatan tentera lah, kepada bidang senjata, peluru, sekali lah.

Mohamad Amirul Syah: Kira dalam bidang logistik ni [ini] paling lama lah encik Malik ---?

Abdul Malik Hashim: Saya (sambil berfikir) logistik, lebih kurang 6 tahun lah. 6 tahun lah (suara rendah)

Mohamad Amirul Syah: Adakah encik Malik pernah terlibat dalam bidang lain, selain daripada logistik dengan yang tentera darat?

Abdul Malik Hashim : Kalau dah tentera darat memang pergi ke hutan lah, kita buat *ambush* [serangan hendap], tembak musuh, sebelum tu [itu] lah, di Sabah, Sarawak, masa tu [itu] --- banyak bertempur lah, --- pernah bertempur jugak [juga] lah --- Masa tu [itu] di Sabah dan Sarawak lah. Lepas tu saya ke sini, tak gembiralah --- pengalaman --- kawan-kawan kena *booby trap* [jerangkap samar], apa semua kan. Kita lihat kawan-kawan kita kan ---.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) bolehkah encik bagitau [beritahu] ceritakan mengenai senjata yang encik sendiri pernah kendalikan atau sendiri pernah menggunakan senjata tersebut?

Abdul Malik Hashim: Saya (sambil berfikir) zaman saya, sebelum saya --- memegang, menjaga logistik tu [itu] saya duduk di bahagian *transport* [kendaraan] ye [ya]. Mempunyai senjata HMJ, *anti-aircraft* [anti kapal terbang] dan 016 untuk *anti-tank* [anti kereta kebal]. --- tapi kita buat latihan biasa lah, kita tak [tiada] perang kan? Dengan kapal terbang, orang datang --- kita guna gerila kan, jadi semua kita --- dekat tu [itu] jelah, --- tentera kan.

Muhammad Khalid: Jadi semasa encik kendalikan senjata-senjata tersebut, jadi dia ada latihan jugak [juga] lah, untuk mengendalikan ---?

Abdul Malik Hashim: Kita, kita kena buat latihan lah. Ada latihan, ada daripada macam contohnya, senjata tu [itu] daripada mana, daripada negara Korea contoh. Korea datang buat latihan, untuk, untuk cara mana [bagaimana] nak kendalikan senjata tu. Kita --- kursus untuk, supaya tau [tahu] gunakan senjata tu [itu]

Mohamad Amirul Syah: Berapa lama tempoh kursus tu [itu]?

Abdul Malik Hashim: Dia, kalau dalam unit tu [itu], lebih kurang dalam 2 bulan 3 bulan jelah [sahaja].

Muhammad Khalid: Jadi untuk memegang senjata atau untuk memiliki senjata tersebut, kena ada, seperti macam lesen lah?

Abdul Malik Hashim: Kalau, kalau tentera tu, takde [tidak perlu] lesen. --- tentera tu memang dia dah layak lah untuk memegang senjata, memang kerja dia pegang senjata kan? Macam saya ada senjata senapang patah, ada lesen kan? Itu dah kira termasuk orang awam. --- memang takde [tiada].

Mohamad Amirul Syah: Kira tentera tu [itu] lah sebagai lesen?

Abdul Malik Hashim: Tentera tu [itu] lah lesen senjata tu [itu]. Tentera tu [itu] memang pegang senjata kan, --- lesen, dia cuma memerlukan latihan lah. Latihan yang mahir untuk mengendalikan senjata.

Muhammad Khalid: Seperti yang encik sebut tadi, kami dengar yang encik ada macam memandu sejenis kenderaan ketika dalam tentera. Jadi, kenderaan apa yang encik sendiri kendalikan ketika itu?

Abdul Malik Hashim: Saya yang itu (sambil berfikir) *Korean Jeep* [jip Korea] yang ada senjata atas tu [itu] kan, yang ada macam *Land Rover* tu [itu] kan, kita tengok masa 31 Ogos kan, ada satu senjata duduk belakang jip, belakang jip, macam *Land Rover* kosong atas takde [tiada] -- *foreign jeep* [jip], *Land Rover* 3 tan, kita biasa bawak [pandu] lah. Kalau kita dalam logistik ni [ini] kita perlu tahu semua lah. -- masalahnya kadang-kadang *driver* [pemandu] takde [tiada], orang nak [hendak] makan, lori takde [tiada] orang nak [hendak] bawak [bawa], kenalah kita bawak [bawa]. Makna kita, bukan kata suruh, kena tahu lah, itu yang penting.

Muhammad Khalid: Kira macam ---?

Abdul Malik Hashim: Tapi dalam tentera, yang bawak [bawa] senjata, bawak [kereta], mesti ada lesen. Dia ada dia panggil --- namanya dia tak [tidak] silap saya lah, saya pun ingat-ingat lupa untuk membolehkan dia bawak [bawa] kenderaan. Dia ada lesen. Lesen tentera jelah [sahaja], bukan awam, dia tak [tidak] melibatkan awam.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) ketika tu [itu] takde [tiada] tempoh lah penggunaan encik sendiri memandu kenderaan tersebut?

Abdul Malik Hashim: Ya, kita takde [tiada] tempoh. Selagi kita duduk dalam tentera tu [itu], kalau bahagian kenderaan, sampai dia berhenti pun, dia peganglah kenderaan. Contoh dia pegang kenderaan. Macam saya ni [ini], bukan *driver* [pemandu], tapi kalau diperlukan, saya terpaksa bawak [bawa], saya bawak [bawa] lah. Pasal kita tak [tidak] kira siapa kan, kadang-kadang *driver* [pemandu] kita sakit, takde orang nak bawak [bawa], kita kena bawak [bawa] lah. Jadi yang, yang *driver* [pemandu] tetap kena bawaklah [bawa] sampai takde [tiada] tempoh masa.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) adakah encik sendiri seperti dasar, seperti dasar yang encik ceritakan ni [ini] macam encik memang begitu banyak pengalaman, jadi bolehkah cerita serba sedikit yang mungkin (sambil berfikir) dalam penglibatan encik sendiri dalam peperangan, dalam *frontline* [barisan depan] ke macam mana?

Abdul Malik Hashim: Oh kita (sambil berfikir) kita ni [ini] ada dua, dua, dua yang dipanggil dalam waktu aman dan waktu perang. Dalam waktu aman maksudnya kalau kata rusuhan kita akan bantu --- untuk mencegah daripada membuat rusuhan. Kalau dari segi komunis, kita terpaksa masuk hutan, kita masuklah, untuk menyerang, mencari musuh-musuh yang menentang kita lah. Memang kita kalau dalam tentera waktu saya dalam infantri [askar darat] tu [itu] memang 3 bulan 4 bulan di dalam, keluar sebulan, masuk balik, itulah kerja saya. Saya bukan apa, keadaan mendesak kan, masa tu [itu] tentera tak begitu banyak, jadi kita terpaksa keluar masuklah, dapat *information* [maklumat] bagus, kita masuk. 3 bulan 4 bulan keluar kalau ada. Kalau kata ada, adalah. Kalau tengok, tengok *information* [maklumat] lah, A1 ke, apa semua kan. Jadi memang kita *rolling* [tukar syif] lah. Kadang [kadang-kadang] unit ni [ini] masuk, kita keluar, unit ni [ini] masuk, kita kena ganti, macam tu [itu] lah.

Muhammad Khalid: Macam penggantian setiap masa lah?

Abdul Malik Hashim: --- Setiap masa, 3 bulan 4 bulan sekali tukar.

Muhammad Khalid: Adakah dia sebagai, sekadar untuk *preparation* [persediaan] untuk yang ancaman yang mungkin akan datang, ke macam mana?

Abdul Malik Hashim: Kita macam kata ancaman yang akan datang, maksudnya kalau kata, kalau di hutan, kita kena masuk hutanlah, kalau komunis tu [itu] kita dapat *information* [maklumat] kata diorang [mereka] daripada masuk --- duduk di dalam hutan, kita terpaksa cari di mana kita nak buat serangan kan. Macam kata kat luar tu [itu] contoh nak buat rusuhan kan, kita terpaksa cari buat, dia panggil dia tu POPO [polis bantuan], dia panggil. Yang untuk mencegah yang pakai perisai – jalan-jalan kan, dia macam polis, kita pun ada juga. Kita ni duduk di barisan belakang, kalau --- dia awam ni polis yang jalan dulu, kalau polis tak [tidak] boleh baru kita ambil alih. Polis *standby* [siap sedia] kita ni [ini] bahagian belakang, maksudnya, kita tengok kita dulu [dahulu] kan polis, --- polis --- dia akan mempertahankan, diri dia untuk orang awam pastu [selepas itu] kalau dia tak [tidak] boleh, baru kita ambil alih. Begitu dia. Kita *take over* [ambil alih] lah.

Muhammad Khalid: Kiranya macam ketika itu tentera sebagai satu (sambil berfikir) backup [sokongan] untuk ---?

Abdul Malik Hashim: Ha... [ya]. Tapi biasanya kalau bahagian luar, bahagian bandar ni [ini] camni [macam ini], kan, polis akan ambil *action* [tindakan] dulu kan. Bila tapi dia dah [sudah] tak boleh tahan [kawal], dia kita tolak tepi, kita pulak [pula] ke depan. Kalau kita --- satu --- la macam 13 Mei, guard [pengawal] tembak apa, tembak polis, tak [tidak] boleh macam tu [itu] lah kan, ha [ya] kita kena, kita ikut kita punya cara sistem kita tu [itu] --- undang-undang tu [itu], ada undang-undang kan, tapi biasanya, naluri manusia kan, kita dah [sudah] penat, orang menentang kita kan, (bunyi nada dering telefon). Kejap ye [ya] dik.

Muhammad Khalid: Ya boleh, boleh.

Abdul Malik Hashim: Kejap, ada ---.

Muhammad Khalid: Boleh kami mulakan semula? Ok. [baiklah] Jadi semasa misi encik dalam bidang ketenteraan, adakah encik pernah di *recommend* [cadangkan] kan ataupun dihantar ke luar negara bagi meneruskan misi?

Abdul Malik Hashim: Saya takde [tiada]. Saya -- Sabah Sarawak. Sebab zaman saya dulu [dahulu], sama ada pegi ---, sebelum tu [itu] adalah kan. -- zaman saya takde [tiada]. Lepas tu pasal saya ada pergi kemana-mana ni [ini] kan, jadi dia -- ada misi-misi, tu [itu] lepas saya lah. Lepas saya --- saya takde [tiada].

Muhammad Khalid: Maknanya semasa zaman tu [itu], takde [tiada] lagi lah?

Abdul Malik Hashim: Cuma latihan bersama dengan Australia ---

Mohamad Amirul Syah: Latihan bersama?

Abdul Malik Hashim: Latihan bersama dengan tentera luar lah. Dia ---

Muhammad Khalid: Jadi ketika tu [itu], takde [tiada] fikir lagi ye [ya] keinginan, kerajaan takde [tiada] fikir lagi untuk menghantar tentera ke luar negara lah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Masalahnya masa tu [itu] kan keadaan, keadaan Malaysia ni tak [tidak] begitu aman kan, masa bila kita nak gi [pergi] bantu orang kan, sedangkan kita sendiri pun tak, tak, tak [tidak] begitu ni [ini] kan, memang gitu [begitu], sebab --- betul saya cakap. --- kita aman dulu baru kita bantu orang luar kan? Kalau kita dalam keadaan susah, kita nak pergi bantu orang senang, macam mana? Orang susah, sedangkan kita susah, kan? Selepas zaman saya tu [itu], rasanya komunis lah, dah senyap lah kan, dah sepi la diorang [mereka] dah letak senjata apa semua kan, --- diorang [mereka] semua banyak habis duit lah, semua --- bantu orang luar, --- sebagai --- tentera pengaman.

Muhammad Khalid: Tentera pengaman. Kiranya (sambil berfikir) kiranya semasa itu zaman encik lebih kepada penjagaan negara?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Dia lebih, kita menjaga apa, negara kita supaya jangan dicerobohi kan, makna kita mempertahankan negara kita. Jadi orang kata, sedikit sebanyak kita ni berkorban lah sebenarnya, --- bukan nak [hendak] cerita kat [dekat] orang.

Muhammad Khalid: Jadi seterusnya, kami akan menyoal soalan-soalan ataupun -- encik soalan yang mungkin lebih khusus dalam bidang ketenteraan ini sendiri. Jadi, bolehkah encik boleh sudi menjawab lagi sekali? (sambil ketawa)

Abdul Malik Hashim: Boleh (suara rendah)

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) bolehkah encik ceritakan pengalaman ataupun saat-saat yang mungkin manis atau pahit yang encik sendiri sukar untuk lupakan ketika itu?

Mohamad Amirul Syah: Ketika menjadi seorang anggota tentera.

Abdul Malik Hashim: Zaman saya tu [itu] kalau kita dalam tentera ni [ini], rasanya kalau bujang kan, rasanya tidak ada masalah lah. Pada kita lah. Bila kita dah cebur diri dalam tentera tu [itu], ertinya kita tu [itu] dah kira (sambil berfikir) tidak ada masalah untuk mempertahankan negara kan sebab kita dah masuk bidang tentera kan, kita takde [tidak ada] orang kata apa, kalau kita tinggalkan mak bapak [bapa] kita rasa --- kan, sebelum tu [itu], masa tu [itu] *handphone* [telefon bimbit] *handphone* [telefon bimbit] takde [tiada] lagi. --- Zaman *handphone* [telefon bimbit] ni kan baru, kan. Dulu pakai surat je [sahaja]. Kalau ada berita penting, pakai telegram kan. Mak sakit, boleh balik lah, macam tu [itu]. Takde [tiada] guna telefon --- kira telegram daripada sini, daripada orang biasa, daripada tentera unit kita datang --- dia hantar kat kita, kita boleh balik lah.

Muhammad Khalid: Jadi, kiranya pengalaman yang encik dapat mungkin pengalaman yang biasa lah, takde [tiada] yang mungkin manis ke, ataupun yang pahit ke, yang memang, kiranya yang sukar lupakan, sampai sekarang encik masih ingat lagi la kenangan tu.

Abdul Malik Hashim: Pada saya, bila saya masuk bidang tentera tu [itu] rasa *happy* [gembira] je [saja]. Rasa *happy* [gembira]. Walaupun dengan keadaan gaji tu [itu] kecil [sedikit], dengan harga barang pun murah kan.

Muhammad Khalid: (sambil ketawa) Yelah.

Abdul Malik Hashim: Dengan guna seringgit [RM 1] boleh guna makan satu hari, sekarang kalau ada seratus [RM 100] pun tak [tidak] cukup satu hari kan. Beza tu jauh, jauh sangat beza dia.

Muhammad Khalid: Yelah [yalah].

Abdul Malik Hashim: Jadi kita rasa tu [itu], (sambil berfikir) rasanya takde [tiada] apa pada diri saya lah, saya tak [tidak] tau [tahu] lah pada orang lain kan. Rasanya takde [tiada], takde [tiada] jadi satu sekatan, satu halangan, buat saya untuk bertugas lah. Zaman tu [itu], zaman saya lah, kan. Masa tu [itu] kan (sambil berfikir) saya tahun 72 [1972] dah [sudah] bernikah kan, jadi dari segi --- dapat anak, nak [hendak] --- anak, jadi belah keluarga, belah kampung sihat, anak-anak sihat, jadi takde [tiada] masalah lah. Pastu [selepas itu] pahit manis takde [tiada], rasanya manis jelah [sahaja] kan? Macam pahit tu kalau --- buat pe [apa] kau masuk askar?

Muhammad Khalid: Yelah [yalah] (sambil ketawa)

Abdul Malik Hashim: Betul tak [tidak]? Betul tak [tidak]? Yang askar tu [itu] pahitnya ialah masuk hutan tinggalkan isteri, tu [itu] --- biasalah pada kita, rutinlah kan, takde [tiada] masalah lah.

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berfikir) dari segi pandangan encik lah, sebenarnya apakah perbezaan ataupun (sambil berfikir) dia punya bidang kuasa, dari segi tentera darat, udara dengan tentera air [laut]?

Abdul Malik Hashim: Sebenarnya (sambil berfikir) --- bidang kuasa ni [ini] sama je [sahaja] pada saya, tinggal [cuma] cara pengendalinya lain. Bahagian darat tentera

darat, udara dia memisahkan ruang udara kita, laut memisahkan kawasan laut, kawasan air perairan kan. Negara kita, bahagian tentera darat, kawasan daratan lah. Jadi kita pun bergabung, sama-sama. Kalau masa operasi tu [itu] kita ada kaitan. Macam kita nak pergi satu tempat, kita tak [tidak] boleh nak menyeberang, contoh macam Sabah Sarawak dia kan banyak halangan, banyak sungai.

Mohamad Amirul Syah: Yelah [yalah].

Abdul Malik Hashim: Kita gunakan tentera laut, bantu kita untuk bawak [bawa] kita pergi menyeberang. Kita juga, jugak [juga] adakan *S-O boat* [bot S-O] kita. Kita juga ada alat untuk menyeberang, tapi mungkin tak [tidak] mencukupi, jugak [juga] dia bantu. Macam kita buat serangan tentera udara, tentera darat, kalau ada masalah apa kita gunakan tentera udara untuk bagi [beri] bantuan, makanan, *support* [sokongan], orang sakit ---. Memang kita, (sambil berfikir) saling bantu-membantu lah, --- darat, udara dengan laut. Memang orang kata, ibarat macam jari lah, tak [tidak] boleh pisah. Pasal [sebab] masing-masing diperlukan, jadi nya nak [hendak] turun tengah hutan, helikopter datang, nak [hendak] turun tak [tidak] boleh, kita kena terbang pokok, bagi dia turun. Macam tu [itu] jugak dengan tentera darat, dia nak [hendak] hantar bantuan apa semua kan. Kalau kita kena tembak, *accident* [kemalangan], nak [hendak] hantar barang makan, diorang [mereka] kena, ada kaitan lah. Macam kita duduk tempat luar, ada laut, contoh seberang laut, sebelumnya sungai besar, kita tak [tidak] boleh nak [hendak] buat, kita mintak [minta] bantuan *navy* [tentera laut], hantar barang kan. Kita punya orang. Itu memang kita tak [tidak] boleh pisah.

Muhammad Khalid: Jadi memang saling komunikasi memang adalah, memang pentinglah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Kita tetap boleh, kita masih boleh berhubung. Kita boleh berhubung antara satu sama lain. Itu, itu tentera. Kalau tentera, sama jugak [juga] dengan polis, kita pernah jugak [juga] usaha, beroperasi semasa tu [itu] ada polis hutan.

Mohamad Amirul Syah: Ada polis hutan?

Abdul Malik Hashim: Dalam hutan masa tu [itu]. Tapi polis ni [ini] biasa dia jaga bahagian-bahagian kawasan tepi-tepi je [sahaja], kita masuk dalam. Dia bahagian tepi-tepi, dia jaga lah. Polis hutan masa tu [itu]. Dia panggil *free force* [polis hutan].

Muhammad Khalid: *Free force* [polis hutan]?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], *free force* [polis hutan] masa tu [itu].

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) ketika encik dalam bidang ketenteraan untuk jangka masa dalam 6 tahun.

Abdul Malik Hashim: Ya. Logistik.

Muhammad Khalid: Ha [ya], logistik. Mesti, ataupun mungkin beberapa tahun sebelum masa encik, masa dalam logistik, jadi apakah anugerah yang encik dapatlah sepanjang ---.

Abdul Malik Hashim: Saya takde [tiada] dapat apa --- pingat-pingat am negara, tu pingat AMN kan, --- biasalah yang orang dapat itu, orang kata kedai kopi, duduk kedai kopi pun dapatlah.

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Begitu tidak menonjol lah kan, kita nak [hendak] dapat, dapatlah pingat camtu [macam itu] lah kan. Pastu [selepas itu] PPA, Pingat Perkhidmatan Am ada, ada dua lah saya dapat kan, (sambil berfikir).

Muhammad Khalid: Jadi ---

Abdul Malik Hashim: --- pingat. Kalau, kalau kata kita bertempur, dapat musuh, tu [itu] dipanggil PTB kan, yang tu [itu] kita takde [tiada], kita --- tak [tidak] sampai

tahap macam tu [itu] lah. Pasal [sebab] saya ni [ini] pun, dah [sudah] duduk logistik, orang jarang masuk hutan (sambil ketawa). Orang yang duduk di luar je [sahaja] lah.

Muhammad Khalid: Tapi jika dipanggil, memang kena masuklah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya] kena panggil kena masuklah, itu biasalah. Dah [sudah] biasa, biasa mana boleh dapat tengok [lihat] orang senang (sambil ketawa). --- senang kan. Biasalah. --- kita umur dah [sudah] enam puluh (60) [tahun] lebih, sistem dah [sudah] lain kan.

Mohamad Amirul Syah: Kiranya (sambil berfikir) tempoh sepanjang perkhidmatan sebagai anggota tentera tu [itu] berapa lama ye [ya]?

Abdul Malik Hashim: Dia dua puluh satu (21) tahun. Dia mula *sign* dua belas (12), pastu [selepas itu] *sign* lima belas (15), lepas [selepas] tu [itu] *sign* lima belas (15), *sign* lapan belas (18) --- *sign* lepas belas (18), habis *sign* 18 nak [hendak] --- ke *sign* 21, 21 dia ada (sambil mengira) 12, 15, 18, dia ada 3 kali *sign* la. 21, dua puluh dua (22) termasuk setahun dah [sudah] ---, makna kita kena buat 22 tahun baru boleh pencen lah.

Mohamad Amirul Syah: 22 tahun lah.

Abdul Malik Hashim: Ya, 22 tahun.

Muhammad Khalid: Jadi kalau (sambil berfikir) macam, seseorang tu [itu] kalau dah berminat sangat dalam bidang ketenteraan, kalau dia nak [hendak] bersara dalam umur 50 tahun atau 60 tahun boleh lah?

Abdul Malik Hashim: Sekarang tak [tidak] boleh. Dulu tak [tidak] boleh. Dulu zaman saya dulu (sambil berfikir) sampai empat puluh lima (45) [tahun] je [sahaja].

Muhammad Khalid: 45 tahun ye [ya]?

Abdul Malik Hashim: 45 tahun. Zaman saya. Masa saya Sarjan Mejar, saya pencen [bersara] dalam masa tiga puluh sembilan (39) [tahun]. Saya pencen [bersara] dalam umur 39 [tahun]. Makna saya boleh kerja 39 [tahun] lebih kurang enam (6) tahun. Kalau saya pergi kepada *Quarter Master*, saya boleh pergi setakat Mejar lah. Tu [itu] daripada peringkat bawah lah. Bahagian logistik. Tapi saya tak [tidak] pernah bekerja sampai peringkat Mejar lah. 21 [tahun], saya *resign* [berhenti kerja]. Dah [sudah] sampai tempoh tu [itu], (sambil ketawa) dah [sudah] penat lah kan.

Muhammad Khalid: Yelah [yalah]. Jadi (sambil berfikir) apa, apakah saat-saat yang mungkin encik sendiri rindui lah, selepas bersara dalam bidang-bidang ketenteraan, yang mungkin, mungkin kalau encik dapat lakukan sekali lagi, mungkin encik boleh buat ke?

Abdul Malik Hashim: Saya, saya rasa (sambil berfikir) ada baik jugak lah, pasai [sebab] dalam tentera, dia disiplin. Disiplin, memang tinggi lah. Disiplin tentera ni [ini] kan. Kalau kebanyakan zaman ada setiap hari polis, kakitangan kerajaan dikehendaki mengikut latihan tentera. Bukan latihan tentera, sebagai, untuk mendisiplinkan diri kan, macam tentera. Tapi pada saya tu [itu], memang, disiplin tu [itu] penting lah.

Muhammad Khalid: Cukup bagus lah untuk kalau aplikasi di mana-mana lah?

Abdul Malik Hashim: Jadi, apabila kita dalam tentera, (sambil berfikir) memang kita disiplin lah. Orang paling senang kerja dalam tentera lah. Buat salah, ada hukuman. Kan? Ada hukuman. Kau langgar hukuman, kau kena. Jadi paling, paling mudah, kerja dalam tentera lah, pada saya lah. Kerja yang paling senang, tentera lah. Jadi kalau kita selagi ada pangkat, kau arahkan satu waran [anggota tentera], ok, kalau aku suruh kau ambik [ambil] – kau gali parit ni [ini], sebelum tu [itu] aku dah gali, macam tu [itu] saya [sudah] buat dulu [dahulu], bila saya naik pangkat, eh, kau gali parit ni [ini], makna saya boleh gali, saya suruh dia, dia mesti boleh gali. Jadi kalau saya mintak [minta] angkat satu barang ni [ini], saya tak [tidak] boleh angkat sorang [seorang diri], saya panggil awak, angkat barang ni [ini], saya tak boleh angkat, itu tak

[tidak] betul orang tu [itu], saya kata. Saya anggap orang menyuruh tu [itu] tak [tidak] betul. Dia tak [tidak] boleh angkat, dia suruh orang angkat. Pelik tak? [tidak] (sambil ketawa). Kita kena ada perbezaan lah, jadi kita di situ, ada timbang (sambil berfikir) timbang tara lah orang kata kan.

Muhammad Khalid: Tolak ansur lah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Kita tak [tidak] boleh buat, kita suruh orang buat. Tak [tidak] patutlah. Makna kalau kita dah [sudah] buat dulu, kita suruh orang, mesti orang tu [itu] boleh buat, sebab kita boleh buat. Macam tu [itu] lah, lebih kurang lah kan. Tapi dalam tentera ni [ini] baiknya, disiplin lah pada saya lah kan, hormat menghormati, kita hormat ketua, hormat orang bawah, kan. Bukan kita duduk sebagai ketua, dah [sudah] tu [itu], kita mintak [minta] dihormat --- dia tak hormat dia, kan. Dia tu [itu] orang bawah, kita hormat dia orang bawah, cara mana kita hormat dia. Baru dia hormat kita. Tu [itu] ada perbezaan, macam kita kat [di] rumah kan, kita mintak [minta] anak kita hormat kita, sedangkan kita tak [tidak] hormat dia, sepat terajang dia, kan? Macam mana dia nak hormat kita? Nampak kita pun dia menyampah. Betul tak? Tu [itu] cerita dia. Tapi dalam bidang tentera ni [ini], selama 21 tahun, dia ada tempoh (sambil berfikir) 3 bulan tak [tidak] silap saya. Dia akan masukkan kita dalam bidang bodoh, budak bodoh, tau [tahu]?

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: --- dia buat tu [itu] kita dia panggil *wash brain*, cuci otak ke *brainwash*, [cuci otak], ha [ya] saya pun tak [tidak] faham lah, bahasa Inggeris, tak [tidak] pandai sangat kan. Dia bagi kita main guli, main macam-macam lah, kira dah [sudah] habis tu [itu] --- kau ni [ini] macam ni [ini], macam ni [ini], baru kita rasa diri kita ni [ini] bodoh, kan? Kita hendak, tengok ni [ini] kalau --- baling, baling gelang tu [itu] kan, kita nak [hendak] yang banyak kan, ha [ya] --- dia boleh kaji semua tu [itu], jiwa kita tu [itu]. Kenapa kita amik [ambil] yang sikit [sedikit] dekat, tapi banyak. Akhirnya dapat banyak kan? Kita nak [hendak] yang banyak, tapi tak [tidak] dapat. Ha [ya] pandai, orang yang psikologi punya ni [ini]. Dia, dia hantar orang yang, hantar buat latihan kita tu [itu] memang orang yang pakar la. Bukan yang datang berlatih tu

[itu] bukan calang-calang orang kan, pangkat-pangkat semua tu [itu]. Bila tengok [lihat] kita punya pendirian, kita ---, daripada tentera pergi nak [hendak] awam, ha [ya], dia ada (sambil berfikir) pertukaran, memang diwajibkanlah.

Muhammad Khalid: Macam contoh, (berdehem), adakah sebagai seorang tentera tu [itu] memang memahami diri sendirilah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Jadi kalau kita dalam tentera, kita tak [tidak] boleh buat cara kampung la, memang tak [tidak], tak [tidak] sesuai. Tapi kalau disiplin tu [itu] boleh, kan. Contohnya (sambil berfikir) ok, dilantik sebagai ketua kampung, sebagai tentera, ok. Kau datanglah rumah aku nanti pukul 3, kan, ada *meeting* [mesyuarat], kan, ketua kampung. Saya ingat, sebelum pukul 3 la, jangan datang lewat, satu minit, dia kira *absent* [tidak hadir]. --- dia ada undang-undang dia. Apa salahnya kau datang 2.45 [petang] atau 2.50 [petang], makna, masa tu [itu] tepat lah kan. Itu, masa tentera memang saya suka.

Muhammad Khalid: Oh kiranya kena *on time* [tepati masa]?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya]. Jadi kita tak [tidak] nak [hendak] --- eh tu *time* [masa] Melayu tu [itu], dia panggil. *Time* [masa] Melayu biasa cakap pukul 4, datang pukul 5. Ha [ya] jadi dah [sudah] jadi satu (sambil berfikir) orang kata, satu perbualan, kan, satu percakapan. Pukul berapa kau janji? Pukul 4. Ha [ya] kau tunggulah sampai pukul 5.

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Jadi, masa tu [itu] penting kan, ha [ya] jadi saya sampai sekarang lah. Kalau saya janji, orang kata 1.30 [petang], saya pukul 1 [petang] dah [sudah] ada di sini tadi. Nak [hendak] buat kerja sikit-sikit [sedikit]. Janji pukul 2 [petang] kan, saya cakap kalau pukul 2 takde [tiada], aku tinggal (sambil ketawa).

Muhammad Khalid: (ketawa)

Mohamad Amirul Syah: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Saya, bukan kata orang yang nak [hendak] jumpa saya ---

Muhammad Khalid: Yang kena datang ---

Abdul Malik Hashim: Saya ikut masa kan, jadi saya, kena --- masa. Kita takut lah kan, mana tau [tahu], kita ada hal kan, kena *adjust* [sesuaikan] masa. Rumah orang kahwin pun 3 tempat tadi ni [ini].

Muhammad Khalid: Oh yeke [yakah]?

Abdul Malik Hashim: Dah pergi 3, barulah balik sini kan. --- ni [ini] ada satu lagi nak [hendak] pergi, tu [itu] nak [hendak] pergi lah kejap lagi, KL [Kuala Lumpur] lagi.

Mohamad Amirul Syah: Oh jauh tu [itu].

Abdul Malik Hashim: Itu masa tu [itu] penting. Takpe [tidak mengapa] lah, sebab tu [itu] masa, kalau nak [hendak] panggil saya, --- masa mana yang saya boleh pergi kan. (sambil berfikir) Yang ni [ini] takpe [tidak mengapa,] takde [tiada] masalah.

Muhammad Khalid: Memang encik ni [ini] sibuk betul lah?

Abdul Malik Hashim: Sibuklah, --- kita ni [ini] buat-buat sibuk. (sambil ketawa)

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berfikir) macam encik tadi cerita, encik pun kadang-kadang dipanggil masuk hutan dan kadang-kadang jugak [juga] yelah [yalah], dari segi logistik, jaga barang semua lah.

Abdul Malik Hashim: Ya.

Muhammad Khalid: Jadi semasa bidang ketenteraan tersebut, adakah encik terlibat dalam mana-mana sebarang operasi khas, ataupun operasi yang mungkin disulitkan ke apa?

Abdul Malik Hashim: Pada saya (sambil berfikir) takde [tiada] lah. Zaman saya tu [itu] kira takde [tiada] rusuhan, kan. Kalau rusuhan di luar ni [ini], kita kena bantu di luar lah kan. Tapi latihan buat ---, tapi rusuhan tu [itu] takde [tiada] lah. Kalau kita *emergency* [kecemasan], takde [tiada] *emergency* [kecemasan] sangat lah. Kalau operasi tu [itu] masa tu [itu], memadai lah unit tentera yang ada, kan. Jadi kita tak [tidak] begitu ni [ini] lah, tapi mengikut giliran lah, yang masuk, masuk yang keluar, keluar. --- rasanya semua kawasan saya dah pergi lah, sampai Alor Setar, --- memang takde [tiada] lah, Kelantan semua, semua habislah, kita dah [sudah] pergi dah [sudah] tempat kan.

Muhammad Khalid: Termasuk sempadan Thailand?

Abdul Malik Hashim: Habislah. Sempadan Thailand tu kat [dekat] Bukit Kayu Hitam, Padang Besar, semua duduk dah [sudah], takde [tiada] orang kata kita tak [tidak] --- habis, mana ada tempat --- operasi kita pergi lah, walaupun masa tu [itu] panjang kan. Kita nak --- lama tengok lah, mana yang memerlukan kita tu [itu], kita pergi lah. Tak [tidak] boleh dengan trak, dengan kapal terbang, tak [tidak] boleh kapal terbang, naik kereta api. --- pun boleh. Jadi memang tak [tidak] boleh lari lah. (sambil berfikir)

Mohamad Amirul Syah: Kiranya macam operasi tu [itu] ada yang, yang paling besar, yang pernah encik sertai tu [itu] operasi apa?

Abdul Malik Hashim: Saya, operasi di Jalan Raja lah, Sarawak. Itu mungkin besar lah --- kira besar-besaran lah kan. Cari komunis macam cari anak ayam kan, buat *standard line* [garis pemisah] beberapa kilometer pastu [selepas itu] jalan --- memang jumpa lah, apa, apa, apa semua jumpa lah. Memang dia tak [tidak] boleh nak lari lah. Kalau dia lari pun, terjun sungai. Tu [itu] yang masuk ke dalam tengah-tengah dah [sudah] bertempur. Kalau hujung sana bertempur kan. Dia (sambil berfikir) kita buat *sweep* [sapu], *sweep* [sapu], macam satu kawasan tu [itu] kita dapat *permission* [kebenaran] A1, bawah sana ada tempat latihan dia --- kita buat la ni [ini] --- macam-

macam unit la termasuk *land force* [tentera darat], *air force* [tentera udara], semua sekali *force* [tentera] kan, jalan, waktu malam rehat. Jalan pagi petang, bertempur sana, tak [tidak] jumpa, --- lari sini jumpa ---. Dia tak [tidak] boleh nak lari dah. Macam cari anak ayam, kita rasa, kita nangkap [tangkap] ikan bawak [bawa] jala.

Mohamad Amirul Syah: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Kita berjalan sebaris macam tu [itu]. Di mana, sorang [seorang] ke sorang [seorang] kita Nampak, kita tak [tidak] boleh elak. Kalau jumpa apa dia pakai --- *straight* [lurus] je [sahaja]. Kita tak [tidak] boleh lintas orang depan, kita mesti jalan mesti *straight* [lurus] macam tu [itu]. Tu [itu] dia. Memang itu lah rasa saya yang paling, nak [hendak] kata suka pun tidak, takut pun tak [tidak] rasa takut pasal [sebab] macam (sambil berfikir) kita orang muda kan.

Muhammad Khalid: Yelah [yalah] jiwa muda kan.

Abdul Malik Hashim: --- Marah lah pun ada kan marah pasal [sebab] kau aku jadi macam ni [ini] pun marah juga.

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Jadi perasaan tu [itu] ada lah, bukan kata tak [tidak] tu [itu] sangat. Tapi nasiblah, tapi ada jugak, [juga], kawan saya banyak mati. (sambil berfikir) Banyak, ingat dalam 15 orang mati, macam tu [itu] lah. Dah [sudah] mati ikut sungai, mati kena tembak, macam-macam lah. Masa buat --- lah, untuk ---. Yang pertama --- saya yang kena, kena tembak kan. Kadang [kadang-kadang] kita turun depan-depan ni [ini], nasiblah, dia mati, kita mati, siapa dulu lah.

Muhammad Khalid: Jadi dari segi pertempuran tu [itu], siapa, mungkin, mungkin ---

Abdul Malik Hashim: Dah [sudah] cepat kan, dah [sudah] tertulis kan. Kau mati, sampai sini kau mati. Macam kawan saya, (sambil berfikir) arwah orang, orang Langkawi. Dia memang kerja ikan, nangkap [tangkap] ikan --- ape [apa] tu, kat

[dekat] laut la kan, masuk askar. Mati kat [dekat] sungai je [sahaja]. Bukan dia tak [tidak] pandai berenang, mati dalam sungai.

Mohamad Amirul Syah: Sampai masa dia.

Abdul Malik Hashim: Dia kata dia tunjuk dia handal, boleh ini, boleh itu, yelah [yalah] orang laut, --- orang laut kerja nangkap [tangkap] ikan kan, masuk askar. Nombor dia terbalik dengan saya, 20430, saya 20430, nombor dia yang kena dulu (sambil ketawa). Mati dalam sungai, satu hari baru dapat. Pasai [sebab] saya, dia *jungle boot* [but hutan] dia bersilang, dia tak [tidak] boleh, jadi tak [tidak] boleh keluarkan, air kuat kan, --- dah. Tapi tak [tidak] boleh janji lah, yang kita ni [ini] kata orang, kerja laut tak [tidak] mati kat [dekat] laut kan, (sambil ketawa), mati kat [dekat] sungai ---. Itu je [sahaja] lah, sejarah yang saya dapat, yang paling --- pada saya takde [tiada] pada saya. Kalau di --- tu [itu], kawan saya tu [itu] kena *chop* [cincang] --- helikopter mati kan, kapal terbang dia jatuh, dia bawak [bawa] --- tu [itu] kan, kapal terbang, heli [helikopter] tu [itu] jatuh menjunam, *chop* [cincang] dia, hancur lah kan, tu [itu] --- Lans Koperal Mansor, dia orang Melaka. Tu [itu] --- masak saya tu [itu]. Orang, tapi orang nak [hendak] mati ni [ini] memang ada tanda-tanda dia.

Mohamad Amirul Syah: Yelah [yalah].

Abdul Malik Hashim: Pertama sekali mulanya dia kata dia nak [hendak] balik, nak keluar. Lepas [selepas] tu [itu] suruh keluar, dia tak [tidak] nak [mahu] keluar. --- ha [ya] lepas [selepas] tu [itu], orang tak [tidak] suruh dia buat kerja, dia pergi buat. Ha [ya] itu lah tanda-tanda dia tu [itu] lah, tapi kita tak [tidak] tau [tahu] lah kan, --- eh, kapal terbang datang terus turun terjah dia je [sahaja], situ je [sahaja]. Tak [tidak] jumpa pun, kumpul-kumpul jadi satu plastik je [sahaja]. Hancur, kena kipas kan. Cincang. --- Yang saya jumpa--- kena *booby trap* [jerangkap samar] tu [itu] biasa lah, takde [tiada] cerita banyak kita --- tu [itu] kira macam rutin lah.

Muhammad Khalid: Jadi ketika (sambil berfikir) masa tu [itu] lah, kalau dari segi pemakanan ataupun dari segi *supply* [sumber] lah, *supply* [sumber], adakah encik

pernah mengalami ataupun skuad encik lah, platun encik sendiri pernah mengalami keadaan darurat seperti tiba-tiba bekalan habis ke?

Abdul Malik Hashim: Pernah, itu biasa. Biasa sekarang, contoh lah, ok, sekarang kata dah [sudah] bagi mesej kata helikopter nak [hendak] datang ni [ini]. Barang-barang makanan kita, kita dah *pack* [bungkus], yang mana tak [tidak] nak [mahu], kita dah [sudah] *pack* [bungkus] nak [hendak] tanam lah, kita tak [tidak] nak [mahu] bawak [bawa] balik pasai [sebab] nak [hendak] tengok ---, kapal terbang kan, letak luar, tanam.

Muhammad Khalid : Ha [ya], yalah.

Abdul Malik Hashim: Alih-alih cuaca buruk, hujan, cuaca, kapal terbang tak [tidak] datang sehari, tak [tidak] datang, dua hari tak [tidak] datang. Gali balik (sambil ketawa) makanan. Ha, [ya], tu [itu] biasa. Memang tak [tidak] boleh lari punya. Tapi tak [tidak] makan langsung, tak [tidak] pernah lah. Tapi ada stok lah. Mana --- barang kita tak [tidak] habis, kita tanam lah. Kita barang-barang kita memang tanam lah, kita takkan sepah-sepah macam tu [itu] lah, tapi kita sepah, nanti komunis datang, dia pulak [pula] ambil makan kan. Dia dapat makan. Jadi kita tanam lah. Kita tanam tu [itu] adalah cara kita tanam dia kan. Tu [itu] sampai dah 3 hari, seminggu pun --- naik, dia tak [tidak] boleh masuk. Hujan, cuaca buruk --- bukit, gunung kan, dia tak [tidak] boleh datang, gali balik, makan, masak lah. Terpaksalah. Bukak [buka], pasang, bukak [buka], pasang (sambil ketawa). Itu biasa rutin lah, takde [tiada] masalah punya.

Muhammad Khalid : Ni [ini], kalau macam, pernah tak [tidak] terjadi kepada encik macam tiba-tiba betul-betul yang, bekalan betul-betul habis, termasuk yang encik dah tanam dengan yang bekalan yang ada kat diri pun habis?

Abdul Malik Hashim: Tak [tidak], tak [tidak] pernah.

Muhammad Khalid: Tak [tidak] pernah lagi? Kiranya —

Abdul Malik Hashim: Kalau, kalau kata (sambil berfikir) betul-betul tak [tidak] boleh, kita keluar. Keluar cari perkampungan kan, cari jalan darat lah. Mana, mana *truck* [lori] datang ambik [ambil] kita kan, kita kena turunlah. Kalau kita naik teksi kita kena ---, kita boleh, kita boleh jalan keluar, tapi makan [ambil] masa lah. Sama ada, ada tenaga, takde [tiada] tenaga je [sahaja] lah, pasal [sebab] kita tak [tidak] makan kan. Tapi biasanya dalam hutan takde [tiada] masalah, sebab apa nya, kita ada alat, kan, ada ---, bom, sungai ada kita bom, --- dapat ikan, boleh hidup. Kadang [kadang-kadang], keluar-keluar sikit [sedikit] --- jumpa rusa, tembak rusa, kita makan daging dia pulak [pula]. Ha [ya], takde [tiada] masalah lah, --- *survival* [daya hidup] lah, senang cakap lah, sebab kita ada buat latihan survival kan. Kita dibagi [diberi] mancis sahaja, barang-barang makan takde [tiada]. Pandai-pandai lah kau nak [hendak] makan, seminggu, dua minggu, duduk dalam tu [itu]. Tu [itu] yang jumpa ular, makan ular. Dah [sudah] takde [tiada] benda nak [hendak] makan. Ada, ada jugak [juga]. Tapi saya tak [tidak] pernah lah (sambil ketawa).

Muhammad Khalid: Baru nak [hendak] tanya (sambil ketawa)

Abdul Malik Hashim: Tapi kalau komando, memang dia makan. Dia suruh makan, saya takde [tiada]. Umbut, umbut kayu, banyak, tu [itu] nama *survival* [daya hidup], kita, umbut kayu pun boleh makan, ha [ya], kita makan, kita takde [tiada] masalah. Macam air sungai, kita tengok [lihat] lah macam mana kan, janji ada api, kayu, ada mancis, boleh bakar, boleh masak. Masak air kan, takde [tiada] masalah. Rasanya, takde [tiada] lah, askar ni [ini] memang dilatih macam tu [itu] lah.

Muhammad Khalid: *Survival* [daya hidup] betul lah.

Abdul Malik Hashim: Ya, *survival* [daya hidup]. Takde [tiada] masalah. ---

Muhammad Khalid: Dari segi, jadi (sambil berfikir) semasa operasi-operasi encik yang pernah ataupun pernah lalui, pernahkah encik mengalami kecederaan ataupun kesan-kesan tembakan ke apa yang encik pernah rasa?

Abdul Malik Hashim: Tak [tidak] pernah. Kadang-kadang kita ni [ini], orang kata [cakap], sedikit sebanyak tu [itu] orang kampung kan, ada --- kan, pendinding, kan ---. Kita ni [ini], orang kata, hidup berakal mati berhantu.

Muhammad Khalid: (Ketawa)

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Tapi Alhamdulillah lah, setakat, setakat, saya berkhidmat tu [itu], rasanya tak [tidak], tak [tidak] ---. Memang kita, yang penting berhati-hatilah. Sebab kita ni [ini] suruh bertugas, *sentry* [mengawas], kita jagalah betul-betul. Jangan pulak [pula] sampai komunis pulak [pula] ambil senjata kita, kita --- kan. Malena kita kalau ditugaskan *sentry* [mengawas], makna kita akan jaga nyawa orang yang dalam, yang tidur tu [itu]. Kita jaga *guard* [kawal] ni [ini], kita jaga kan, jaga berapa, berapa, berapa, 4 orang, duduk 4 penjuru, orang tengah ni [ini], semua tidur. Kita lah. Kalau kita jugak [juga] tidur, habislah semua, kan? Ha [ya], itulah cerita dia. Disiplin tu [itu], tu [itu] disiplin tu [itu].

Muhammad Khalid: Jadi (berdehem) jadi kita berbalik pada zaman sekarang lah. Ikut pandangan encik, bagaimana sistem ketenteraan sekarang? Adakah lebih maju, bagus ataupun bagi encik, zaman dahulu lagi bagus daripada sekarang?

Abdul Malik Hashim: Bagi saya (sambil berfikir) saya pasal [sebab] tak [tidak], takde [tidak ada] beza. Tapi bagi saya pasal [sebab], pasal [sebab] dulu [dahulu], dulu [dahulu] zaman gaji kecil [kecil] kan, sekarang kalau orang nak [hendak] gaji pun, gaji seribu [RM 1000] lebih, satu bulan. Dua ribu [RM 2000], kan? Jadi perbezaan tu [itu], dengan keadaan barang lah kan. Tapi rasanya, memang senang sekarang lah. kan. Waktu aman lah senang. Askar waktu aman --- kerja dia? Paling-paling buat latihan, kan? Yang tu [itu] yang kita hantar ke negara luar, mana-mana --- apa semua kan. Yang tu [itu] kita rasa macam negara kita dah [sudah] aman, kan. Jadi, bagi saya, dulu [dahulu] sekarang, memang sedap sekarang lah. Pasal [sebab] sekarang sedapnya dengan keadaan jarang susah, dengan gaji besar, kan. Dulu [dahulu], dengan gaji kecil, tak [tidak] pernah duduk kat [dekat] luar, duduk kat [dekat] hutan, kan. Jadi kita tak [tidak] heran [hairan] lah. Pasal [sebab] kita masuk askar, kita dah [sudah] bayang

diri kita dalam hutan, itu saja [sahaja]. Ada masa kat [dekat] luar pun, dalam sebulan dua bulan, masuk. Keluar sebulan, --- masuk.

Muhammad Khalid: Jadi memang tak [tidak] pernah berhenti lah masuk hutan?

Abdul Malik Hashim: Tak [tidak] pernah berhenti lah. Itu memang kerja kita. Kecuali waktu saya kerja (sambil berfikir) pegawai istiadat. Istiadat. Contoh tentera istiadat kan dia ada ---, kawal istiadat kan, itulah waktu rehat. Tu [itu] pun tak lama, 3 tahun je [sahaja]. Pastu [selepas itu] dah [sudah] masuk balik.

Muhammad Khalid: (sambil berfikir) Kiranya macam, encik cakap tadi lah, dia, pihak tentera sendiri akan telefon ataupun akan panggil sendiri encik masuk balik ke dalam hutan, macam tu [itu] lah?

Abdul Malik Hashim: ha [ya], yelah [yalah]. Kita, kita ada *turn* [giliran] lah. Ikut masa kita lah. Kalau *turn* [giliran] kita, kalau orang kata --- brigid, brigid tukar kan, dia kata ok, unit ni [ini], *standby* [berjaga-jaga] 24 jam, *standby* [berjaga-jaga] berapa jam, contoh kan. Memang masuk punya. Dia dah [sudah] cakap lah, Cuma *standby* [berjaga-jaga] dan *packing* [sediakan barang] tu [itu] siap lah, trak dah [sudah] susun nunggu [tunggu], tunggu masa je [sahaja] lah. Orang cuti pun panggil balik, ha [ya] tu cerita dia. Kita tak [tidak] boleh lari lah.

Mohamad Amirul Syah: Kalau yang mengenai cuti tu [itu]?

Abdul Malik Hashim: Cuti memang kita ada, awal bulan kan, selalu awal bulan lah kan. --- kita nak [hendak] ambik [ambil] satu minggu, dua minggu, maka cuti tu [itu] dia rekod la. --- tapi cuti tu [itu] kalau hari minggu tu [itu], kalau mengikut askar ni [ini] kerjanya 24 jam, kalau hari minggu tu [itu] tak [tidak] kerja, kalau kena *duty* [tugas] hari tu [itu], *duty* [tugas] la, tapi takde [tidak ada], takde [tidak ada] bayar apa-apa la. Ha [ya], selalunya *sentry* [mengawas], kena *duty* [tugas] bawah ---, kerja lah, tapi dia takde [tidak ada] kerja ada *overtime* [lebih masa], dia takde [tidak ada]. Jadi kalau takde [tiada] waktu kerja tu [itu], hari minggu, cuti lah.

Muhammad Khalid: Ha [ya], ni [ini] (sambil berfikir).

Mohamad Amirul Syah: Ha [ya], tadi encik Malik ada kata mengenai ada, yang A1 tu [itu], boleh tak [tidak] terangkan lebih lanjut, apa benda yang A1 tu?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], A1 ni [ini] maksudnya kalau kata ada *information* [maklumat] tu [itu] ada ---, kita nak ada ---, ha [ya] cerita ni [ini] dah [sudah], kita tak [tidak] nak [mahu] melibatkan perisikan lah, kan. Jadi kita guna ni [ini] sebagai kita tak [tidak] boleh war-warkan [beritahu] ni [ini], kira *secret* [rahsia] lah kan. Ni [ini] kita dapat satu *information*, daripada orang awam, malam ni [ini] pukul 12, ada 5 orang komunis akan lalu di sini. Ataupun orang kampung dah [sudah] jumpa dia berkhemah di sini, tempat dia khemah tu [itu] nama dia A1 lah. Apabila kita serang, *hundred percent* [100%] mesti dapat. Ha [ya], tu [itu] nama A1 lah.

Mohamad Amirul Syah: Kira memang boleh percaya lah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], boleh. Kita mesti percaya. Kalau tak [tidak] dapat, kalau warga *captain* [kapten], kena *lost* [buang].

Mohamad Amirul Syah: Oh.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], tu [itu] dia, tu [itu] nama. Tapi benda ni [ini] memang kita, kita *secret* [rahsia] buat tentera lah kan. Kita tak [tidak] boleh tunjuk *information* [maklumat]. Pasal [sebab] apa, dalam, dalam komunis tu [itu] ada jugak [juga] tentera, SB dia panggil, *Special Branch*. Dia untuk, ikut ke mana apa ni [ini], bila kita, kita orang kata *secret* [rahsia] pada negara lah kan, memang SB tu [itu] macam polis lah, macam polis jugak [juga] kan, SB kan. Dia pakai rambut panjang, pegi noreh [menoreh], bawak [bawa] ---, pegi mancing [memancing], dia ikut kau main bola, dia ikut korang [kau orang] pergi mana-mana kan, tapi dia SB, dia tengok kita ni [ini] ha [ya], budak ni [ini] ---, dia tangkap je [sahaja]. Jumpa barang je [sahaja], dah [sudah] ada dah [sudah]. Jadi, itu cerita, lebih kurang macam tu [itu] lah, SB ni [ini], *special branch*. Kita *information* [maklumat] A1, A2, A3, A3 ni [ini] kira macam samar-samar kan, maksudnya ke bawah macam tu [itu] lah.

Mohamad Amirul Syah: Kira A1 paling?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], yelah [yalah] tu [itu]. Kalau tak [tidak] dapat A1 tu, kalau captain [kapten], lost lah. Kalau sarjan, habislah. Ha [ya, tu [itu] cerita. Ada macam, mungkin ada yang tak [tidak] kena lah kan. Ataupun (sambil berfikir) benda tu [itu] patut boleh dapat tak [tidak] boleh dapat, cara kita masuk tu [itu] tak [tidak] betul, kan, --- serang pun kita --- serangan kita tak [tidak] betul, kan, tu ---.

Muhammad Khalid: Jadi, apa (sambil berfikir), bagi encik apakah harapan yang, encik harapkanlah, dari segi bidang ketenteraan sendiri, yang mungkin encik boleh bandingkan zaman dahulu dengan zaman sekarang lah, dari, mungkin dari segi, mungkin dari segi --- ke, ataupun?

Abdul Malik Hashim: Bagi saya lah, zaman, zaman sekarang, zaman korang [kau orang] pun kau tak [tidak] jumpa benda-benda susah kan? Jadi, celik mata, tengok, kita dah [sudah] merdeka, kan? Betul lah kan? Tak [tidak] jumpa kawasan ada komunis, kau nak [hendak] pergi ke mana-mana pun senang. Dulu, ada waktu malam tu [itu] keluar tu [itu] dah [sudah] *curfew* [darurat], dah [sudah] tak [tidak] boleh keluar. --- kan. Sama je [sahaja], kalau kita kata bezanya memang senang sekaranglah, perbezaan dia lah, jadi daripada zaman dulu kan.

Muhammad Khalid: Ni, harapan encik ni ---.

Abdul Malik Hashim: Harapan saya, kalau boleh, biarlah kekal aman lah, untuk ---. Tentera tetap ada, ini satu maruah bagi negara. Tentera ada, kalau negara tu [itu] tak [tidak] de [ada] tentera, tu [itu] bukan negara yang ni [ini] lah kan. Tentera tu [itu] pemimpin. Sebagai satu lambang sebuah pertubuhan negara perlu ada tentera, baru orang hormat sikit, kan. Mana ada tentera, mana-mana negara pun ada tenteram kan. Tentera tu [itu] penting kan. Tapi semua, (sambil berfikir), rasanya daripada dulu lah kan, beza tu [itu] memang ada lah. Dulu lain, kan, sekarang dah lain. Sekarang --- dia datang waktu aman, dia mungkin --- masa perang. --- tapi bila kita mintak [minta], pihak, pihak-pihak yang atas lah kan. Jadi, kena pandang jugak lah kan, kita yang dah [sudah] bersara, dah [sudah] tak [tidak] de [ada] apa-apa ni kan, --- kita tengok lah,

bakti yang di, yang ditaburkan waktu dia muda kan dalam tentera tu [itu] .kita mintak [minta], dia punya, tengok kan ---.

Muhammad Khalid: Kiranya —

Abdul Malik Hashim: Jangan kita --- harta kita anak merdeka yang dulu [dahulu], dulu lah, kita dulu-dulu, kan. Kalau dulu --- pun anak dara (sambil ketawa) sekarang, ---, kan. Ingat, kita jangan mudah lupa lah . macam ---.

Muhammad Khalid: Kiranya macam —.

Abdul Malik Hashim: Kita ibarat macam jangan kacang lupa kulit lah. Ha [ya] tu [itu] lah, tu [itu] lah. Tu [itu] lebih kurang lah.

Muhammad Khalid : Kira kalau, kena menghormati lah.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], jangan kata dia tu [itu], memang bekas tentera, kebanyakannya bawak teksi, kan. Jadi itu lah bidang yang dia boleh buat. Takkan dia nak pergi bawak [bawa] senapang, pergi tembak orang. ---, betul tak?

Mohamad Amirul Syah: Betul.

Abdul Malik Hashim: Itu dia nak kata, kepakaran dia tak [tidak] de [ada] apa. Kecuali kalau dia dalam bidang jurutera, dalam bidang mekanikal, ha [ya] tu [itu] dia boleh lah, bagi *welding* [mengimpal] ke, --- bagi jurutera kan, dia boleh buat bangunan. Kalau askar tentera darat apa tau [tahu] dia tembak orang je [sahaja], kan. Hantar kursus 6 bulan, apa benda je [sahaja] dia boleh buat, kan. Itu aje [sahaja]. Itu yang harapan saya lah kan, supaya (sambil berfikir) memang yang dia ada kan, memang dia ada perhatian, memang ada lah. Tapi rasanya macam tak [tidak], tak [tidak] sangat lah, rasa saya, yang banyak kan. Yang bawak teksi tu [itu], dia susah kan.

Muhammad Khalid: Yelah. Jadi macam, mungkin dari segi percakapan encik sendiri, yelah [yalah] mungkin kerajaan patut melihat lah, tanpa nya, kalau yang bekas-bekas tentera yang pada zaman muda, mereka, tak [tidak] de [ada] nya mereka askar yang mungkin kita dapat lah.

Abdul Malik Hashim: Yalah. Kita dah [sudah] keadaan aman kan, kita nak gitu [begitu] lah kan. Pada saya kalau kita tak [tidak] buat macam tu, tak [tidak] aman. Kalau negara tak [tidak] aman, macam mana orang nak [hendak] dapat nikmat, kan? Nak [hendak] keluar tak [tidak] boleh, nak [hendak] buat kerja ni [ini] tak [tidak] boleh, *start* [mula] pukul 6 kena kurung, kena *curfew* [darurat] kan. Banyak benda yang, faktor yang harus dipikirkan [difikirkan] lah kan, yang kita nampak perkara yang ada sekarang, memang --- *relax* [tenang], askar sekarang --- kerja dia.

Muhammad Khalid : (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Kan? Masuk hutan dah [sudah] tidak, cuma buat latihan. Paling-paling pergi luar negara, buat latihan, dapat elaun lagi besar.

Muhammad Khalid : Ha [ya] yelah.

Abdul Malik Hashim: Saya bukan kata kita ---, tak [tidak], --- nasiblah. Tu [itu] zaman kita, ni [ini] zaman dia, kan. Tak [tidak] buat apa lah.

Mohamad Amirul Syah: Kiranya kalau bandingkan masa sekarang ni [ini] masa senang kan, dengan masa lampau masa zaman Encik Malik, dari segi macam teknik tu [itu] lebih kurang ataupun?

Abdul Malik Hashim: Sama.

Mohamad Amirul Syah: Sama lah. Kalau askar tu [itu], kalau jalan, kalau berhenti dia berhenti lah. 1, 2, 3, 1.

Abdul Malik Hashim: Sama jugak berhenti dia 1, 2, 3, 1 berhenti kan, dia tak [tidak] de [ada] beza pergi 3, 4, 1, tak [tidak] de [ada]. Ha [ya] dia kena berhenti. Kalau kawad tu [itu], itulah bentuk kawad dia lah. Dia tak [tidak] de [ada], memang sama.

Muhammad Khalid: Sebab ---

Abdul Malik Hashim: Cuma pakaian tu [itu] berubah lah, --- moden kan. Itu je [sahaja] lah.

Muhammad Khalid: Jadi kan, (sambil berfikir) bagi Encik Malik sendiri lah, seperti Encik Malik cakap, polis ni [ini] lebih kepada awam, tentera pula lebih kepada, mungkin backup kepada polis lah. Untuk menjaga aman. Tapi sebenarnya, kami ingin tau [tahu] lah, apa sebenarnya perbezaan yang betul-betul yang membezakan antara tentera dengan polis?

Abdul Malik Hashim: Polis ni, dia, dia, polis ni [ini] pada saya lah, perbezaan polis ni [ini] dia punya bahaya dia (sambil berfikir) terbuka, daripada tentera. Pada diri saya, saya tak [tidak] nampak orang lain cakap lah, pada saya dia terbuka. *Open* [terbuka] tau. Sebab, dia tak [tidak] kenal musuh siapa, dalam bandar, okey. Tiba-tiba, tong, dia tembak kau, mati. Kita dalam tentera, dalam hutan. Siapa dulu, nampak, oh ada kesan. Kita ada belajar mengesan kan, --- macam polis. Kalau kata pom, kita nampak dia tu [itu] kita tembak dia dulu. Kalau kita kata dia lari, kita tembak. Ataupun dia nampak kita, dia tembak kita dulu, tu [itu] yang kita pegang lah. Tapi polis ni [ini] dia terbuka. Tapi tanggungjawab (sambil berfikir), pada saya, sama. Tapi kalau dari segi keselamatan rasa polis lagi bahaya. Pada diri saya lah. Kalau waktu aman tak [tidak] kisah, kita tak [tidak] tahu, orang sakit hati kan, kita ni [ini] --- betul. Sama-sama pakai baju, jalan sana, duduk belah kanan, pom, dia tembak. Mati dia. Jadi dia, tak [tidak] dapat nak [hendak] mempertahankan, kecuali macam dia tahan *gangster* [gangster], dia curiga kan, macam tu. Macam biasa-biasa, ada lawan tembak, tembak, tu [itu] nasib lah. Tak [tidak] polis kena, dia kena, itu menentang musuh. Beza dia macam tu [itu] lah. Tapi bahaya kita, bahaya polis lagi, bahaya polis lagi. (sambil berfikir) Kadang [kadang-kadang], tahan kereta, kan, dia buat salah, dengan polis-polis dia langgar. (sambil ketawa) banyak berlaku macam tu [itu] kan. Dia kata, aku

kena tahan, aku tetap salah. Kau tahan aku, aku langgar kau sekali jalan, habis. Nasib lah.

Muhammad Khalid: Ha [ya] jadi, macam kami tau [tahu] lah, macam kami pernah dengar, mungkin dari Barat ke (sambil berfikir) *special force* dari segi polis, adakah dia saling berkait dengan *special force* yang mungkin tentera ada? Seperti macam, apabila polis mengadakan satu operasi yang besar lah, untuk. mungkin nak menewaskan mafia ke apa, mungkin kah mereka pernah memohon bantuan daripada tentera ke, macam mana?

Abdul Malik Hashim: Tengok keadaan lah, kalau dia tak [tidak] mampu, kalau dia tak [tidak] ni, kita bantu. Dia --- kita. Kita dalam keadaan saling bantu-membantu. Kita tak [tidak] boleh lari, kan. Kalau difikirkan, kita ni [ini] sama-sama, kita betul-betul kita nak tangkap, pekerja asing, contoh, kan. Mungkin polis, imigresen tak [tidak] boleh, RELA tak [tidak] cukup, pergi mintak [minta] bantuan tentera. Contohnya lah kan. Tapi kalau tahap dia boleh, ambik [ambil], ambik [ambil] peranan lagi tu [itu], mungkin, tentera ni [ini] kira *last* [terakhir] sekali, yang terakhir, kan. Mana pernah dia mintak [minta] bantuan tentera, belum lagi. --- imigresen, RELA, polis masih mampu lagi untuk mengatasi, dia atasi. Bila dah [sudah] tak [tidak] mampu, baru dia serah kat [pada] tentera. Ha [ya] tu [itu] cerita dia. Tapi kita tetap bersedia untuk membantu lah.

Muhammad Khalid: Jadi, saya mintak maaf lah, kalau mungkin soalan yang saya nak [hendak] tanya ni [ini] mungkin agak sulit dan tak [tidak] sepatutnya orang tau [tahu]. Tapi saya ingin bertanya, sebab (sambil berfikir) saya dapat satu informasi lah, kemungkinan macam, jika, waktu Malaysia, jika negara Malaysia hadapi satu masalah, kerabat diraja ada menyediakan ataupun bagi, ada satu, sekumpulan, mungkin sekumpulan tentera yang mungkin pakar, ataupun elit, yang mungkin ditugaskan apabila kejadian 13 Mei berlaku lagi sekali. Adakah itu benar atau tidak, bagi encik lah?

Abdul Malik Hashim: (sambil berfikir) Maksudnya kalau, 13 Mei akan berlaku lagi? Rasa saya, saya pandang sekarang lah, macam keadaan sekarang ni [ini], agak sukar

lah. Bagi saya lah. Kecuali kalau ada pihak atasan, yang rasa tak [tidak] puas hati dengan, dengan kita punya, ---, yang tu [itu] kita tak [tidak] tahu, kan. Kecuali, kita tengok [lihat] lah, Melayu --- lah, senang cakap lah. Rasanya susah, tapi rasa saya, sekarang nak [hendak] jadi 13 Mei, rasa memang susah lah. Kecuali kalau ada pihak, orang atas, *team* [kumpulan] A, *team* [kumpulan] B. Ha [ya], tu [itu] kita tak pasti. Ha [ya], kan. Mungkin orang, orang rasa orang ni [ini] boleh dipercayai, boleh dipakai, orang ni [ini] tak [tidak] boleh pakai. Macam mana kita nak tumbangkan kerajaan, ha [ya] tu [itu] kita tak [tidak] pasti. Saya tak [tidak] boleh, yang tu [itu] saya tak [tidak] boleh cakap lah, pasai [sebab] kita tak [tidak] tau [tahu] ianya *secret* [rahsia] kan, *secret* [rahsia] kan. Tapi cara kita tengok pada suasana sekarang ni [ini], memang ada nampak.

Mohamad Amirul Syah: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Ada nampak lah kan, tapi kita tak [tidak] berani nak [hendak] cakap lah kan. Contoh lah, kan, ni [ini] dah [sudah] bagi contoh, kita tak [tidak] boleh ---.

Muhammad Khalid: Boleh, boleh.

Abdul Malik Hashim: Contoh, lah, contoh sekarang macam GST [cukai barang dan perkhidmatan] kan, banyak, banyak orang tak [tidak] setuju, kan. Tapi pihak lagi satu, ada kepentingan, setuju lah kan. Macam contoh Sultan Johor, tak [tidak] setuju. Yang Dato' Maslan tu [itu], orang Johor, Pontian kan, dia Timbalan Kedua, --- dia kata Mahathir tak [tidak] faham GST.

Muhammad Khalid: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Tapi yang --- pulak [pula], kenapa dia tak [tidak] cakap Sultan Johor tak [tidak] faham GST? (sambil ketawa)

Muhammad Khalid: (Ketawa)

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Jadi benda ni [ini] lucu kan, --- saya rasa kecewa jugak [juga] lah kan, kenapa kita boleh cakap. Dia sebagai mantan, Mahathir, lama 20 tahun. Apa yang dia dah [sudah] buat kat [pada] negara kita. Kalau dia dah [sudah] jadi jutawan, *millionaire* [jutawan], saya tak [tidak] hairan. Macam mana suasana negara yang dia bangun kan. Itu dah [sudah] cerita politik lah, saya tak [tidak] mahu cerita pasal politik lah. Tapi kita dapat, kita sedikit sebanyak sudah ada *internet*, ada Google, nak [hendak] tengok kan, jadi kita tunggu dan lihat je [sahaja] lah, kan.

Muhammad Khalid: Kiranya macam, macam encik cakap lah, mungkin ikut pada disiplin diri sendiri lah, yang mungkin, yang mungkin seorang patut adalah untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian lah. Jadi, (sambil berfikir) bagi pandangan encik sendiri, boleh terangkan kepada kami yang, bagaimanakah situasi darurat yang menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan arahan pekeliling, bagi pandangan encik lah.

Abdul Malik Hashim: Saya, pada saya, dengan keadaan negara kita yang kaya sekarang ni [ini], kita tak [tidak] perlu kerajaan nak [hendak] adakan darurat. Apa masalah kita nak [hendak] adakan darurat? Dari segi apa?

Muhammad Khalid: Mungkin ---

Abdul Malik Hashim: Kita sekarang ni [ini] dari segi hasil masuk, rasanya tak [tidak] kurang Malaysia ni [ini]. Getah, sawit, --- hasil dalam bumi, kiranya timah, bijih, emas, semua ada kan. Tapi dengan masalah nya sekarang ni [ini], pada saya lah, pengolahan, pihak atasan --- kalau betul caranya, saya rasa, semua rakyat ikut. Sekarang, kita (sambil berfikir), kita punya *politician* [ahli politik] ni tak [tidak] kisah tau [tahu] rupa GST tinggi mana, dia meniaga, kita tak [tidak] tau [tahu] GST tu [itu] sampai ke tidak. Kita tak [tidak] tau. --- kita bukan turun dari atas langit.

Muhammad Khalid : Ha [ya] yelah.

Abdul Malik Hashim: Bukan Tuhan jadikan, manusia yang buat. Dia kutuk, barang dia naik, GST dia makan, yang kena siapa? (sambil ketawa) Kita lah. Ini kisah kita lah, kisah kita lah banyak kan, pada, mintak-mintak jangan lah, tapi, oleh kita disebabkan ada pemerintah, kita terpaksa ikut perintah. Betul tak? Macam saya lah, sebagai tentera, saya ada orang atas, C.O [*commanding officer*], --- jeneral kan, apa dia cakap kita kena patuh lah, pasal dia *boss* [orang atasan] saya. Sama jugak [juga] macam kita kan. --- kita nak [hendak] beli air sebotol, kita nak [mahu] minum air. GST [cukai barang dan perkhidmatan] kena. Nak *top up* [tambah nilai], nak telefon, kena *top up* [tambah nilai], kena beli juga. Bayar juga GST. Bising, bising juga. Nak [hendak] buat macam mana?

Muhammad Khalid: Yelah.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], tu [itu] masalahnya.

Muhammad Khalid: Jadi macam tu [itu] lah, yang kami, kami ingin mintak [minta], itu lah, pandangan encik sendiri, macam (sambil berfikir) kejadian 13 Mei diisytiharkan darurat disebabkan saling berbunuhan antara kaum, Cina dan Melayu lah ketika itu. Jadi dia darurat disebabkan, apabila Melayu lalu di depan, ataupun nampak dari pandangan Cina, akan terus dibunuh. Begitu jugak [juga] Cina apabila lalu di depan, Melayu akan dibunuh. Jadi, itu untuk 13 Mei lah. Sekarang ni [ini] pun, generasi muda tak [tidak] tau [tahu] apa sangatlah cerita pasal 13 Mei. Jadi, bagi ni [ini] lah, pandangan encik, bagi situasi darurat yang mungkin akan berlaku untuk zaman sekarang, macam mana? Kalau diisytiharkan darurat.

Abdul Malik Hashim: Saya, pada saya, kalau kata, Malaysia ni [ini] kata pada saya payah, *majority* [kebanyakan] orang Melayu banyak, lepas tu [itu] Cina, India sikit [kurang] lah, lain-lain bangsa lagi sikit [kurang] lah kan. Rasa kita orang Melayu ni [ini], selalu kita berpegang pada ugama [agama] lah kan, yang itu kita hendak bangsa kita memerintah. Ha [ya], jadi apa cara --- mana pun, (sambil berfikir) rasanya kalau tak [tidak] begitu teruk, susah, nak kata, susah, nak jawab payah lah kan ---. Contoh lah kan, contoh, dalam keadaan GST, dalam keadaan getah murah, sawit murah, BN

masih menang lagi, maka masih menyokong lagi orang Melayu kita memerintah, kan. Kita sendiri gitu [begitu] lah kan. Jadi bila sokongan ada, bangsa lain agak curiga, takut, nak buat sesuatu pasal [sebab] dah [sudah] terjadi 13 Mei, kan. Dia tak [tidak] nak [mahu] susah, pasal harta dia dah [sudah] banyak. Ekonomi dia dah pegang, kau tak [tidak] hairan lah. Kau buat lah apa, tak [tidak] hairan. Kau naikkan minyak, dia naikkan barang. Minyak turun, barang tak [tidak] turun.

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Betul? Betul. Saya berani cakap dengan kedai-kedai mana ada kaum Cina, dia tak [tidak] kisah GST, saya boleh cakap bapak [bapa] saya Cina. Sekarang, barang, minyak dia naik, harga barang naik, minyak turun lagi, barang tak [tidak] turun. Ni [ini] saya dengar minyak nak [hendak] naik balik, dia naik lagi barang. Kan? Dia naik minyak, tak [tidak] turun juga. GST lagi. Tak [tidak] mati orang? Ha [ya], kan. Jadi rasanya, Cina rasanya (sambil berfikir) dia tak [tidak], payah [susah] lah, kalau kita biasa, kalau, kalau kita nak [hendak], nak [hendak] isytihar darurat, kata nak jadi 13 Mei macam ---, payah, payah. Payah, payah, pada pandangan saya lah. Kecuali kalau orang Melayu, (sambil berfikir) dia *join* [sertai]. Ha [ya] itu lain. Nak menjatuhkan tu [itu] saya tak [tidak] boleh cakap lah kan, sebab nak [hendak] menjatuhkan. Tapi rasanya orang kita masih lagi kuat, --- berpegang pada bangsa kita lah. Harap-harap macam tu [itu] lah kan.

Muhammad Khalid: Kalau macam, sejak kebelakangan ni [ini], jika di ini lah, sebelum kami bertemu dengan Encik Malik sendiri, kami mendapat satu berita lah yang mungkin mencemaskan kami lah, sebab kami tiada pengalaman macam Encik Malik kan, jadi kalau berhadapan dengan satu masalah mungkin kami tak [tidak] dapat buat apa-apa sebab, tak [tidak] silap, di *area* [kawasan]-*area* [kawasan] Segamat lah, tapi kami tak [tidak] pasti kat mana, berlakunya pemenggalan kepala antara India dan Melayu ketika itu. Jadi (sambil berfikir) bagi encik, macam mana, pandangan encik lah, mengenai situasi macam ni [ini] lah.

Abdul Malik Hashim: Pada saya (sambil berfikir) jika zaman, zaman, zaman itu dah [sudah] tak [tidak] boleh kita adakan sekarang lah. Macam IS [*Islamic state*] kan, ---

IS [*Islamic state*] tu [itu] dah [sudah] kira, apa, dah [sudah] kira macam satu kezaliman lah, zalim lah kan, tak [tidak] sepatutnya ---. Tapi benda penggal memenggal ni [ini] tak [tidak] wujud lah --- zaman kita lah.

Muhammad Khalid: Disebabkan, kalau kan, apabila manusia terlampau, apa, pandai, bak kata orang dulu lah, pandai sangat, dia fikir terlampau *complex* [kompleks], komplikasi sangat, cara dia berfikir. Jadi, kadang-kadang, itu yang menyebabkan antara mereka, walaupun mereka mempunyai yang, mungkin, akademik lebih tinggi, dari segi sosial bagus, tapi mereka boleh terlibat dengan — seperti IS [*Islamic state*], cam [macam] tu [itu].

Abdul Malik Hashim: Pada saya (sambil berfikir) apa, apa matlamat nya yang diorang pergi. Pada saya tak [tidak], saya, kabur sampai sekarang sampai cakap, IS ni [ini] saya kabur --- cakap. Saya tak [tidak] tahu motif, tujuan, apa, tujuan apa yang diperjuangkan sampai tahap macam tu [itu]. Penggal-penggal orang kalau tengok dalam t.v. [televisyen], dalam, dalam *internet* tu [itu] kan. --- tergolek-tergolek kepala orang dia penggal. Saya tak [tidak] tahu, dia berjuang untuk apa. Saya tak [tidak], saya puas saya nak ni [ini], kadang orang cakap ni, orang cakap ni [ini], ---. Tugas apa dia buat, pihak atasan, tak [tidak] tau [tahu] lah saya. Macam Amerika, tu [itu] negara besar, takkan dia tak [tidak] boleh atasi benda-benda macam tu [itu] kan. --- benda ni [ini] macam seolah satu --- kan, macam komunis kan, kita tak tahu sapa komunis kan.

Muhammad Khalid: Ha [ya] yelah.

Abdul Malik Hashim: Kita tau [tahu] ideologi diorang macam mana kan. Tapi yang kita pelik tu [itu], orang yang pergi, --- orang yang bijak pandai tu [itu].

Muhammad Khalid: Ha [ya] itu lah yang kami —

Abdul Malik Hashim: Itu yang kita jadi satu masalah, macam mana cara dorongan, tarikan dia tu, menyampaikan sampai ke tahap macam tu.

Muhammad Khalid: Sebab itu lah kami ingin tanya —

Abdul Malik Hashim: Saya (sambil ketawa) tak [tidak] dapat, saya tak boleh bagi jawapan saya. Saya pun tak [tidak] tahu, tugas, matlamat IS tu [itu], saya tak [tidak] tahu. Yang tujuan budak kita boleh pegi, orang kita boleh *join* [sertai], pasai [sebab] pe [apa], saya tak [tidak] faham. Apa, apa, yang dia nak. Apa? Boleh ke dia berjuang tu [itu], boleh masuk syurga ke? --- itu buat saya (sambil ketawa) belum pasti lagi orang pakai serban tu [itu] masuk syurga kan, yang duk [duduk] tuli, buta, kayu, ni [ini] masuk syurga, kan? Saya tak [tidak boleh]. Kita tak [tidak] tau matlamat apa, kita --- mintak-mintak jauhlah dari anak cucu kan, jangan terlibat benda-benda macam tu [itu]. Pasal anak duduk kat [dekat] luar negara ni [ini] kan, takut ---. Tapi mintak [minta]-mintak [minta] janganlah, tak [tidak] tau [tahu] apa --- sangat nak [hendak] pergi benda macam ni. Tapi Indonesia paling banyak sekarang ni [ini]. Asia ni [ini]. Pasal dia duduk Arab, duduk sana kan, benda tu [itu] terpengaruh ---. Sanggup nak penggal kepala orang ni [ini], apa kejadian [sebab] nya.

Muhammad Khalid: (Ketawa) hahaha.

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa) hahaha.

Abdul Malik Hashim: Tak [tidak], --- kita nak penggal kepala orang, kepala ayam pun kita rasa, risau, terfikir kan. Ayam --- sembelih kan. Kadang-kadang, saya ada senapang kan, nak [hendak] tembak peluru pun saya dah [sudah] macam kesian. Macam mana kita nak penggal kepala orang.

Muhammad Khalid: Betul.

Abdul Malik Hashim: Rasa ---, itu saya tak [tidak] berani jawab lah, yang itu saya tak [tidak] boleh, (sambil ketawa) tak [tidak] tau [tahu] apa, apa, motif, motif apa dia punya, dia punya tu [itu]. Dia penggal kepala.

Muhammad Khalid: (Ketawa) Jadi (sambil berfikir) dari segi pengalaman encik, bagaimana encik mengendalikan situasi darurat ataupun situasi yang mungkin keadaan cemas, kecemasan semasa encik berkhidmat dalam ketenteraan?

Abdul Malik Hashim: Saya (sambil berfikir) saya kalau zaman saya dulu takde [tidak ada], rasanya takde [tidak ada] begitu teruk sangat lah kan, masa darurat. Masa saya tak [tidak] jumpa darurat lah kan, masa kita, orang kata keadaan, suasana ketika itu operasi macam biasa, kan. Walaupun nak [hendak] kata darurat sebab kita, kita tak [tidak] makan, apa semua kan, anak keluarga terbiar, masa, masa tu [itu] masih boleh dikawal lagi lah, kan. Kalau darurat ni [ini] maksudnya susah kan, susah itu susah ini, susah sana, susah sini, zaman, zaman tu [itu] masih, masih boleh dapat hubungan-menghubungi lah, kan. Itu yang mereka kata tentera laut, darat, udara tadi bekerjasama, kan. Jadi masa kita dah [sudah] tau *okey* [baik], kawasan ni [ini] kita dah [sudah] tak [tidak] boleh keluar, contoh kan, dia *drop* [turunkan], daripada atas. Pakai belon kan, turunkan atau ---, dia turun, dapat makan lah. --- dia keluar, dalam hutan tu [itu] ada manusia, ada orang asli.

Muhammad Khalid: Ha [ya] yelah.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya] tengok ada urusan dia ---, jumpa orang asli tu [itu] kita hidup lah. Takde [tidak ada] masalah (sambil ketawa) kalau jumpa dia, kampung asli dalam hutan, jauh-jauh kita jumpa, hidup lah kita, takde [tidak ada] masalah lah. Nak makan nasi, beras padi dia tanam, ubi apa semua dia ada, takde [tidak ada] masalah. Cuma bagi duit --- mata, dah [sudah] boleh lah. Dia pun takde [tidak ada] benda-benda macam tu [itu] kan. Dia pun rasa kesian, kerjasama ada. --- Rasa takde [tidak ada] darurat pada masa itu, takde [tidak ada] darurat ni [ini] susah kan, cari barang, apa semua kan ---. Sekarang dah mewah, kan.

Muhammad Khalid: Ha [ya] yelah.

Abdul Malik Hashim: Pada saya, tak [tidak], takde [tidak ada] rasa lah --- negara kita kan, takpe [tidak mengapa] lah orang dulu-dulu daripada saya kan.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) semasa operasi encik lakukan seperti *sweep* [sapu], ataupun dari segi logistik ke apa lah, encik pernah ke, ditangkap oleh komunis ataupun penganas sendiri, sebagai tahanan?

Abdul Malik Hashim: Oh, tak [tidak] pernah. Kita, perang masa saya tu [itu], belum ada lagi. Belum ada dengar lagi lah, komunis tangkap tentera. (sambil ketawa) Itu dah kira teruk, itu bukan tentera namanya. Tu [itu] pada zaman saya.

Muhammad Khalid: Tak [tidak] pernah lah?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya].

Muhammad Khalid: Tapi mungkin, ataupun, encik dapat (sambil berfikir) mendengar daripada pengalaman orang lain ke, ketika pergi ---?

Abdul Malik Hashim: Takde [tidak ada] lagi. Tapi kalau (sambil berfikir) tempat luar, kalau negara luar tu [itu], banyak kita dengar kan. Tapi Malaysia tak [tidak] pernah lah, komunis kacau tentera (sambil ketawa) kan, tak [tidak] pernah dengar lagi. --- tak [tidak] tahu lah, kalau kita tak [tidak] perasan kan, tapi rasanya tak [tidak] dengar lagi, ada tentera kena tangkap komunis, takde [tidak ada] lagi.

Muhammad Khalid: Ha [ya], jadi kami ingin tanya lagi sekali lah, pandangan encik tentang, perbezaan antara tawanan perang dengan tawanan penjenayah. Apa beza sebenarnya?

Abdul Malik Hashim: Tawanan perang (sambil berfikir) ni [ini], dia tawanan perang, kita macam kita dapat satu benda tu [itu] kan, bukan kata kita rampas waktu perang tu [itu] kan, dan kita (sambil berfikir) tawanan perang ni [itu], kita, biasanya, macam mana ya. Maksudnya tahanan biasa, tahanan biasa kan, dia ditahan, menerima hukuman, kan. --- tahanan perang, dia (sambil berfikir) ada, memang ada tahanan perang, kita ada kan, tapi biasanya kita tak [tidak] dengar selepas --- tindakan, tindakan pihak polis lah. Kita dapat tangkap, kita serah polis. Itu polis punya *action* [tindakan] lah, kita tak [tidak] tau. Kita takde [tidak ada] simpan. Kita kalau tangkap kita mesti serah pada polis. Askar. Macam kita, kita dapat tangkap, syak orang ni [ini] pastu dia ni [ini], sebagai musuh lah kan, kita tak [tidak] simpan, kita boleh simpan sementara, polis datang ambik lah. Kita serah polis. Itu kerja kita tak [tidak] tahu lah, apa tindakan polis, kita tak [tidak] tahu. Polis akan siasat lah. Dari segi latar belakang,

latar belakang dia, *background* [latar belakang] dia kan, apa semua kan, itu polis punya kerja lah, kita takde [tidak ada]. Kita tak [tidak] simpan, maksud saya takde [tidak ada] simpan, bila kita simpan dalam lokap, takde [tidak ada]. Yang ada lokap simpan tentera. Tentera buat salah, kita simpan masuk dalam lokap. Lokap tentera lah. --- dengan polis lah. Kecuali dia melibatkan kesalahan awam, kan. Tapi kalau kita tangkap orang awam, kita syak komunis, kita serah kat [pada] polis. Kita tak [tidak] simpan.

Muhammad Khalid : Jadi, encik boleh terangkan pasal [mengenai], (sambil berfikir) yang mahkamah tentera, yang tentera sendiri akan adakan mahkamah untuk tentera sendiri.

Abdul Malik Hashim: Kalau macam contoh macam saya, saya pernah kena naik mahkamah, kan. Dia panggil (sambil berfikir), macam contoh saya kena helikopter jatuh --- kan, kod *marshall*, dia panggil kod *marshall* lah kan, ha [ya], pegawai kapten, apa, kapten, *pilot* [juruterbang] tu [itu] kan, dia buat kapal terbang tu [itu] jatuh. Ha [ya], dengan sebab kecuaiannya dia apa semua, mungkin tentera akan ambik [ambil] tindakan pada dia lah. Ha [ya] sebab kematian dengan kerosakan kapal terbang kan. Marshall. Tapi, kod *marshall* tu [itu] (sambil berfikir) dia tengok [lihat] dari segi *statement* [kenyataan] lah, *statement* [kenyataan] daripada saksi lah, kan. Saksi kejadian hari tu [itu] kan, kalau saksi tu, kejadian tu [itu] menyebelahi pihak dia, dia lepas. Ataupun, dia ambik [ambil], dia ambik [ambil] --- dia, maksud saya, tak [tidak] salah saya dia ambik [ambil] Karpal Singh.

Muhammad Khalid: Oh.

Mohamad Amirul Syah: Oh.

Abdul Malik Hashim: Kapten tu [itu], dia ambik [ambil] Karpal Singh. Masa bicara di Pulau Pinang, tak [tidak] silap saya. Kod *marshall*. Dia ambik [ambil] Karpal Singh, Sarjan Mejar saya tak [tidak] tengok pun kejadian tu [itu], yang sedang menengok [melihat] nya saya, saya yang ada tempat kejadian tu. Tapi, oleh sebab dia nak [mahu] kan nama, --- kita punya, salah. Kita tak [tidak] tahu, yang buat-buat tahu. Jadi apa yang diceritakan tu [itu], apa yang Karpal Singh tanya tu [itu] bercanggah. Dengan

statement [kenyataan] yang mula-mula Karpal Singh dia ambik [ambil] dengan orang yang, orang-orang luar. Plaintiff kan. Makna tak [tidak] ---- lah, Sarjan Mejar tu [itu], dia tak [tidak] tahu apa.

Mohamad Amirul Syah: Oh.

Abdul Malik Hashim: Menang kapten tu [itu]. Terus naik 3 paku [pangkat]. Daripada 2, (sambil ketawa) ha [ya], itu cerita dia. Jadi, sama je [sahaja], kalau seolah macam orang yang, bunuh orang lah kan, selagi belum jatuh hukuman, dia belum tau [tahu] juga salah, kan. Setelah bicara, apa sebab dia bunuh. Apa sebab orang tu [itu], dia bunuh orang tu [itu], kan. Bicara dulu, jatuh hukuman baru tau [tahu] dia salah, macam ni [ini] juga. Daripada tentera kalau kod *marshall* tu [itu], (sambil berfikir) banyak benda lah. Saya pun ada terlibat jugak kod *marshall*, kan. Orang mintak [minta] curi minyak, saya sebagai jaga *transport* [pengangkutan] tu [itu] curi minyak. Jadi, bicara, bicara, budak tu [itu] dapat --- lah. Jadi, kan. Jadi satu penipuan, sebab, sama, di bidang tentera, dia buat bidang tentera punya mahkamah, kan. Dia tak [tidak] bawak [bawa] pergi pada awam. Kecuali kalau, dia mencuri barang awam, didapati bersalah, dia serah pada awam, ha [ya] tentera --- lah, masuk penjara awam. Ha [ya], tapi kalau, kita pulak [pula], tangkap komunis, kita tak [tidak] simpan, tak [tidak] simpan di tempat tentera. Kita, kita tidak ada lagi. Makna kita kena serah kepada polis lah.

Muhammad Khalid : Jadi, kalau macam, (sambil berfikir) tengah operasi, mungkin tangkap seorang komunis lah, bagaimana macam, bagaimana, cara tentera yang ingin mencari maklumat dari komunis tersebut?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya] itu kita, kita ada kita punya SB [*special branch*] kita kan. Dia akan buat soal siasat, lepas tu [itu], dia serah kat polis lah. Polis akan ambik *action* [tindakan]. Ha [ya]. Lepas tu [itu] dia akan, tengok lah, apa, apa, apa, apa, *action* [tindakan] dia sebab dia --- kita tak [tidak] tau, sebab kalau dia jumpa kita, tembak mati lah, ha [ya]. Kalau kita senang, tembak mati. Habis cerita. Bila tangkap hidup, kita susah. Memang susah. Orang yang menangkap macam *group* [kumpulan] saya, saya kena pergi soal siasat, nak kena soal jawab, kan. Bila dah [sudah] tembak

mati, habis, kan. Jumpa bukti-bukti ada, senjata ada, passport ada, kad komunis semua tu [itu] ada, sekali kan. Ha [ya]. Habis cerita, bukti semua ada, dah. Bila tangkap hidup memang susah.

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berfikir) semasa kita berbincang lah, mungkin, mungkin, semasa Encik Malik sendiri bercerita pasal komunis, saya ingin mengetahui lah, komunis sebenarnya, dikatakan mengenai lambang 3 bintang yang mungkin mewakili ---

Abdul Malik Hashim: Ada 5 bintang, tak [tidak] silap saya. Komunis ni [ini] bintang 5.

Muhammad Khalid: Ikut sejarah lah kan,

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], ya.

Muhammad Khalid: 3 bintang, mewakili mungkin, Cina, Melayu, India. Tapi ditubuhkan disebabkan Cina sendiri, kebencian Cina terhadap tentera Jepun semasa itu. Jadi Encik Malik boleh terangkan tak [tidak], kenapa bermulanya propaganda komunis, ketika itu lah.

Abdul Malik Hashim: Saya masa tu [itu], saya tak berapa tu [itu] lah, mintak maaf lah. Saya tak [tidak], pasal zaman saya tu [itu], komunis dah [sudah] wujud kan, dah [sudah] lama wujud kan, dia dah [sudah] ada zaman kita. Saya nyambung [sambung], nyambung [sambung] 13 Mei kan, jadi memang komunis tu [itu] dah [sudah] ada dah [sudah]. Dah [sudah] --- Chin Peng kan.

Mohamad Amirul Syah: Chin Peng.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya] Chin Peng. Dia ni [ini] berjuang (sambil berfikir) untuk memang nak [hendak], nak [hendak] menentang lah, menentang kemerdekaan lah kan, dia nak [hendak] merdeka kan, dia nak [hendak] sama macam kita lah. Kita mempertahankan daripada tu [itu], kita boleh, kita mintak [minta] merdeka, kita yang

merdeka kan. Dia rasa tak [tidak] puas hati, dia --- kita, kita cari dia, kita serang dia, kita --- dia, --- sampai habislah. Sampai dia keluar, sampai duduk kat [di] luar, mesti ada keluarga dia punya, komunis kan. Takkan dia nak [hendak] cakap, aku ni [ini] komunis, takkan dia nak cakap kan. IC [*identity card*] biru nak cakap dia komunis.

Muhammad Khalid: (ketawa)

Abdul Malik Hashim: Tu [itu] dia kata, dia --- lah, kita tak [tidak] nak [hendak] bohong, macam saya tak [tidak] dapat, biarlah, biar ---. Di situ saya tahu.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) kiranya dalam komunis sendiri, ada jugak [juga] lah orang Melayu sendiri menentang tentera Melayu sendiri?

Abdul Malik Hashim: Ada, sebelah Kelantan kan, ada --- kat [di] situ. Kita kerja, dengan dia kan, dia keluar, kita masuk, kan. Kita kata selamat datang, Tiga Melayu Diraja, dia keluar, bawak [bawa] senapang, bubuh [letak] dalam kain, ikut bawak keluar. Kita tak [tidak] kacau dia, ha [ya] itu kita sama-sama Islam, kita tau [tahu] kan, ada masa --- kan, menentang dia kan. Kita pun, (sambil berfikir) tutup mata je [sahaja] lah. Yelah [yalah] kan. Dia selalu belah [sebelah] Kelantan sana.

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berfikir) bagi pendapat tuan lah, mengenai kekurangan bilangan tentera dalam sistem ketenteraan negara kita. Boleh tuan cerita kan tak [tidak]? Sebab mungkin dari segi sumber manusia, *human resources* [sumber manusia] dekat dalam negara mungkin kepakaran dalam sesuatu bidang tu [itu], kurang. Seperti macam dalam doktor, dalam kedokteran, mungkin Malaysia tidak mempunyai dalam, kepakaran dari segi pembedahan dari segi otak, macam tu [itu]. Kalau dalam bidang ketenteraan macam mana, bagi pendapat encik lah.

Abdul Malik Hashim: Sekarang dia sekarang, sekarang kita memang, kita dalam tentera ni dia ada *medical*, [perubatan] dia ada doktor lah kan, doktor ---. Kita dalam bab ugama [agama] ada ustaz, ustaz, ustazah kita ada kan. Dari segi ni [ini] (sambil berfikir), kita memang kurang, pada saya, zaman saya lah. --- pakar tu [itu] kita --- awam lah, macam doktor, untuk sakit-sakit biasa kan, ada. Untuk pakar bedah apa

semua, kita kena pergi kepada awam lah. Zaman saya tu [itu] saya takde [tidak ada] lagi. Zaman saya lah, sekarang saya tak [tidak] tau [tahu], minta maaf lah. Zaman saya dulu doktor biasa lah, tengok sakit gigi, adalah.

Muhammad Khalid : (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Sakit gigi, demam, apa semua kan, ---. Tapi bab pembedahan jantung, tu [itu] masa tu [itu], zaman saya belum ada lagi rasa saya, yang saya dengar lah, kan.

Muhammad Khalid : Jadi, (sambil berfikir) saya ingin bertanya lah, mengenai encik sendiri. Dalam, ketika, ketika zaman encik dulu adakah terdapat, mungkin kepakaran yang khusus, macam dari segi sekarang ni [ini], mungkin kami dapat tahu, mungkin kelebihan seorang tentera atau kepakaran dia mungkin, *long*, [jarak jauh] *long range shooting* [tembak jarak jauh], macam *sniping* [tembak curi], ataupun *middle range melee assault* [tempur jarak sederhana]. Kalau macam, ketika zaman encik, apa kepakaran yang terdapat ketika itu, ketika zaman encik sendiri?

Abdul Malik Hashim: Saya, zaman saya (sambil berfikir) yang, yang bidang, yang pakar-pakar yang diorang dapat kalau bahagian, bahagian, *engineer* [jurutera] kan, buat --- kan, kalau *medical* [perubatan], dia boleh, yang bekerja yang sebagai *medical* [perubatan] swasta, kan, --- kerja swasta, kan, camtu [macam itu]. Kita ni [ini] bahagian-bahagian tentera ni, takde [tidak ada] pe [apa] yang ada, orang kata, macam saya lah, kalau macam logistik tu [itu], boleh jadi *storekeeper* [penjaga stor] jelah, (sambil ketawa) macam saya lah, kan. Kita --- stor kan, boleh jadi *storekeeper* [penjaga stor] jelah. Itu yang layak pun. Saya pun sekolah pun tak [tidak] tinggi kan. Tak [bukan] macam sekarang, sekarang nak SPM, dulu *time* [masa] darjah 6 dah [sudah] boleh.

Muhammad Khalid : (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Sekarang dah tak [tidak] boleh. Ha [ya], tu [itu] beza dah [sudah] jauh, memang beza tu [itu] jauh. Kepakaran tu [itu] lah, jurutera, *engineer*,

[jurutera] ha [ya] --- dia boleh, cikgu dia ada, ada kepakaran lah kan, dia bawak [bawa], dia bawak [bawa] daripada awam lah kan. Macam *medical*, [perubatan] dia boleh, kata orang kata --- boleh bawak [bawa] teksi, lah. Bawak [bawa] kereta 3 tan, bawak *land rover* tu [itu] kan, boleh lah, bawak teksi je [sahaja] lah kan, bawak bas. Kalau macam saya, takde [tidak ada] apa lah, tapi saya tak [tidak] minat lah jadi *storekeeper*, [penjaga stor] saya jadi --- dengan barang kan (sambil ketawa).

Muhammad Khalid : (Ketawa)

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Saya dah [sudah] tak [tidak] mau [mahu] dah [sudah]. Jadi takde [tidak ada] apa lah yang, yang, yang boleh kata pakar pada saya, takde [tidak ada] benda lah. Kalau dari segi meniaga [berniaga] sekarang ni [ini], pengalaman je [sahaja], kan. Kita dalam bidang meniaga, [perniagaan] kita meniaga [berniaga] lah kan, Dari segi --- bukan senang, dah [sudah] 26 tahun dah [sudah] pencen dah [sudah] ni [ini].

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berdehem) ehem, semasa zaman encik dalam bidang ketenteraan, ada, adakah terdapat yang mungkin, bukan bumi, bukan bumiputera terlibat, ataupun masuk dalam bidang tentera?

Abdul Malik Hashim: Dulu zaman saya memang kurang sangatlah, Cina, India kan.

Mohamad Amirul Syah: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim: Sekarang lagi kurang.

Mohamad Amirul Syah: Oh.

Abdul Malik Hashim: Zaman dulu ada lah, tapi sekarang lagi kurang. Cina, India, nak [hendak] masuk tentera. Kalau polis saya rasa ada ramai Cina, paling kurang sekali Cina, dia, tak [tidak] tau [tahu] apa sebab. Dia nak [hendak] keadaan, dia nak aman,

dia nak [mahu] tidur sedap, meniaga [berniaga] dengan keadaan boleh ke sana ke mari, tapi dia tak [tidak] nak [mahu] berkhidmat untuk negara. Ha [ya]. Itu kita kena, di situ kita kena, ambik [ambil], ambik [ambil] iktibar lah, ha [ya], kita nak [mahu] pertahankan negara kita Malaysia ni [ini], orang Melayu yang *apply* [mohon] jadi tentera, polis banyak kan. Kenapa dia tak [tidak] nak [mahu]? Ha [ya] kita tengok situ sudah lah kan, apa sebab dia tak [tidak] nak [mahu]? Memang kurang sangat lah. Ada tu [itu] ada, kurang, boleh dikira dengan jari lah.

Muhammad Khalid: Oh.

Abdul Malik Hashim: Ha [ya] sekarang ni [ini] --- askar Melayu tu [itu] memang kata orang Melayu semua lah, kalau nak [hendak] ada pun nak [hendak] ada Mejar, ---, *artillery* [pertempuran berat], ha [ya], mungkin ada 1 2 orang lah. --- cakap tak [tidak] ada lah, ha [ya]. Kecuali kalau warga, lain daripada askar Melayu tu [itu], banyak Iban, Dayak kan, kita tak [tidak] tau [tahu] lah. Kalau Sabah, Sarawak.

Muhammad Khalid: Jadi, (sambil berfikir) aaa, dari segi kalau encik, aaa, kiranya, sesiapa lah boleh, kalau berminat untuk masuk unit ketenteraan, tidak [tiada] masalah walaupun mempunyai perbezaan kefahaman, agama, bagi pandangan encik macam mana?

Abdul Malik Hashim: Pada saya, kalau dari segi kata, fahaman tu [itu], (sambil berfikir) jadi askar lagi bagus dia punya tu [itu] kan, daripada segi tahap, dari segi agama [agama], kan.

Mohamad Amirul Syah: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], sembahyang dia, --- memang semua. Kita ada guru kan, ada guru agama [agama], kan. Memang di ikut, apa-apa sistem, ikut jadual yang diatur lah. Ada ceramah agama [agama], sembahyang, kita ada jadual waktu, kalau ada, semua ada lah. Macam korban tu [itu] kita ada waktu korban kan, siapa nak korban, kita ---, kita atur, korban dia dalam kem, kan. Contohnya, kan.

Muhammad Khalid: Jadi, kiranya kalau macam, encik sendiri cakap kan, pada zaman dahulu, ada je [sahaja] yang mungkin, kaum selain daripada Melayu, seperti India atau Cina, (sambil berfikir) aaa, aaa, masuk ke dalam bidang ketenteraan. Jadi kiranya mereka, adakah mereka, ikut sahaja yang, apa yang, platun encik buat ke, ataupun mereka ada hal masing-masing sendiri?

Abdul Malik Hashim: Ha [ya], takde [tidak ada]. Dia kalau dah masuk tentera, dia ikut tentera. Dia takde [tidak ada], malah dia lagi bagus, ha [ya] --- tu [itu]. Kebanyakan lah, saya tengok, kan. Malah dia lagi bagus. Disiplin dia. Pasal dia rasa dia tak [tidak] ramai, ha [ya], dia pun masuk jugak kan, ---. Tapi rasanya, sekarang memang susah betul lah. Zaman saya pun dah [sudah] kurang, macam mana sekarang ni [ini] kan?

Muhammad Khalid: (Tergelak) haha.

Abdul Malik Hashim: Zaman dia dah [sudah] senang, kan. Ha [ya], lebih baik dia bukak kedai jual *handphone* [telefon bimbit].

Muhammad Khalid: (Ketawa) hahaha.

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa) hahaha.

Abdul Malik Hashim: Dia dapat duit. Betul, kita tengok je [sahaja], --- ada jual *handphone* [telefon bimbit]. Cina, kan. Contoh budak-budak dia. Paling tidak, kan, dia pergi *Singapore* [Singapura], --- dia agak yang duit, duit sikit kan. Kita, kerajaan Malaysia kita, pun tak [tidak], tak [tidak] pandang pasal tu [itu], tak [tidak] nak [mahu] peratikan [perhatikan], apa sebab, kan. Yang banyak, banyak masuk polis, orang kita.

Muhammad Khalid: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim: Itu pun berkejar kat kampung.

Muhammad Khalid : (Ketawa) hahaha.

Abdul Malik Hashim: Ya, berkejar.

Mohamad Amirul Syah: (Sambil berfikir) Aaa, kiranya macam, ada ke [kah], daripada zaman encik Malik, ada ke [kah] macam, kerajaan, dia buat macam, kempen ke nak [hendak], nak [hendak] ajak lebih ramai bukan Melayu untuk *join* [sertai]? Takde [tidak ada]?

Abdul Malik Hashim: Pada saya, takde [tidak ada]. Tak [belum] pernah nampak lagi ada orang datang pergi kempen ke. Semua bekas-bekas tentera je [sahaja], apa, semua bekas-bekas tentera, kempen, apa, untuk supaya orang masuk.

Muhammad Khalid: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim: Pun ada. Saya pun, kadang [kadang-kadang] veteran pun saya tak [tidak] pergi.

Muhammad Khalid: (Ketawa) hehehe.

Abdul Malik Hashim: Malas saya pergi, mengarut je [sahaja] kan ---.Takde [tidak] apa benda, bertelagah sama kita je [sahaja], lantak [suka hati] kau lah, --- hal aku je [sahaja] lah, kan.

Muhammad Khalid: Jadi (sambil berfikir) aaa, ikut aaa, pendapat encik Malik lah, aaa, sebenarnya, adakah kekuatan tentera negara kita, aaa, zaman dahulu lah, adakah setaraf dengan, dengan negara lain? Pada ketika, ketika itu.

Abdul Malik Hashim: Saya rasa, *standard* [sama] lah. *Standard* [sama], saya rasa. Sebab kita kalau ASEAN lah kan, kita tak [tidak] nak [mahu] lah --- negara-negara besar, yang boleh buat kapal terbang tu [itu] kan.

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa) hehehe.

Abdul Malik Hashim: Kalau kata ASEAN, saya rasa, *standard* [sama] je lah. Apa kita semua, kapal pun beli, senjata pun meniru, beli, kan, --- semua beli, kan. Rasanya *standard* [sama] lah. Ha [ya], pada saya lah, kan.

Muhammad Khalid: Jadi kalau ikutkan --, yang mungkin lebih besar dan mungkin, (sambil berfikir) aaa, aaa, mungkin seperti negara-negara besar lah, ketika itu, kekuatan negara, negara kita, macam mana?

Abdul Malik Hashim: Kekuatan?

Muhammad Khalid : Ha, Amerika.

Abdul Malik Hashim: Dia, dia menghormati. Dia menghormati. Kalau nak [mahu], nak [hendak] serang, bila-bila masa je [sahaja], apa benda yang kita ada, kan. Tu [itu] semua beli je [sahaja].

Mohamad Amirul Syah: Betul.

Abdul Malik Hashim: Takde [tidak ada] benda kita ni [ini]. Setakat meriam, boleh lagi, kapal terbang, kita ada berapa biji [buah], kan. Diorang datang-datang, pom (bunyi tembak), habis. Dia tuju tempat yang strategik, habis lah kita, lumpuh lah. Kalau dia nak [mahu] serang lah. Kita tak [tidak] heran [hairan] lah, kalau dia nak [mahu] (sambil ketawa) hahaha apa benda. Kita beli daripada dia, kan. Contoh, kalau kita beli satu kapal terbang, *remote* [alat kawalan jauh] kat tangan dia (sambil ketawa) hahaha. Ha [ya], *remote* [alat kawalan jauh] kat tangan dia.

Mohamad Amirul Syah: Betul, betul.

Abdul Malik Hashim: Kau pulas sini, kapal terbang tu [itu] nak [mahu] ke kiri je [sahaja], kau pulas kanan, dia ke kiri je [sahaja]. *Remote* [alat kawalan jauh] kat [dalam] tangan dia. Dia yang buat kapal terbang tu [itu], kita nak buat macam mana?

Dia boleh *adjust* [sesuaikan], boleh --- je [sahaja], nak gi [pergi] berapa jauh, kat [di] mana kau nak [mahu] turun, dia, ini semua, zaman sekarang lagi, lagi, lagi, lagi canggih kan. Zaman-zaman kita dulu, tengok [lihat] peta, tengok [lihat] bulan, semua tu [itu], kadang kita tembak, lari 150 meter, 300 meter, 100 meter lari, dia tak [tidak], makna takde [tidak ada] *online* [tepat] betul lah, tak [tidak] tepat betul. Dia picit, tom (bunyi tembakan), situ nak [mahu] A, A kena, kan. Apa kita nak [mahu] heran [hairan]? Ha [ya] jadi, pada saya lah, kalau ASEAN lah kan, *standard* [sama] lah.

Muhammad Khalid: Ya.

Abdul Malik Hashim: *Standard* [sama] lah. Pasal kita semua beli, kapal terbang beli, helikopter beli, senjata beli, peluru beli, --- buruk pun kita beli, kan.

Muhammad Khalid: (Ketawa) hehehe.

Abdul Malik Hashim: Apa benda yang kita ada, kan? --- kita boleh *repair* [baiki] lah, (sambil ketawa) hahaha. Pada saya, mintak [minta] maaf nak cakap lah, bukan kita nak [mahu] teruk kan.

Muhammad Khalid: Yelah.

Abdul Malik Hashim: Kita ni [ini], kita, kita pandang kan. Tapi dalam keadaan aman ni [ini], Alhamdulillah lah, kan. Pada saya senang, itu je [sahaja]. Kita kena fikir, yang dulu-dulu, yelah [yalah], --- dari segi dulu memang susah lah kan, kita zaman dulu, rasa susah zaman dulu. Rasa senang orang sekarang dia tak [tidak] tau [tahu] macam mana susah orang dulu, kan.

Mohamad Amirul Syah: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim : Tu [itu] je [sahaja]. Beza takde [tidak ada] beza, memang jauh beza lah, kalau negara besar, dia nak [mahu] lawan dengan kita, memang beza. Jauh panggang dari api lah.

Muhammad Khalid: (Ketawa) hahaha.

Abdul Malik Hashim: Senang cakap lah kan. Beza dia kan. Contoh dia bagi beli, beli emas kan. Bagi kita beli emas dengan dia kan, kan? macam Tuan guru silat lah.

Mohamad Amirul Syah: Uh-huh [ya].

Abdul Malik Hashim: Dia takkan [tidak akan] bagi semua, buah, butir silat pada seratus peratus [100%] anak buah, kira lawan tauke [guru] lah kan, mesti ada tinggal 1 2 buah kan, *backup* [sokongan], supaya engkau [kau] tak [tidak] boleh nak lawan dia, guru pukul kau balik, mesti kau lawan kan. Macam tu [itu] jugak [juga], kita beli kapal terbang, ada *remote* [alat kawalan jauh] yang canggih, dia tak [tidak] bagi kita, dia bagi yang nombor 2 canggih, kan. Pulas kiri, picit tak [tidak], pulas ke kanan, itu yang hilang MH370 kan (sambil ketawa) hahaha.

Muhammad Khalid: (Ketawa) hahaha.

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa) hahaha.

Abdul Malik Hashim: --- tu [itu] yang jadi masalah.

Muhammad Khalid: Betul, betul.

Abdul Malik Hashim: (Ketawa) hahaha. Itu kita, kita nak [mahu] ambik [ambil] kira lah kan. Nak [hendak] kata, --- apa tu [itu], kita punya radar sampai dekat, dekat Padang Besar, pastu Siam dah tak [tidak] boleh jumpa dah. Tu [itu], apa nama tu [itu], kan. Ada tu [itu] kata, kapal terbang tu [itu] patah balik. Macam mana cerita, kita pun tak [tidak] tau [tahu] kan. Ha [ya] itu kata, kapal terbang --- patah bila kesan dia pergi ke mana? (sambil berfikir) Itu yang saya, zaman saya dulu tahun 70-an, pergi Sarawak naik *Heli* [helikopter] Mat Salleh punya. Pergi tengok depan, *pilot* [juruterbang] pun takda [tiada]. Dia baca surat khabar. (mengeluh) huh.

Mohamad Amirul Syah: Pada pendapat encik Malik, sekarang memang dah [sudah] macam zaman teknologi kan? Ermm... adakah, (sambil berfikir) kah dengan kemajuan teknologi ni [ini] membuatkan tentera negara kita ni [ini] lebih bagus ataupun sebaliknya?

Abdul Malik Hashim: Kita lebih bagus lah, sungguh bagus. Makna kita, kita mengikut peredaran zaman kan? Peredaran masa kan? Takkan lah kita zaman sains bagus, kita turun, tak [tidak] bagus ke, dah [sudah] bukan kita lah kan? Patutnya, tak [tidak] bagus jadi bagus lah kan? Kalau jadi tak [bagus] tu [itu] dah [sudah] jadi cerita lain kan? Memang bagus lah, sekarang kita punya peralatan dah [sudah] canggih semua kan? Telefon dah [sudah] canggih, kereta pun dah [sudah] canggih.

Muhammad Khalid: Ermm... jadi, semasa encik Malik berkhidmat dalam beberapa tahun dalam bidang ketenteraan, aaa... adakah ada orang yang mungkin dari negara lain untuk supervise [memantau] ataupun dilantik ketua, ketua dalam platun untuk melihat... aaa... "*performance*" dalam Bahasa Melayu apa? (sambil bertanya maksud kepada rakan), prestasi tentera pada zaman encik ketika itu?

Abdul Malik Hashim: Sekarang ini, biasanya memang ada perisikan lah kan? Untuk tengok kekuatan kita, kemahiran kita banyak mana kan? Biasanya memang rahsia lah kan? Kita datang, dia datang, contoh dia kata dia daripada Sabah, datang sampai ke latihan --- Apa buat dia datang sekarang ni [ini]? Memang kita, biasanya perisikan ni [ini] penting lah kan? Jadi, memang diaorang [mereka] risik, saya tak [tidak] nafikan, memang diaorang [mereka] risik, kita tau [tahu] apa taktik kita, apa yang kita ada, kat [dekat] mana kita, dia tahu. Tak [tidak] boleh lari, dia tahu. Cuma kita tak [tidak] tahu dia, dia tahu kita. Senang cakaplah. Dia tahu. Dia nak [mahu] buat atau tak [tidak] nak [mahu] buat, itu je [sahaja] kan? Kita dalam keadaan macam itu kita kena hati-hati lah, kan? Kita tak [tidak] boleh, orang kata...buat suka hati kita, dalam keadaan aman kita buat macam diaorang [mereka] --- kita mesti ingat, diaorang [mereka] ni [ini] pandai, saya tak [tidak] hairan lah, betul, benda-benda macam tu [itu], saya tak [tidak] hairan. Ok? Ok kita sekarang ini dalam keadaan, suasana...

Muhammad Khalid: Aman...

Abdul Malik Hashim: Politik kita, dengan keadaan aman kita, kita kena ingat zaman anak cucu apa. Masa itu dah [sudah] dah [sudah] takda [tiada] orang tergelak, matahari tu [itu] bila dah [sudah] condong lah kan? Takda [tiada] benda yang tertinggal dari masa saya kecik-kecik [kecil-kecil] dulu, saya tak [tidak] tahu macam nanti kan? Kita bimbang yang tu [itu] jelah, itu yang kita rasa takut, takut juga saya kan?

Mohamad Amirul Syah: Yelah, fikir macam, keselamatan semua, masa depan...

Abdul Malik Hashim: Dengan negara kita, kita buat macam-macam kan? Nak [hendak] jadi macam sekarang bukannya senang.

Muhammad Khalid: Jadi, ermm...dari segi pandangan encik lah, yang mungkin encik dah [sudah] berpengalaman dari zaman dahulu dalam bidang ketenteraan, daripada sebelum masuk dalam bidang ketenteraan. Jadi...jadi, apa pandangan encik lah untuk menghalang, atau apa untuk, err...membendung daripada masalah seperti ini ataupun mungkin sebagai satu persediaan untuk menghadapi situasi yang mungkin...

Abdul Malik Hashim: Kalau saya untuk saya, saya berserah kepada pemimpin je [sahaja]. Tu je [itu sahaja]. Saya rasa pemimpin yang penting, kita pun sokong dia kan? Dia yang akan meneraju kita ke arah kemana kan? Kalau dia turun gaung, turun gaung lah, kalau dia terjun bangunan, kita terjun bangunan lah. Dialah orang yang penting, dialah yang teraju, kita tak [tidak] boleh berbuat apa-apa, kan? Kita cuma boleh jaga hak kita sebagai orang Melayu. Tapi, bak kata Mahathir, orang Melayu mudah lupa dan suatu hari tu [itu] kita lupa. Kita lupa yang 4 tahun lebih, kita, kita ingat yang harini [hari ini]. Lepas itu, kita dah [sudah] tak [tidak] ingat yang tu [itu] langsung. Itu je [sahaja] lah, benda, pemimpin je [sahaja] lah, menguruskan, uruskan keadaan semasa. Saya itu je [sahaja], kalau kita cakap lebih-lebih pun tak [tidak] guna kan? Cerita kat [dekat] kedai kopi lah, macam citer-citer [cerita-cerita] kat [dekat] kedai kopi je [sahaja]. --- semacam je [sahaja] kan? Lantak kau lah...(sambil berfikir)

ambil, BR1M, BR1M, mana anak saya...semua saya tak [tidak] bagi, buat apa nak [mahu] ambil duit orang. Bagi lah berapa ribu pun. Sebab tu [itu] bukan hak kita, kan? Tak [tidak] sepatutnya kita ambil kan? Orang yang patut ambil pun kadang-kadang tak [tidak] dapat. Yang kita ni [ini] boleh hidup, boleh makan ambil orang yang tak [tidak] makan...saya tak [tidak] suruh pun anak-anak saya ambil, melainkan gaji kau berapa? RM400?

Muhammad Khalid: Jadi, ermm...apakah nasihat encik Malik sendiri sebagai individu kepada orang lain yang mungkin diaorang [mereka] mempelajari lah dari segi pengalaman encik?

Abdul Malik Hashim: Pada sayalah, pemuda...yang berkarya, yang berpelajaran boleh cuba masuk ketenteraan lah (cicak berdecak), hurm, cicak pun setuju dengan saya...

Muhammad Khalid & Mohamad Amirul Syah: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Tentera ni [ini] pilihan terakhir lah, kalau dah [sudah] takda [tiada] kerja bila tak [tidak] tahu nak [hendak] buat apa. Banyak budak SPM baru minta kerja taknak [tidak mahu] masuk tentera? Humph, banyak budak SPM nya 17, 18 tahun masuk jadi pemandu, jadi jaga [penjaga keselamatan]. Apa salah dia masuk tentera? Keputusan SPM nak [mahu] U [universiti] tak [tidak] lepas. SPM. Kenapa tak [tidak] masuk tentera? Gaji besar. Jadi kita kena banyak, pada sayalah, tak [tidak] kisah lah generasi muda ke, atau generasi tua dapat nasihatkan diaorang [mereka] lah kan? Diaorang [mereka] memang takda [tiada] kejayaan lah. Sebab diaorang [mereka] tak [tidak] masuk tentera atau masuk tentera, diaorang [mereka] takda [tiada] respon. Macam mana takda [tiada]... (sambil berfikir)...semangat dia takda [tiada] lah kan?

Mohamad Amirul Syah: Haa...yelah, semangat!

Abdul Malik Hashim: Jadi, kita banyak citer [cerita] pasal benda-benda lain dalam *tv* [televisyen]. Mana ada kata? Citer [cerita]? Kena citer [cerita]... apa tu [itu], Yusuf Haslam, pasal polis. Pasal polis, tak [tidak] citer [cerita] pasal tentera kan?

Muhammad Khalid: Yang, mungkin, mungkin, Malaysia buat cerita pasal tentera mungkin, aaa... pasal Sarjan Hassan.

Abdul Malik Hashim: Sarjan Hassan kan? Bukit Gambir kan? Itulah dia.

Muhammad Khalid: Mungkin satu je [sahaja] yang ada...

Abdul Malik Hashim: Satu je [sahaja] yang ada? Itupun dia cerita dulu kan? Tapi memang cerita-cerita ganas ni [ini] tak [tidak] sepatutnya ada lah kan? Takda [tiada] nya iklan, bagi pandangan, tapi banyak juga, ada juga kerajaan kita yang kita nakkan [mahu] dalam *tv* [televisyen] mengatakan nasihat minta pandangan pada orang-orang lama berkenaan tentera, perjuangan. Tapi kalau di sebalik, apa tu [itu]...*Half and Mind* [badan kebajikan], kebajikan tu [itu]. Jauh lah tapi jauh sangat. Saya rasa sedih juga lah kan? Banyak kawan-kawan saya potong kaki apa semua, sikit je [sahaja] dia bagi, masa itu hari, dia [rakan encik Malik] berkerusi roda nasib baik pandai cari makan sendiri, ada pencen, kalau takda [tiada] pencen? Sangat sedih, tahu? Tapi kita tak [tidak] boleh nak [hendak] cakap apa kan?

Muhammad Khalid: Jadi, — apa, ermm...mengikut encik lah. Ermm...tentang yang mungkin seperti encik cakap, macam budak muda zaman sekarang ni [ini], generasi kami lah, yang mungkin, ermm...mungkin lebih teruk ke apa, jadi apa nasihat encik yang mungkin ermm...menyampaikan, menyampaikan kepada kami untuk terus berubah atau menjadi lebih bagus, ataupun kata-kata semangat lah, yang mungkin kami akan...

Abdul Malik Hashim: Pada saya lah, kan? Pada zaman saya zaman sudah berlalu, ok? Zaman muda ni [ini] macam cara dari segi kelayakan lah kan? Datang-datang diaorang [mereka] terus rasa susah, aaa...bagi nasihat lah pada kawan-kawan, untuk *join* [sertai] tentera kan? Untuk pertahankan negara lah, masuk dan jaga untuk kita kan? Apa tu [itu] kata...bidang-bidang lain tu [itu] dia dah [sudah] tentu lah, takkan lah bagi pensyarah masuk dalam bidang tentera, contoh, kan? Takkan mungkin dia layak pergi masuk tentera, setidak-tidaknya macam anak buah dia ke apa ke, dia nasihatkan masuk tentera, masuk tentera lah! Kan? Ada baiknya macam-macam ni [ini], aku tau [tahu] masuk tentera ni [ini] bagus, gaji bagus, sekarang gaji bukan kurang sangat, contoh lah kan? Kalau masuk tentera, apa yang kau rasa? Teruk? Kalau kau takda [tiada] *exercise* [senaman] tentera ada *exercise* [senaman], gaji ok, *exercise* [senaman] ada kan? Kelebihan, istimewa, tentu ada, bengkel ada, kan? Dia still [masih] baik, kan? Contoh kan? Tapi kenapa taknak [tidak mahu] contohnya kan? Pergi kerja kilang kebanyakannya kita ni [ini]? Senang cakap lah, orang kita ni [ini] lebih kurang macam bangla lah, bangla datang Malaysia. Dia taknak [tidak] kerja kebun. Dia nak [mahu] *long-sleeve* [lengan panjang] pakai duduk kerja kilang perempuan sebelah-sebelah campur. Yang tu [itu] dia. Aaa...lebih kurang, zaman sekarang, macam bangla lah sekarang. Bangla kalau dapat masuk kerja kilang, ooh...suka hati dia, dengan *smart* [kemas], dengan *tie* [tali leher], dengan kot, seluar bukan main tinggi lagi, kasut macam perahu...(ketawa)

Muhammad Khalid & Mohamad Amirul Syah: (Ketawa bersama)

Abdul Malik Hashim: (Ketawa) Tak [tidak], betul! Kita tengok je [sahaja] bangla kan? Myanmar, semua nak [mahu] kerja kilang. Takda [tiada] kerja...masuk, masuk potong kelapa sawit ni [ini] haa, Lombok dengan Indonesia je [sahaja] kan? Jadi, kita jadi petani. Sekarang ni [ini], saya pun dah [sudah] risau dah [sudah], sawit siapa nak [mahu] potong. Betul. Yang balik taknak [tidak mahu] datang pasal kat [dekat] sana ada banyak sawit, ada banyak getah, kat [dekat] Indonesia. Kalau dia tak [tidak] datang sini, jawabnya, tebang sawit, kita menanam padi lah kali ini. Betul. Sawit berat cerita dia. Tengok lah keadaan

macam mana? Itulah, nasihat saya supaya dapat lah generasi baru, generasi muda ni [ini] berkecimpung dalam tentera lah, polis kan? memang selalu begitu kan? Tapi saya tak [tidak] boleh cakap anak-anak saya semua kerja sendiri kan? (ketawa)...

Muhammad Khalid & Mohamad Amirul Syah: (Ketawa bersama)

Abdul Malik Hashim: Semua yang kerja bank, guru, jurutera, yang mana public image [imej awam], yang ada kwsp...takkan kita nak [mahu] suruh diaorang [mereka] masuk tentera, kan? Dah [sudah] belajar bertahun-tahun, dah [sudah] 30 tahun takkan tak [tidak] kahwin, kan? Kena fikir jugalah, kerjaya dia.

Muhammad Khalid: Jadi, kalau macam, bagi seorang individu lah, kalau walaupun dia ada ermm... *master, PhD*. [kedoktoran], diploma, atau *degree* [ijazah] tapi dia berminat untuk masuk dalam bidang ketenteraan. Kalau ikut pandangan encik lah...

Abdul Malik Hashim: Bagus, kalau macam tu [itu] bagus lah, lagi bagus. Tentera ni [ini] tengok dalam bidang tau [tahu]. Dia kalau kita dia tak [tidak] mesti kau sebagai ada *PhD*. dia tak [tidak] duduk sebagai, sebagai apa? Sebagai kapten itu semua, mungkin dia ada tempat yang layak buat dia kan? (bunyi hembusan nafas) Saya setuju kalau kata dia minat tentera lah kan? --- Kalau misalan, *papa* [bapa] aku banyak duit, dia jadi doktor kepakaran dalam bidang ketenteraan. Ok! Takda [tiada] masalah, saya setuju, saya setuju sangat. Tapi, anak-anak saya takda [tiada] pula cakap dia nak [mahu] masuk tentera (ketawa)...

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Rina, yang kecil [kecil] sekali dalam keluarga di UNITEN kan? 4 tahun di UNITEN. Jadi, jadi cashier [juruwang], jadi jaga akauntan, akauntan kan? Jadi akauntan sebab dia belajar banking, yang lagi satu tu [itu], macam nilah [inilah], dia jurutera. Anak saya yang perempuan tu [itu], dia

ermm... (sambil berfikir) audit kan? Susah lah bila nak [mahu] cakapkan? Tapi, dia, masa sekolah dia join [sertai] ni [ini], apa tu [apakah itu]? Kadet, kadet, kadet...

Mohamad Amirul Syah: Kadet remaja?

Abdul Malik Hashim: Kadet remaja, kadet sekolah semua. Bomba pun ada. Memang kita ingat, ahh, budak ni [ini] nak [mahu] jadi askar ni [ini], tak [tidak] jadi dia. Tu je [itu sahaja] Pasal itu aktiviti sekolah kan? Sebab dia kokurikulum, kan? Wajib, kan? Tapi anak saya sorang [seorang] pun tak [tidak] kena pergi tu [itu]...aaa...(berfikir)

Muhammad Khalid: PLKN?

Abdul Malik Hashim: PLKN. Takda [tiada] sorang [seorang] yang kena. Apa sebab ea? Diaorang [mereka] kata, ada nasib-nasib tak [tidak] kena, ada yang kena, ada yang tak [tidak] kena. Tapi saya tengok anak saya sorang [seorang] pun tak [tidak] kena.

Muhammad Khalid: Saya pun tak [tidak] kena lah, haha, saya dan adik saya

Abdul Malik Hashim: Taktau [tidak tahu] lah kalau anak saya semua aktif sukan, taktau [tidak tahu] lah...(ketawa sinis)

Muhammad Khalid & Mohamad Amirul Syah: (ketawa bersama)

Abdul Malik Hashim: Tak [tidak] mungkin lah kan?

Mohamad Amirul Syah: Ada kut, sebab dia...

Abdul Malik Hashim: Ataupun mungkin, tak [tidak] tahulah, sorang [seorang] pun tak [tidak] kena. Hairan.

Muhammad Khalid: *Random* [rambang] kut. Jadi, ermm...ermm nasib baik encik timbul lah pasal PLKN. Ermm bagi encik, apakah, adakah PLKN tu [itu] macam persediaan aaa...untuk budak-budak generasi muda lah, aaa...untuk menerima bahawa sebenarnya tentera ni [ini] seronok jika anda berminat?

Abdul Malik Hashim: Ok. Tak [tidak], satu, satu lagi rasa bagus dan saya suka dia buat sebagai satu dorongan. Yang mendorong budak-budak yang baru lepas SPM tu [itu]. Kalau dia tak [tidak] mampu pergi ke universiti, ataupun universiti secara bayaran swasta, dia minat. Itu kira bagus lah. Tapi pilih salah satu kan? Yang kedua, melatih diaorang menjadi lebih disiplin kan? Disiplin itu penting. Jadi, kalau dia lepas tu [itu], dia boleh agak, dia boleh bezakan bila dia sebelum tu [itu] dan dia selepas latihan selama satu, 2 bulan kan?

Muhammad Khalid: 3 bulan.

Abdul Malik Hashim: Saya rasa cukuplah untuk melatih mendisiplinkan diri --- Yang kedua mendorong bagi dia kalau berminat masuk tentera lah, dia buat macam seronok kan? Itu salah satu lah. Itu yang masuk cina, melayu banyak mana satu kena -- datang ke PLKN kan? Dia masuk latihan kan? Yang India, cina ada kan?

Muhammad Khalid: Jadi, ermm...bila bercerita pasal PLKN lah, ermm...dikatakan, setengah orang, bagi setengah pihak lah, ermm...kadang-kadang bila terlibat dengan PLKN, adalah satu aktiviti ataupun satu...ermm...majlis yang mungkin membuang masa disebabkan aaa...iyalah, yang mereka terima tidak sepatut, tidak sewajarnya...

Abdul Malik Hashim: Tidak setimpal lah..

Muhammad Khalid: Tidak setimpal lah dengan, dengan latihan mereka untuk 3 bulan, sedangkan bila bekerja secara biasa walaupun gaji serendah RM900 sebulan, tapi lagi berbaloi jika berterusan selama 3 bulan...

Abdul Malik Hashim: Dia PLKN ada, ada...elaun eh?

Muhammad Khalid: Elaun...

Abdul Malik Hashim: Elaun? Berapa dia bagi?

Muhammad Khalid: Tiga, RM300, 3 bulan...

Abdul Malik Hashim: Bagi sayalah, bagi sayalah kan? Pasal elaun tu [itu], nak [hendak] ambil kira kan? Saya kata janganlah kan? Apa, dengan kita hantar anak kita --- saya, jati diri kan?

Mohamad Amirul Syah: Betul tu [itu] encik Malik...

Abdul Malik Hashim: Macam mana suasana mendisiplinkan diri dia kan? Dan yang kedua, supaya menjadi lebih semangat jika tak [tidak] dapat melanjutkan pelajaran, dia boleh masuk tentera, tentera dapat mendisiplinkan adik-beradik dia, keluarga dia lah (berdehem). Jadi, ada bagus nya lah.

Muhammad Khalid: Dia memang, bagi encik lagi bagus lah elaun RM300?

Abdul Malik Hashim: Biasa kita jangan ambil kira elaun tu [itu] lah, penting disiplin, pelajaran yang kita nak [mahu] terima...

Mohamad Amirul Syah: Lebih berharga lah...

Abdul Malik Hashim: Lebih berharga bagi saya tapi kerajaan boleh bagi lebih lagi bagus, kan? Aaa... sebab kerajaan bagi, kalau kerajaan nak [hendak] bagi lebih buat apa nak [hendak] beri kat [dekat] budak-budak kan? Baik bagi dia sendiri. Itu lain lah kan? Hahaha...

Muhammad Khalid: Ermm... jadi, ikut pandangan encik tadi, aaa... di negara Malaysia, untuk latihan bagi generasi muda adalah PLKN. Tapi, bagi untuk *Singapore* [Singapura] dan negara-negara lain, dia sebagai... apa? Satu seperti

apa tu [itu] yang betul... latihan tentera juga tapi dia sebagai, sebagai satu kewajipan bagi negara mereka...

Abdul Malik Hashim: Di Thailand, lepas sekolah SPM ataupun lepasan, dia wajirkan kena masuk tentera.

Mohamad Amirul Syah: Korea...

AMH: Haa... Korea

Muhammad Khalid: Dengan *Singapore* [Singapura]...

Abdul Malik Hashim: Thailand, cuba kita tengok Thailand. Dia ada pengambilan tentera lepas sekolah ni [ini] kan? Dia akan cabut undi, ada merah, ada kuning. Bila kena merah, dia golek-golek pasal dia kena masuk, haha (ketawa)

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa dengan riangnya)

Abdul Malik Hashim: Dia tak [tidak] boleh buat apa-apa. Wajib kena. Dia adalah macam, macam cabutan bertuah lah, tapi yang banyak memang kena masuk lah, haha (ketawa)

Muhammad Khalid: (Ketawa)

Abdul Malik Hashim: Yang tak [tidak] masuk sikit aja [sahaja], da cabut, bergolek-golek taknak [tidak mahu]. Yang tak [tidak] dapat tu [itu] yang nak [mahu], tak [tidak] dapat pun ada. Haa... kan? Yang taknak [tidak mahu] tu [itu] yang dapat. Kat [dekat] Thailand ada, haa... Thailand memang ada.

Muhammad Khalid: Kalau macam, tak [tidak] silap, macam rakan saya sebut, di negara Korea, mereka untuk setengah umur, tidak boleh lari, ketika, walaupun mereka minta tempoh penangguhan. Tapi selepas...

Abdul Malik Hashim: Kalau saya, saya setuju sangatlah...

Muhammad Khalid: Aaa...jadi...

Abdul Malik Hashim: Saya setuju...

Muhammad Khalid: Adakah kerajaan sendiri...

Abdul Malik Hashim: Pasal apa saya setuju, kan? Biar, biar dia rasa susah kan? Jangan dia rasa orang yang dulu nak [hendak] merdekakan negara dengan keadaan susah, dia senang-senang. Jadi dia kata mempertahankan negara yang macam mana? Jika dia dapat me-seimbangkan suasana dulu dan sekarang kan? Daripada dulu sampai sekarang. Maknanya orang tak [tidak] boleh pertikai lah. Betul, saya setuju. Saya setuju sangat.

Muhammad Khalid: Itu yang saya dapat informasi daripada...

Abdul Malik Hashim: Masalahnya mungkin kalau nak [kena] pun, mungkin cucu saya kena lah, anak saya pun tak [tidak] kena, haha (ketawa). Saya pun dah [sudah] takda [tiada] agaknya kan?

Muhammad Khalid: InshaAllah lah encik panjang umur...

Abdul Malik Hashim: Contoh lah sorang [seorang], dia anak saya, dia ada *PhD*. umur 30, kalau kata nak [mahu] masuk 3 tahun, umur dah [sudah] 33, kan? Masih nak [mahu] masuk tentera lagi, dia dah [sudah] belajar tinggi kan? Contoh lah kan? Sampai ke tua dia tak [tidak] kahwin, haha (ketawa).

Mohamad Amirul Syah: (Ketawa dengan riangnya)

Abdul Malik Hashim: Di situ ada keburukan dia lah, kan? Kebaikan dia, kalau kata, yang paling senang, lepas dia SPM lah. Ataupun dia baru ambil diploma apa, semua tu [itu] kan? Kalau nak [hendak] pergi *Master* ke, *PhD*. ke, pergi lah.

Dah [sudah] sampai yang tertinggi kan? Ah, masa untuk berkeluarga pula kan? Dan satu lagi, saya setuju yang, yang belum berumah tangga. --- biar dia rasa, generasi baru dan generasi lama biar seimbang. Orang dulu nak [hendak] telefon macam ni [ini], dia tak [tidak] dapat --- *at least* [sekurangnyanya] dia tahu, ada tentera. Paling kurang kan? Pada pandangan saya lah.

Muhammad Khalid: Ermm... ini diri sendiri saya taulah [tahulah], saya pun tinggal di Johor, Skudai di situ terdapat universiti yang dipanggil Universiti Teknologi Malaysia, yang mungkin ermm... di bawah keluarga kerabat diraja Johor sendiri, Sultan Johor, ermm... mereka, ermm... membuat latihan, membenarkan tentera-tentera untuk ermm... melanjutkan pelajaran sambil meneruskan latihan tentera mereka. Jadi, apakah, pandangan encik lah, sebab mereka seperti ermm... kiranya mereka ambil ermm... ermm... melanjutkan pelajaran tu [itu] sebagai *part-time* [sampingan], mungkin (berdehem) mereka, apabila terdapat masa yang terluang, mereka akan meneruskan pelajaran. Jika ada operasi ataupun latihan, mereka akan pergi ke latihan tersebut lah. Ramai yang, yang di, bekerja di, sebagai staf di universiti tersebut yang dinamakan, apa? Nama-nama timangan seperti kapten contohnya disebabkan mereka sendiri pernah diterapkan masuk ke dalam latihan tersebut. Jadi, ataupun memang ada sendiri, ataupun Angkatan Tentera Malaysia sendiri pernah belajar kat [dekat] situ lah. Jadi, apakah pandangan encik tentang universiti buat macam tu [itu]?

Abdul Malik Hashim: Pada pandangan saya lah, saya setuju sangatlah. Saya setuju sebab pernah bekas-bekas penghulu, CEO, pegawai-pegawai awam ni [ini] kan? Dimasukkan 6 bulan ke atau 3 bulan dalam tentera, diwajibkan untuk masuk, kan? Tapi kalau macam tu, dia macam buat *part-time* [sampingan] ke apa? Saya tak [tidak] paham di situ.

Muhammad Khalid: Tak [tidak], dia macam seperti *part-time* [sampingan] kiranya jika diberikan masa yang terluang lah, kiranya boleh aaa...boleh...

Abdul Malik Hashim: Dia staf, staf kan? Staf?

Muhammad Khalid: Dia lebih kepada memang anggota tentera tetapi dia, dibenarkan untuk ambil, sambil...

Abdul Malik Hashim: Sambil belajar...?

Muhammad Khalid: Sambil belajar.

Abdul Malik Hashim: Eh, tu [itu] lagi bagus.

Muhammad Khalid: Jadi, apakah pandangan encik?

Abdul Malik Hashim: --- Untuk kerjaya dia kan? Bagi saya lah. Kalau sebagai kapten, ataupun mejar, bila, pada masa dia belajar, ambil bidang lain, contoh lah kan? Untuk, itu untuk kerjaya dia. Kalau untuk tentera, dia dapat naik pangkat lah.

Muhammad Khalid: Jadi, apa pandangan encik?

Abdul Malik Hashim: Saya, saya terus terang. Saya setuju lah.

Muhammad Khalid: Ini kalau universiti-universiti lain mengikut cara ini mungkin...

Abdul Malik Hashim: (Diam sejenak sambil berfikir) Bagus, pasal apa, pertama sekali, yelah, kadang-kadang kita dari *background* [latar belakang] orang kaya-kaya lah kan? Dulu kapten kan? Macam contohnya anak saya, dia ada ijazah. Contohnya kata, kau kapten, sekarang kau jadi jeneral. Amacam? Bila berkerjaya tu [itu], dia berpandu kepada kelulusan apa yang kita ada kan? --- Saya pun setuju lah, cara macam ni [ini].

Muhammad Khalid: Jadi (berdehem) ermm... memang, kiranya, memang bidang ketenteraan sendiri tidak menghalang mana-mana individu dalam tentera...

Abdul Malik Hashim: Tapi kalau, kalau, kalau mengikutkan, kalau mengikutkan kerja, apa yang dalam tentera, dia tak [tidak] boleh, tak [tidak] boleh...

Muhammad Khalid: *Double* [menduakan]?

Abdul Malik Hashim: Haa...*double* [menduakan], *double* [menduakan] itu lah. Dia tak [tidak] boleh. Selama mana, dia kalau kata dia ambil tak [tidak], contoh dia tak [tidak] berkerjaya dua, dia pergi, ok. Kalau dia berkerja, dia tak [tidak] boleh lah, dia tak [tidak] boleh pergi.

Muhammad Khalid: Ah, yalah. Seperti saya cakap sebab mereka pun macam seperti bila...

Abdul Malik Hashim: Kalau dia macam dia nak [hendak] ambil kelulusan bila dia break [berehat atau cuti], contoh lah, ataupun dia bercuti, dia boleh. Pasal kita takda [tiada] cuti tambah gaji. Dia tak [tidak] sebut, kan? Kalau dia bercuti sebulan, dia pergi sambung belajar contoh kan? Dia boleh. Itu takda [tiada] masalah. Contoh kalau cuti hari minggu, hari dia cuti pendek, dia pergi belajar, apa tu [itu]...kerja sambil belajar, contoh kan? Contoh kan? Dia gi [pergi] belajar, out-campus [luar kampus] dipanggil kan? Tu [itu] takda [tiada] masalah lah. Tu [itu] boleh. Jadi, dia tak [tidak] ganggu kerjaya dia, kan? Dan dia ambil bahagian apa kan? Macam anak saudara, dia masuk dalam logistik kan? Dia mungkin belajar dalam bahagian logistik, aku pindah masuk logistik. Haa...cepat meningkat dia. Haa...itu memang ada. Kalau kata, dia bekerja, sana pun bekerja. Tu [itu] tak [tidak] boleh, itu tak [tidak] benar. Zaman saya lah, tak [tidak] tahu sekarang, dilonggarkan.

Muhammad Khalid & Mohamad Amirul Syah: (Diam sejenak sambil berfikir)

Muhammad Khalid: Jadi macam encik sendiri lah kan? Yang mungkin dah [sudah] menceburi dalam bidang logistik dalam 6 tahun. Jadi, ermm...encik rasa, adakah encik pernah melawat, ataupun mengimbau semula lah, ermm... melawat tempat-tempat yang mungkin sebahagian daripada kawasan tentera... ermm...

Mohamad Amirul Syah: Tempat kerja?

Muhammad Khalid: Haa...tempat kerja, tentera yang, (sambil bertanya kepada Amirul) ermm...adakah encik sendiri pernah melihat, ermm...melihat secara yang mungkin seseorang berada di pangkat, pangkat Tuan, pangkat encik, dan sebagai dalam bidang logistik. Adakah sistem mereka lebih bagus ataupun sama sahaja macam yang dulu?

Abdul Malik Hashim: Saya rasa kalau, kalau ikut sistem sama je [sahaja]. Kalau kata zaman saya, dulu agak, maksudnya sama tak [tidak] sama, maksudnya sama, cara pengedaran sama. Perundangan sama. Jadi masa saya tu [itu], angkut barang susah sikit tapi kita ada, kawan-kawan di unit sendiri, kita boleh buat. Pinjam-pinjam tau [tahu]. Haa...kita pinjam dari unit artileri ke, dari unit --- Yang kita boleh bertukar-tukar untuk keperluan yang kita nak [hendak] pakai lah. Tapi kita pulang balik lah. Tapi sekarang ni [ini] saya tak [tidak] pasti lah. Rasanya takda [tiada] masalah lah sekarang, kan? Ekonomi pun sudah bagus kan?

Mohamad Amirul Syah: Lagi senang...

Abdul Malik Hashim: Zaman saya nak [hendak] angkut barang tu [itu] susah sikit lah. Ada lah perbezaan dia sekarang...

Muhammad Khalid: Jadi encik takda [tiada] lah, melawat tempat-tempat...

Abdul Malik Hashim: Saya kalau melawat, biasanya --- sahaja, lepas tu [itu], kalau melawat, kita pergi, macam kilang peluru. Kita pergilah. Kalau macam bahagian logistik rasanya, macam kat [dekat] depoh-depoh [stor simpanan tentera] yang kita pergi tu [itu], sama je [sahaja]. Semua dia supply [bekalan] daripada barang luar. Macam makanan daripada luar. Dia terus hantar kat [dekat] depoh [stor simpanan tentera] tu [itu], kan? Barang kita tyre [tayar] kita takda [tiada]...kita terus beli luar kalau barang macam tu [itu]. Kalau supplier [pembekal] takda [tiada], terus beli luar. And then [dan kemudian] kita, cari supplier [pembekal] tak [tidak] sepenuhnya, saya dahulu lah, sekarang taktahu [tidak tahu] macam mana, saya tak [tidak] pasti. Tapi saya tak [tidak] boleh cakaplah kan?

Mohamad Amirul Syah: Haa...boleh.

Abdul Malik Hashim: Masa saya serba kekurangan lah, ada perbezaan dengan sekarang. Kalau zaman saya dulu kalau barang takda [tiada] kena *demand* [meminta] luar. Contohnya lah kan? Barang 3/1, ambil harga yang terendah baru kita boleh dapat barang. Tapi kena dapatkan kebenaran dari pihak atasan. Kita tak [tidak] boleh suka-suka. Tapi memang agak sulit lah. Kalau dulu, barang senang, mungkin ada sambung lagi kerja sebab barang mudah kan? Pasal tu [itu] saya cepat-cepat berhenti lah sebab kita tak [tidak] nak [mahu] benda tu [itu], bukan kita takut tentang kerja, kita takut kita tunggu situ, pangkat kita boleh tinggi lagi. Tapi, beban tu [itu] lagi berat, kan? Itu sebabnya saya *resign* [letak jawatan] awal-awal.

Mohamad Amirul Syah: Kiranya kalau macam ermm...encik Malik kan bertugas dalam bahagian logistik kan? Kira kalau bahan itu sampai, encik Malik, orang yang *first* [pertama], *check* [memeriksa] barang-barang tu [itu] ke?

Abdul Malik Hashim: Saya ada stor --- kita, bawah saya ada 30 orang. Saya ada kelas mejar, sarjan mejar, saya sorang [seorang], ada kawan saya. Bawah sarjan, koperal, lans koperal ada budak-budak store tu [itu] lah. Diaorang [mereka] yang sepatutnya *check* [memeriksa] satu-satu barang tu [itu]. Kita terima barang [itu] memang, ada lah. Bila kita masuk memang ada lah. Diaorang [mereka] bila da *check* [memeriksa] baru kita *sign* [tandatangan] lah kalau benda tu [itu] cukup. Saya tak [tidak] *check* [memeriksa], barang-barang yang banyak kan? Kerja, kerja diaorang [mereka] kan? Kita takda [tiada]. Nanti, kalau kita buat macam tu [itu], macam kita tak [tidak] percaya kat [dekat] dia kan? Yelah, *check* [memeriksa] boleh lah. Macam benda-benda berharga, baru kita betul-betul *check* [memeriksa] lah. Kalau benda-benda kecil-kecil [kecil-kecil] tu [itu], saya tak [tidak] *check* [memeriksa] lah. ---

Muhammad Khalid: Jadi, ermm...mungkin di sinilah ermm...kami akhirnya sesi menemu bual encik Malik sendiri atau dengan nama penuh, Encik Abdul Malik bin Hashim, dan kami ingin memohon maaf lah kalau jika mengambil masa yang

terlampau lama ataupun mengganggu encik berehat. Jadi, ermm...demikian tadilah wawancara kami mengenai pengalaman Encik Abdul Malik bin Hashim, seorang tentera, bekas dalam bidang ketenteraan pada zaman dahulu. Jadi, saya bagi pihak dekan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM cawangan Johor, Segamat mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Encik Abdul Malik bin Hashim lagi sekali, dalam memberikan maklumat dan kongsikan pengalaman yang, yang encik pernah alami daripada segi bidang ketenteraan dari segi logistik dalam 6 tahun ataupun, pengalaman encik pada zaman, muda-muda dahulu. Jadi, semoga hasil rakaman kami ini memberikan aaa...manfaat kepada kami, pendengar dan penyelidik seterusnya kepada generasi yang akan datang lah, seperti mungkin cucu encik Malik sendiri ke? Mungkin ingin mendengar ermm...(sambil berfikir) apa, atuk [datuk] mereka ditemu bual, ditemu ramah. Jadi, saya sudahi rakaman ini dengan ucapan terima kasih kepada Encik Abdul Malik sendiri. Jadi, ermm...lagi sekali terima kasih lah kerana meluangkan masa.

Abdul Malik Hashim: Bagi pihak saya pula, kalau ada kesilapan sayalah, apa tu [itu], penyampaian saya mungkin tidak teratur, tidak tersusun kata-katanya. Kena minta maaf lah sebab benda tu [itu] secara spontan tadi, saya pun minta maaf lah...

Muhammad Khalid: Kami pun ingin memohon maaf lah dari pihak kami, mungkin terkasar bahasa atau kita memberi satu soalan sensitif ke...?

Abdul Malik Hashim: Kalau macam soalan sensitif itu, pasal A1 tu [itu] kalau tak [tidak], kalau pasal benda tu [itu] tak [tidak] patut saya keluarkan lah. Kalau orang tanya tu [itu], saya terjawab pasal information [maklumat] A1, patutnya benda tu [itu] tak [tidak] boleh keluar untuk pengetahuan Am. Eh, dia boleh cerita pula? --- kat [dekat] situ nanti orang tanya pula kan? Sepatutnya benda tu [itu] tak [tidak] boleh cerita, takut orang marah lah kan? Nanti kena, kena ni [ini] balik lah, pasal *information* [maklumat] A1 atau pasal politik tadi (ketawa)...

Muhammad Khalid: Hehe (ketawa perlahan), yang, yang mungkin...

Abdul Malik Hashim: Yang boleh menyinggung pihak yang lain...

Muhammad Khalid: Yang mungkin dari segi...

Abdul Malik Hashim: Aaa...yang tu [itu] kita cerita secara spontan lah, bukan kita anti-Kerajaan, tak [tidak], bukan nak [mahu] mengutuk kerajaan...

Muhammad Khalid: Mungkin, dari segi pandangan kami, yang mungkin encik aaa...encik bercerita atau menerangkan sesuatu perkata tu [itu] mungkin bukan, dari segi melawan pihak kerajaan, cuma dari segi pandangan sendiri lah...

Abdul Malik Hashim: Aaa...pandangan je [sahaja] lah kan? Kita pun rasa simpati lah kan? Kita pun rasa sudah dulu kan? Kalau jadi susah pun, kalau benda disusahkan lagi, akan menjadi susah kan? Yang kat [dekat] atas pun rasa senang je [sahaja](ketawa).

9.0

RALAT

9.0 RALAT

Keseluruhan proses temubual bersama Encik Abdul Malik Hashim berjalan dengan lancar. Pihak yang ditemubual memberi sepenuh kerjasama dan tidak lokek untuk berkongsi apa-apa pengetahuan yang dimiliki. Semakin ditanya, semakin tokoh bersemangat untuk berkongsi ilmunya. Kerjasama dari pihak lain yang turut membantu dalam mendokumentasikan sejarah lisan seperti pensyarah, Encik Zul-Azmi bin Ishak begitu berguna bagi memperbaiki mutu transkrip ini. Selain itu, perkongsian maklumat melalui Encik Razak sedikit sebanyak membantu kami untuk memilih tokoh yang sesuai dalam bidang ketenteraan. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan semasa sesi rakaman temubual dijalankan. Gangguan tersebut adalah:

- Bunyi pendingin udara
- Bunyi ketukan pen
- Bunyi daripada serangga kecil
- Bunyi selakan kertas
- Panggilan telefon semasa temubual dijalankan
- Bunyi mengalihkan perakam suara
- Beberapa sebutan tokoh yang tidak jelas

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, rakaman temubual boleh dikatakan cukup berkualiti di mana suara kedua-dua pihak, penemuramah dan orang yang ditemuramah jelas kedengaran. Segala isi maklumat yang disampaikan oleh Encik Abdul Malik Hashim dapat diteliti meskipun terdapat gangguan seperti yang disenaraikan.

10.0

SENARAI

SOALAN

TEMUBUAL

10.0 SENARAI SOALAN TEMUBUAL

SOALAN ORIENTASI

No	Soalan
1	Apakah nama penuh tuan?
2	Adakah tuan mempunyai nama panggilan atau nama manja?
3	Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang tuan?
4	Dari manakah tuan berasal?
5	Berapakah umur tuan pada tahun ini?
6	Bilakah tarikh lahir tuan?
7	Apakah bangsa tuan?
8	Apakah agama tuan?
9	Apakah pekerjaan tuan kini? (selepas bersara)
10	Berapakah bilangan adik beradik tuan?
11	Bilakah tarikh tuan mendirikan rumah tangga?
12	Siapakah nama isteri tuan?
13	Adakah tuan memiliki anak hasil perkahwinan tuan?
14	Adakah tuan memiliki cucu?
15	Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit mengenai pendidikan awal tuan?
16	Bolehkah tuan berkongsi dengan kami mengenai hobi tuan?
17	Adakah tuan pernah menyertai unit beruniform semasa di sekolah?
18	Apakah pekerjaan ayah tuan?
19	Apakah pekerjaan ibu tuan?

SOALAN UMUM KETENTERAAN

No	Soalan
1	Bolehkah tuan ceritakan mengenai sejarah tuan semasa menceburi bidang ketenteraan?
2	Apakah faktor pendorong tuan untuk menceburi bidang ketenteraan ini?
3	Bilakah tarikh tuan menceburi bidang ketenteraan ini?
4	Berapakah gaji permulaan tuan?
5	Adakah tuan mempunyai idola dalam bidang ketenteraan?
6	Bolehkah tuan ceritakan secara umum mengenai bidang ketenteraan di negara kita?
7	Apakah tugas tentera?
8	Apakah maksud lambang ATM?
9	Bolehkah tuan ceritakan mengenai bidang kerja yang tuan ceburi dulu?
10	Di manakah tempat kerja tuan?
11	Apakah pangkat tuan?
12	Apakah tugas tuan?
13	Apakah kepakaran tuan?
14	Berapa lamakah tempoh tuan terlibat dalam bidang itu?
15	Adakah tuan pernah terlibat dengan bidang lain?
16	Adakah tuan memerlukan lesen untuk mengendalikan senjata?
17	Berapa lama masa tuan ambil untuk mendapatkan lesen tersebut?
18	Bolehkan tuan ceritakan mengenai kenderaan yang pernah tuan kendalikan?
19	Apakah jenis kenderaan yang tuan kendalikan?
20	Adakah tuan memerlukan lesen istimewa untuk kenderaan tersebut?
21	Apakah kegunaan kenderaan itu?
22	Berapa lamakah tuan mengendalikan kenderaan tersebut?
23	Adakah tuan pernah terlibat dalam peperangan?
24	Adakah tuan pernah melibatkan diri dalam misi ketenteraan?
25	Adakah tuan pernah dihantar ke luar Negara?
26	Adakah tuan pernah mengamankan huru-hara di dalam Negara?

SOALAN KHUSUS KETENTERAAN

No	Soalan
1	Bolehkah tuan ceritakan mengenai pengalaman yang tuan sukar untuk lupakan sepanjang menjadi anggota tentera?
2	Apakah pengalaman manis tuan sepanjang menjadi anggota tentera?
3	Apakah perbezaan antara tentera darat dengan tentera udara dan tentera air?
4	Adakah tuan pernah menerima apa-apa anugerah sepanjang berkhidmat sebagai anggota tentera?
5	Apakah perkara yang paling tuan rindui dalam bidang ketenteraan selepas bersara?
6	Adakah tuan pernah terlibat dalam sebarang operasi khas?
7	Adakah tuan pernah mengalami kecederaan sepanjang menjadi anggota tentera?
8	Adakah kecederaan yang tuan alami itu serius?
9	Berapa lamakah masa yang tuan perlukan untuk kembali pulih daripada kecederaan itu?
10	Apakah pandangan tuan mengenai sistem ketenteraan di negara kita?
11	Apakah harapan tuan mengenai sistem ketenteraan di Negara kita?
12	Apakah perbezaan antara tentera dengan polis?
13	Bagaimanakah dikatakan satu situasi itu sebagai situasi darurat?
14	Adakah tuan pernah mengendalikan situasi darurat?
15	Adakah tuan pernah ditangkap oleh pengganas?
16	Apakah perbezaan antara tawanan perang dan tawanan penjenayah?
17	Apakah pendapat tuan mengenai kekurangan bilangan tentera dalam system ketenteraan negara kita?
18	Pada pendapat tuan, adakah anggota tentera yang berlainan kaum dan agama dapat bekerjasama?
19	Pada pendapat tuan, adakah kekuatan tentera Negara kita setaraf dengan negara jiran?

11.0

LOG TEMUBUAL

11.0 LOG TEMUBUAL

Minit	Perkara	Kata Kunci
00:00:46	Nama penuh	- Abdul Malik Hashim
00:01:10	Latar belakang tokoh <ul style="list-style-type: none"> - Lahir 28/4/1950 - Tempat lahir di Kampung Tebing Tinggi - Umur 65 tahun - Bangsa Melayu - Agama Islam - Darah campuran, ayah Cina, ibu Melayu 	- Kampung Tebing Tinggi - Muar - Bukit Gambir
00:02:36	Bilangan adik beradik <ul style="list-style-type: none"> - 11 orang, 7 lelaki 4 perempuan 	
00:03: 20	Adik nombor 6 meninggal disebabkan <i>down syndrome</i>	
00:04:00	Perkahwinan <ul style="list-style-type: none"> - Bulan 2/1972 - Nama isteri Saadiah binti Mat Yunus - Anak pertama Razak - 5 orang anak, 4 lelaki, seorang perempuan 	- Saadiah Mat Yunus - Razak
00:05:00	Cucu 9 orang	
00:05:15	Pendidikan awal <ul style="list-style-type: none"> - Sekolah rendah - <i>Secondary school</i> 	- Sekolah Melayu Tebing Tinggi - Sekolah Tinggi Segamat

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

00:05:55	Hobi di masa lapang <ul style="list-style-type: none">- Bekerja- Tidur	
00:06:48	Pekerjaan ibu bapa	<ul style="list-style-type: none">- Petani- Penoreh getah
00:07:10	Selain pertanian, kerja lain dilakukan bapa <ul style="list-style-type: none">- Home guard	- <i>Home guard</i>
00:07:50	Masuk tentera <ul style="list-style-type: none">- Bulan 9, 1969	- 13 Mei
00:08:00	Faktor pendorong sertai bidang tentera <ul style="list-style-type: none">- Memang layak jadi tentera- Minat bidang ketenteraan	
00:08:30	Gaji permulaan <ul style="list-style-type: none">- RM 95 sebulan	
00:08:40	Tempoh masa rekrut dipendekkan sejak 13 Mei, tempoh masa latihan dilanjutkan <ul style="list-style-type: none">- 6 bulan ke 3 bulan- 12 jam jadi 24 jam	- 13 Mei
00:09:35	Pendorong dalam bidang ketenteraan <ul style="list-style-type: none">- Ketua	
00:09:50	Gaji bertambah <ul style="list-style-type: none">- 10% dari setahun ke setahun- Naik pangkat	
00:10:20	Zaman komunis	- Komunis

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<ul style="list-style-type: none"> - Berkhidmat di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak - Bertukar-tukar tempat kerja 	<ul style="list-style-type: none"> - Semenanjung Malaysia - Sabah - Sarawak
00:11:00	<p>Tugas dalam bidang ketenteraan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tentera darat selama 12 tahun - Pegawai logistik 	<ul style="list-style-type: none"> - Tentera darat - Logistik
00:11:50	<p>Maksud lambang ATM</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kekal 	<ul style="list-style-type: none"> - ATM
00:12:00	<p>Cara berkhidmat berlainan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dulu komunis, sekarang aman 	<ul style="list-style-type: none"> - Aman - Perang
00:12:35	<p>Tempat berkhidmat</p> <ul style="list-style-type: none"> - 1969-1970 dipindahkan ke Mentakab - 1973 dinaikkan pangkat ke Lans Koperal di Alor Setar - 1979 dipindahkan ke Sungai Besi, sebagai tentera istiadat 	<ul style="list-style-type: none"> - Mentakab - Satu Melayu Diraja - Lans koperal - Tiga Melayu Diraja - Alor Setar - Sungai Besi - Kuala Lumpur - Tiga Melayu Diraja - Tentera istiadat
00:13:45	<p>Kepakaran di Satu Melayu Diraja</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tentera biasa - Kursus di bidang logistik 	<ul style="list-style-type: none"> - Logistik
00:14:08	<p>Logistik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jaga keseluruhan 	<ul style="list-style-type: none"> - Sarjan Mejar - Logistik

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<p>barang tentera</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sediakan keperluan - <i>Demand</i> barang, <i>issue</i> <p>barang</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Control</i> makan, pakaian, tempat tinggal 	
00:15:36	Dalam bidang logistic selama 6 tahun	
00:15:55	<p>Terlibat dalam bidang lain</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tembak musuh - <i>Ambush</i> - Kawal keadaan 	<ul style="list-style-type: none"> - Sabah - Sarawak - <i>Ambush</i>
00:16:33	<p>Senjata dikendalikan</p> <ul style="list-style-type: none"> - HMJ - <i>Anti aircraft</i> - 016 	<ul style="list-style-type: none"> - HMJ - <i>Anti aircraft</i> - 016
00:17:18	<p>Perlu latihan untuk kendalikan senjata</p>	- Korea
00:17:38	<p>Tempoh kursus kendali senjata</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2-3 bulan 	
00:17:52	<p>Tidak perlu lesen untuk tentera</p> <ul style="list-style-type: none"> - Orang awam perlu lesen kendali senjata - Perlu latihan mahir untuk kendalikan senjata 	
00:18:35	<p>Kenderaan dikendalikan</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Korean jeep</i> - <i>Land rover</i> 	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Korean jeep</i> - <i>Land rover</i> - 31 Ogos
00:19:10	Kenderaan tentera perlu lesen	

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

00:19:30	Tiada tempoh pegang lesen kenderaan
00:20:18	Pengalaman di waktu aman - Infantri - Bantu di luar - Cegah rusuhan Pengalaman tentang komunis - Masuk hutan - Penggantian setiap masa
00:21:25	Ancaman - Di hutan - Di luar - Duduk di barisan belakang polis
00:22:28	Tentera sebagai sokongan - 13 Mei - Polis akan ambil tindakan dahulu
00:23:16	Tidak pernah dihantar ke luar negara - Australia - Cuma konvo - Misi-misi ke luar negara selepas zaman - Latihan bersama negara lain
00:23:55	Keadaan tidak aman - Bantu orang dalam negara sendiri Bila keadaan aman - Jadi tentera pengaman
00:24:50	Lebih kepada menjaga negara - Berkorban untuk

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	negara	
00:25:40	Pengalaman pahit manis - Bujang, tiada masalah - Zaman tiada telefon bimbit, Cuma surat - Berita penting guna telegram	- Telegram
00:26:50	Gembira memasuki bidang tentera - Gaji kecil - Barang murah Keluarga sihat, anak sihat - Tiada masalah	- Tentera darat - Tentera laut - Tentera udara
00:28:08	Beza bidang kuasa tentera darat, tentera laut dan tentera udara - Tiada beza - Bergabung menjalankan tugas - Saling bantu membantu	
00:29:40	Saling berkomunikasi antara tentera - Bekerjasama dengan polis hutan	- Polis hutan
00:30:30	Anugerah diperolehi - Tiada anugerah AMN - PPA diperolehi	- AMN - PPA - PTB
00:31:30	Tempoh perkhidmatan anggota tentera - 21 tahun - 22 tahun baru pencen	
00:32:05	Tidak boleh teruskan dalam	- Sarjan Mejar

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<p>bidang tentera</p> <ul style="list-style-type: none"> - Selepas 45 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> - Quarter Master
00:32:55	<p>Disiplin dalam tentera</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tinggi - Kakitangan kerajaan dikehendaki mengikut latihan tentera untuk disiplin kan diri - Dalam tentera mesti disiplin - Buat salah ada hukuman - Hormat orang bawah, untuk dapat hormat orang bawah 	<ul style="list-style-type: none"> - Disiplin - <i>brainwash</i>
00:36:18	<p>Dalam tentera, jangan buat cara kampung</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tepati masa - Datang awal 	
00:38:30	<p>Tidak pernah terlibat dalam operasi khas</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tiada rusuhan - Ada latihan - Giliran masuk hutan - Sempadan Thailand, Bukit Kayu Hitam 	<ul style="list-style-type: none"> - Kelantan - Thailand
00:39:38	<p>Operasi terbesar disertai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Operasi di Jalan Raja, Sarawak - <i>Information A1</i> - Ramai meninggal semasa operasi 	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Raja, Sarawak - <i>Information A1</i>
00:43:45	<p>Kedaaan di mana bekalan</p>	

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<p>habis itu perkara biasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Simpan makanan dalam tanah, gali semula - Tanam makanan 	
00:44:55	<p>Tidak pernah bekalan makanan habis terus</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kalau habis, keluar cari perkampungan - Dalam hutan, diajar untuk <i>survival</i> 	- <i>survival</i>
00:46:35	<p>Tidak pernah ditembak</p> <ul style="list-style-type: none"> - hidup berakal, mati berhantu - berhati-hati menjalankan tugas 	- Sentri
00:47:48	<p>Sistem ketenteraan sekarang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dulu gaji kecil, sekarang gaji besar - Sekarang lebih senang - Askar waktu aman, banyak buat latihan 	
00:49:20	<p>Ada giliran untuk masuk ke hutan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ada unit perlu bersiap sedia 	
00:49:50	<p>Cuti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Setahun sebulan - Cuti direkod - Askar kerja 24 jam 	
00:50:40	<p>A1</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perisikan 	<p>- A1</p> <p>- SB</p>

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<ul style="list-style-type: none">- Rahsia- Informasi boleh dipercayai- SB	<ul style="list-style-type: none">- A2- A3
00:52:58	Harapan dalam bidang ketenteraan zaman dulu dan sekarang <ul style="list-style-type: none">- Dulu ada darurat	- <i>curfew</i>
00:52:28	Harapan <ul style="list-style-type: none">- Kekal aman- Tentera harus ada- Pandang bekas tentera, hormat bakti mereka- Jangan seperti kacang lupukan kulit	
00:56:48	Perbandingan masa sekarang dengan zaman Encik Abdul Malik Hashim <ul style="list-style-type: none">- Teknik sama- Kawad sama- Pakaian makin moden	
00:57:36	Perbezaan tentera dengan polis <ul style="list-style-type: none">- Bahaya terbuka	
00:59:36	<i>Special force</i> polis berkait dengan <i>special force</i> tentera <ul style="list-style-type: none">- Bergantung pada keadaan- Saling bantu membantu	
01:01:02	Adanya pasukan tentera elit untuk melindungi kerabat	

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	diraja - Tiada	
01:03:35	Situasi darurat yang memaksa kerajaan keluaran pekeliling - Tidak perlu darurat	
01:05:55	Situasi darurat yang mungkin berlaku - Selagi berpegang pada agama, susah darurat berlaku	- BN
01:09:05	Keliru dengan IS - Motif perjuangan - Penggal kepala orang	- IS - Indonesia
01:11:35	Pengalaman kendali situasi kecemasan - Tiada darurat - Situasi terkawal	
01:13:30	Tidak pernah ditangkap pegganas	
01:14:30	Perbezaan tawanan perang dan penjenayah - Tindakan pihak polis - Tentera hanya tangkap	
01:16:05	Mahkamah tentera - <i>Code marshall</i> - Lihat kenyataan saksi	- <i>Code marshall</i>
01:18:42	Bagaimana tentera mencari maklumat dari tawanan - Ada SB - Serah pada polis	- SB
01:19:38	Lambang komunis	

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	<ul style="list-style-type: none">- Tidak berapa tahu- Sudah lama wujud	
01:21:05	Adanya orang Melayu menentang komunis	
01:22:10	Kepakaran tentera dalam ketenteraan <ul style="list-style-type: none">- <i>Medical</i>- Ustaz- Banyak kepakaran ada pada awam	- <i>Medical</i>
01:23:33	Adanya kepakaran khusus tentera <ul style="list-style-type: none">- <i>Engineer</i>- Kurang kepakaran- Logistik cuma <i>storekeeper</i>	- <i>Engineer</i> - <i>Storekeeper</i>
01:25:23	Bukan bumiputra dalam bidang ketenteraan <ul style="list-style-type: none">- Dulu kurang- Sekarang lagi kurang	
01:26:50	Sesiapa boleh memasuki bidang ketenteraan <ul style="list-style-type: none">- Askar lebih bagus	
01:27:45	Masuk bidang tentera <ul style="list-style-type: none">- Bilangan bukan Melayu lebih kurang	
01:28:50	Kurang kempen untuk mengajak lebih ramai bukan Melayu menyertai bidang ketenteraan	
01:29:30	Kekuatan tentera zaman dahulu setaraf dengan negara lain	

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	- Sama keupayaan	
01:30:10	Negara besar menghormati Malaysia - Beli kapal terbang daripada negara besar	- MH 370
01:33:40	Kemajuan teknologi - Tentera lebih bagus	
01:34:42	<i>Supervise</i> prestasi tentera dari luar negara - Di Sabah	- Sabah
01:36:40	Cara menghalang masalah pegganas - Peranan pemimpin - Melayu mudah lupa	- Dr Mahathir
01:38:35	Nasihat - Anak muda memasuki bidang tentera	
01:41:14	Nasihat dan kata-kata semangat - Kelayakan - Beri nasihat untuk sertai tentera	
01:44:10	Berminat memasuki bidang ketenteraan meskipun mempunyai kelayakan lebih baik - digalakkan	
01:47:40	PLKN - Bukan satu pembaziran - Elaun tidak mencukupi	- PLKN

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	- PLKN untuk jati diri	
01:49:	Satu kewajipan menyertai latihan tentera - Di Thailand	- Thailand - Korea - Singapore
01:50:45	Setuju latihan ketenteraan diadakan di dalam negara	
01:54:40	Setuju pelajar UiTM ikut serta dalam tentera seperti pelajar UTM	- UiTM - UTM
01:58:00	Logistik zaman kini sama dengan zaman sekarang	

12.0

DIARI

PENYELIDIKAN

12.0 DIARI PENYELIDIKAN

No	Tarikh/Masa	Aktiviti	Orang yang terlibat
1	15/03/2015 4.00 p.m.	Perbincangan tentang subjek Oral History	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
2	19/03/2015 10.00 a.m.	Perbincangan umum mengenai tokoh yang bakal ditemubual	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
3	22/03/2015 4.00 p.m.	Encik Zul-Azmi memberi tugas	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
4	26/03/2015 10.00 a.m.	Menghantar tugas yang diberi	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
5	02/04/2015 10.00 a.m.	Perbincangan mengenai soalan yang akan diajukan	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
6	05/04/2015 4.00 p.m.	Berjumpa Encik Zul-Azmi untuk mendapatkan pengesahan	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
7	09/04/2015 10.00 p.m.	Undian kelas untuk memilih tokoh secara berpasangan. Tokoh yang dipilih perlu berasal dari Segamat dan Kampung Tebing Tinggi	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
8	12/04/2015 4.00 p.m.	Encik Zul-Azmi menghubungi kenalan di Kampung Tebing Tinggi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
9	16/04/2015 10.00 a.m.	Setiap pasangan menerima tokoh masing-masing. Kami mendapat tokoh wanita di Kampung Tebing Tinggi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
10	30/04/2015	Semua pelajar terlibat melawat	Semua pelajar JIM 246 5B,

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

	10.00 a.m.	Kampung Tebing Tinggi	Encik Zul-Azmi
11	10/05/2015 4.00 a.m.	Membuat kajian tentang tokoh wanita Kampung Tebing Tinggi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid
12	21/05/2015 10.00 a.m.	Menghubungi Encik Razak dan bertanyakan mengenai sumbangan tokoh wanita di Kampung Tebing Tinggi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Razak
13	24/05/2015 4.00 p.m.	Meminta pandangan Encik Zul-Azmi untuk menukar tokoh lain di Kampung Tebing Tinggi memandangkan sumbangan tokoh wanita kurang di Kampung Tebing Tinggi. Encik Zul-Azmi bersetuju untuk menukar tokoh kepada tokoh ketenteraan.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
14	04/06/2015 10.00 a.m.	Perbincangan mengenai soalan temubual untuk tokoh ketenteraan.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid
15	07/06/2015	Berjumpa Encik Abdul Malik Hashim, tokoh ketenteraan di Kampung Tebing Tinggi. Menunjukkan contoh soalan temubual kepadanya.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Abdul Malik Hashim
15	07/06/2015 4.00 p.m.	Berjumpa Encik Zul Azmi untuk meminta pandangan dan nasihat. Menghantar contoh soalan temubual ketenteraan kepada Encik Zul Azmi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi
16	11/06/2015 10.00 a.m.	Menyediakan bahan-bahan untuk sesi temubual. Memastikan soalan temubual cukup untuk sesi temubual selama 2 jam.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid
17	13/06/2015 2.00 p.m.	Mengadakan sesi temubual bersama tokoh ketenteraan, Abdul Malik Hashim di pejabatnya selama 2 jam.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Abdul Malik Hashim
18	14/06/2015 10.00 a.m.	Kami mula menyediakan transkrip temubual. Kami membahagikan kerja	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid

IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

		supaya cepat siap.	
19	21/06/2015 10.00 a.m.	Kami mula menyiapkan bahagian-bahagian laporan lain seperti kajian literatur dan log temubual, sementara menyiapkan transkrip temubual.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid
20	29/06/2015 8.00 a.m.	Laporan kami siap sepenuhnya. Kami mencetak laporan kami dan menjilidkannya.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid
21	30/06/2015 10.00 a.m.	Kami menghantar transkrip penuh kepada Encik Zul-Azmi.	Mohamad Amirul Syah, Muhammad Khalid, Encik Zul-Azmi

13.0

RUMUSAN

13.0 RUMUSAN

Mohamad Amirul Syah bin Mohd Kasim dan Muhammad Khalid bin Nor Hisham telah menemubual Encik Abdul Malik bin Hashim pada tiga belas Jun dua ribu lima belas (13 Jun 2015) mengenai pengalaman beliau sebagai anggota tentera. Temu bual ini dijalankan di Pejabat Perladangan AMH Enterprise di Kampung Tebing Tinggi, Segamat, Johor.

Encik Abdul Malik bin Hashim dilahirkan di Kampung Tebing Tinggi, Segamat, Johor pada 28 April 1950. Beliau merupakan anak jati Kampung Tebing Tinggi. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Saadiah binti Mat Yunus. Hasil daripada perkahwinan itu, beliau memperolehi 5 orang cahaya mata. Beliau turut memiliki 9 orang cucu.

Temubual yang dijalankan selama 2 jam ini memfokuskan kepada pengalaman dan sumbangan Encik Abdul Malik bin Hashim sebagai anggota tentera, dan tokoh ketenteraan di Kampung Tebing Tinggi. Beliau telah menceritakan pengalaman beliau sebagai anggota tentera, serta berkongsi pandangan beliau mengenai sistem ketenteraan di negara kita Malaysia, secara umumnya. Beliau turut menceritakan mengenai perbezaan tentera dengan polis yang menjaga keselamatan negara kita. Selain itu, beliau turut memberi buah fikiran yang bernas serta nasihat yang berguna kepada anak muda masa akan datang.

Sepanjang sesi temubual ini dijalankan, Encik Abdul Malik bin Hashim memberi kerjasama yang sangat baik. Walaupun terdapat kekangan masa dari pihak tokoh memandangkan tokoh selalu sibuk, beliau masih dapat meluangkan masa untuk sesi temubual ini untuk berkongsi pengalamannya yang tidak ternilai. Secara keseluruhannya, temubual ini berlangsung dengan jayanya serta lancar, mengikut perancangan kami.

14.0

RUJUKAN

14.0 RUJUKAN

- Angkatan Tentera Malaysia. (2015). *Portal rasmi angkatan tentera Malaysia (MAFHQ)*. Retrieved from www.mafhq.mil.my/index.php/ms/
- Nadzan Haron. 'Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah awal Malaysia' (artikel), *JEBAT*, bil.9. 1979/1980.
- Rahilah Omar & Siti Fathihah AL. (2012). Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(2), 77-87. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/8.abstrak-geografia-peb 2012-themed issue-rahila&fatihah-ukm-22.2.pdf>
- Tentera Darat Malaysia. *Portal rasmi tentera tentera darat Malaysia*. Retrieved from army.mod.gov.my

15.0

LAMPIRAN

15.0 LAMPIRAN



Selepas temubual bersama Encik Abdul Malik bin Hashim

16.0

INDEKS

16.0 INDEKS



13 Mei 26, 33, 56, 57, 59, 60, 67



A1 32, 44, 51, 52, 93

A2 51

A3 51

Alhamdulillah 23, 49, 75,

Alor Setar 28, 44

Amerika 61, 74

AMN 38

Ancaman 33

Anti kapal terbang 30

Anti kereta kebal 30

Anugerah 38

Arab 62

ASEAN 73, 74, 75

Askar 32, 36, 48, 49, 54, 64, 71, 83

ATM 27, 28

Australia 34

B

Bertempur 30, 38, 44, 45

BN 59

Brainwash 41

BR1M 79

Bukit Gambir 21

Bukit Kayu Hitam 44

C

C.O 59

Chin Peng 67

China 21

Cina 20,59, 60, 67, 70, 72, 84

Curfew 52, 54

D

Darurat 47, 52, 54, 58, 59, 60, 62, 63

Dato' Maslan 57

Dayak 71

Disiplin 40, 42, 49, 58, 72, 84, 85

Depoh 91

F

Foreign jeep 31

Frontline 32

G

Gaji 25, 26, 36

Gengster 55

Gerila 30

Google 58

GST 57, 58, 59, 60

H

Helikopter 37, 46, 47, 65, 75, 76

HMJ 30

I

Iban 71

IC 68

Ideologi 61

Imigresen 56

India 59, 60, 67, 70, 72, 84

Indonesia 62

Infantri 29, 32

Information 32, 51

IS 60, 61, 62

Islam 20, 21, 68

Istana Negara 28

J

Jalan Raja 44

Jeneral 59, 89

Johor 20, 57

K

Kampung Tebing Tinggi 20

Kapten 51, 52, 65, 66, 82, 88, 89

Karpal Singh 65, 66

Kelantan 44, 68

KL 43

Kod marshall 65, 66

Komando 48

Komunis 25, 26, 27, 33, 44, 47, 51, 52, 61, 63, 64, 66, 67, 68

Korea 30, 31

Korean Jeep 31

Kuala Lumpur 28, 43

L

Land rover 31, 70

Langkawi 45

Lans Koperal 28, 92

Lans Koperal Mansor 46

Lesen 31

Logistik 27, 28, 34, 56, 58, 59, 64, 68, 71, 72, 90, 91, 92, 93

M

Mahathir 57, 58

Mahkamah tentera 65

Malaysia 27, 28, 34, 56, 58, 59, 64, 68, 71, 72, 80, 81, 85, 88

Mejar 29, 40, 65, 66, 71, 89, 92

Melaka 46

Melayu 20, 23, 28, 29, 42, 57, 59, 60, 67, 71, 72, 73

MH370 76

Muar 21

O

Operasi 37, 44, 48, 56, 63, 66, 88

Orang asli 63

Orang awam 31, 33, 65

P

Padang Besar 76

Penggal 61, 62

Perang 28, 29, 30, 32, 52, 64

Platun 47, 72

Polis bantuan 25, 33

Polis hutan 37, 38

Pontian 57

PPA 38

Propaganda 67

PTB 38

Q

Quarter Master 40

R

Razak 23

Rekrut 26, 28

RELA 56

Rolling 32

Rusuhan 32, 33

S

Saadiah Mat Yunus 23

Sabah 27, 30, 34, 37, 71

Sarawak 30, 34, 37, 44

Sarjan 40, 52, 65, 66, 80, 92

Sarjan mejar 40, 65, 66

Satu Melayu Diraja 28

SB 51, 66

Secret 51, 57

Segamat 20, 24, 60

Sekolah Tinggi Segamat 24

Semenanjung Malaysia 27

Senjata api 25

Sentry 49, 50

Siam 76

Singapore 72

Special force 56

SPM 69

Storekeeper 69, 70

Sultan Johor 57

Sungai Besi 28

Supply 46

Support 37

Survival 48

Sweep 44, 63

T

Tahanan 63, 64

Tawanan penjenayah 64

Tawanan perang 64

Telegram 35

Tentera darat 27, 30, 36, 37, 45, 53

Tentera istiadat 28, 50

Tentera laut 37, 63

Tentera pengaman 34

Tentera udara 37, 45

Thailand 44

Tiga Melayu Diraja 28, 68

U

UiTM 93

Undang-undang 32, 43

Universiti Teknologi Malaysia 88

W

Waran 40